

**Jilid IV
Bil. 6**



**Hari Selasa
16hb Mac, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 797]**

USUL-USUL:

**Ucapan Terima kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 852]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 913]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keruingau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD, BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 16hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**TAMBAK JOHOR—LANGKAH
MENGURANGKAN KESESAKAN**

1. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kesesakan yang berlaku di Tambak Johor, dan sama ada keputusan telah pun dibuat oleh Kerajaan untuk membina sebuah tambak lagi di Johor.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, tindakan jangka pendek dan jangka panjang sedang diambil untuk melicinkan perjalanan lalulintas di Tambak Johor. Tindakan-tindakan jangka pendek (immediate actions) adalah seperti berikut:

- (a) Membina sebuah lagi rumah/pondok Imigeresen di pintu masuk dari Johor Bahru ke Singapura;
- (b) Bangunan Imigeresen di pintu masuk dari Singapura ke Johor Bahru akan diubahsuai dan diperbesarkan untuk melicinkan pengendalian orang-orang berjalan kaki yang memasuki Johor Bahru dan ini termasuklah:

- (i) Membina 4 buah lagi pondok Imigeresen;

- (ii) Membina satu pintu masuk baru dan mengubahsuai dan memperbesarkan kaunter yang sedia ada;

- (iii) Membina satu lagi laluan untuk kenderaan dan memperbesarkan tiap-tiap pondok pemeriksaan Imigeresen ke atas kenderaan bagi menambah pegawai-pegawai bertugas dari 2 kepada 3 orang di pondok-pondok berkenaan;

- (iv) Membina dua buah pondok baru Kastam untuk pemeriksaan kenderaan.

- (c) Mempertingkatkan dan meninggikan pengurusan kakitangan Kastam dan Imigeresen yang bertugas di Tambak Johor termasuklah melanjutkan tempoh masa bekerja di tempat-tempat pemeriksaan kastam untuk lori dari 6.00 pagi hingga 9.00 malam dan menempatkan pegawai-pegawai polis untuk mengendali dan menyalurkan kenderaan sebelum sampai ke tempat kelulusan pemeriksaan Imigeresen/Kastam di waktu kesesakan.

Bagi langkah jangka panjang pula, Kerajaan sedang merancang untuk membina pintu keluar masuk baru berhampiran dengan tambak yang sedia ada. Pintu keluar masuk ini akan dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan moden bagi melicinkan perjalanan kenderaan dan orang-orang berjalan kaki dari Johor Bahru ke Singapura dan sebaliknya. Satu taklimat khas atas rancangan jangka panjang ini akan diberikan kepada sendiri bagi mengambil keputusan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah lagi Tambak di Johor Bahru.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar kawasan Kompleks Kastam di Johor Bahru masa ini tidak sesuai dan tempatnya sangat kecil.

Adakah tindakan diambil untuk meluaskan atau dengan izin, reclaim tanah itu. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar dalam jawapan di Dewan ini Kementerian Kewangan ada menyatakan ada satu langkah meluaskan tanah di Kompleks itu sebanyak 6¼ ekar. Bilakah projek ini akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Soal bahagian pertama sudah dijawab tadi oleh Yang Amat Berhormat mengenai jangka pendek dan jangka panjang. Tinggal lagi mengenai tanah reclamation ini barangkali Yang Amat Berhormat hendak menjawab.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, benar jawapan terkandung dalam soalan itu telah dijawab dalam jawapan saya tadi. Walau bagaimanapun, dari segi kerja-kerja reclamation ini ialah termasuk dalam apa yang saya sebutkan tadi, langkah jangka panjang Kerajaan sedang merancang untuk membina pintu keluar/masuk baru berhampiran dengan tambak yang sedia ada. Maknanya terpaksa tanah tambahan reclaim dalam laut itu ditambak dengan tanah baru. Reclamation work akan dibuat dan ini meliputi segala rancangan jangka panjang yang saya sebutkan tadi, sungguhpun saya belum dapat mengetahui dengan cara detailnya tetapi satu daripada projeknya ialah untuk mengambil semula (reclaim) tanah yang berkenaan untuk diperbesarkan Kompleks itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara kecil yang boleh mengurangkan kesesakan mengenai dengan Tambak Johor. Yang pertama, lorong VIP yang tidak digunakan dan adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju supaya ia ditukarkan kepada lorong keutamaan kerana lorong VIP itu kalau tidak

digunakan akan digunakan oleh lori-lori dan kedua papan tanda untuk menunjukkan Pasport Warganegara, Pasport Singapura dan Pemegang-pemegang Pasport Warganegara Asing terlampau dekat dengan pintu Tambak Johor dan apakah yang boleh dibuat supaya tanda itu agak ½ batu atau ¾ batu daripada pintu Tambak Johor.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini semua akan diambil kira apabila ditetapkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu mengikut jawapan yang diberi tadi bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membina satu tambak baru, tetapi oleh kerana adanya pembangunan yang pesat di Singapura menyebabkan negara itu telah membuat tambak atau telah menimbus kawasan laut di Selat Tebrau dan dalam jangka panjang mungkin tanahnya akan berhampiran dengan negara kita. Jadi ini akan membahayakan negara kita dan kedua apakah kedudukan di sempadan negara kita di Selat Tebuhan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu di luar daripada soalan asal.

Tuan Chan Teck Chan: Soal tambahan. Selain daripada memperbaiki kapasiti dan kelengkapan serta menambah bilangan kakitangan di Customs checkpoint, adakah Yang Amat Berhormat sedar salah satu sebab yang menyebabkan masalah kesesakan kerana cara dan sikap pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak Imigresen dan pihak Kastam, umpamanya, satu contoh ialah selepas BSN bertindak untuk menangkap dua orang Pegawai Kastam, maka berlakulah "long queue di Customs checkpoint". Adakah Yang Amat Berhormat sedar, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki cara dan sikap pemeriksaan yang diadakan di Customs checkpoint itu?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, insiden yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu atau apa yang terjadi berikutan dengan insiden itu adalah merupakan spekulasi sahaja iaitu khabar-khabar angin

mengatakan tindakan diambil, kerana sebenarnya pihak Kastam telah mengambil langkah untuk menentukan bahawa peraturan-peraturan yang ditetapkan diikuti tetapi kejadian itu ada kaitan dengan musim ataupun keadaan hari-hari yang berkenaan. Jadi saya tidaklah mahu menerima saranan kalau dikatakan sesuatu insiden itu disebabkan oleh sikap pegawai-pegawai yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya tidaklah menafikan bahawa ada kemungkinan di kalangan pegawai yang berkenaan yang mengambil sikap negatif, tetapi bukan pada keseluruhannya ada barangkali, dan ini merupakan satu proses pertukaran pemikiran pegawai-pegawai supaya apabila mereka menjalankan tugas mereka dapat menjalankan tugasnya dengan teratur, licin dan cekap dan berkesan.

Sayugia diingatkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tugas dan tanggungjawab pegawai yang berkenaan begitu menekan di Kompleks Kastam itu, lebih-lebih lagi di waktu musim hari perayaan dan sebagainya. Jadi itulah sebabnya dengan penambahan ataupun memanjangkan waktu bekerja daripada pukul 6.00 hingga pukul 9.00 malam, jumlah panjang masa seseorang pegawai hendak bekerja itu pasti akan dapat dikurangkan supaya jangan terlampau panjang masa mereka bekerja itu sehingga tidak menekan sangat atas tahap pencapaian tugas mereka.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar walaupun Kompleks itu ada banyak lorong untuk periksa, tetapi pada hari Ahad dan Sabtu separuh digunakan, dengan sebab itu menyebabkan traffic congestion?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu bukan satu sahaja sebabnya, memang benar, tetapi saya suka menyatakan bahawa apabila terjadi kesesakan lorong-lorong yang dikatakan tidak digunakan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pontian, misalnya, memang dibuka khasnya pada hari berkenaan supaya ia dapat menyenangkan lalulintas ataupun meringankan bebanan.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE INDONESIA

2. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan sama ada di dalam lawatan Timbalannya ke Indonesia baru-baru ini beliau telah membincangkan dengan Kerajaan Indonesia masalah tenaga buruh dari Indonesia yang amat diperlukan oleh Malaysia dan jika ada apakah persetujuan yang dicapai di dalam masalah ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 10hb Mac, 1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan berhubung dengan soalan ini.

GETAH ASLI—HARGA

3. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha-usaha yang diambil bagi menjamin perusahaan getah di negara ini terutama di kalangan pekebun-pekebun kecil; sebagai pengeluar utama getah dunia akibat daripada kejatuhan harga getah di pasaran getah antarabangsa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, akibat kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan sekarang, permintaan bagi bahan-bahan utama termasuk getah asli telah berkurangan dan harganya juga merosot. Berikutan dari mesyuarat-mesyuarat di antara Kementerian saya dengan pihak swasta, estet-estet dan kemudiannya pihak perniagaan telah memberi kerjasama untuk menambahkan setok mereka supaya getah yang berlebihan di pasaran dapat dikurangkan. Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan seperti RISDA dan MARDEC telah diarah supaya meningkatkan pembelian mereka dari pekebun-pekebun kecil secara terus sebagai langkah mengukuhkan harga getah gred rendah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah juga menganggotai

Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah asli di pasaran antarabangsa. Oleh sebab pasaran getah begitu lemah, Pengurus Setok Penimbal terpaksa juga memasuki di dalam pasaran untuk menahan harga getah terus menurun. Oleh yang demikian, Eksekutif Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) baru membuat panggilan sumbangan ketiga sebanyak M\$200 juta selepas mesyuarat Majlis Getah Asli Antarabangsa di Kuala Lumpur. Dengan panggilan sumbangan kali ketiga ini, sejumlah M\$488 juta telah dipanggil dari negara-negara ahli yang membolehkan Pengurus Setok Penimbal membeli getah lebih kurang 250,000 tan dari pasaran. Operasi Setok Penimbal yang telah pun bermula pada bulan November, 1981 telah dapat menahan harga getah asli jatuh ke paras yang lebih rendah.

Sejajar dengan langkah-langkah penstabilan harga di atas usaha-usaha untuk menjamin dan memajukan perusahaan getah di negara kita terus dipergiatkan dengan meningkatkan kecekapan pengeluaran. Memandangkan kepada hakikat ini, Kerajaan menggalakkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan, pemindahan teknologi khususnya kepada pekebun-pekebun kecil, memperbaiki pemerosesan dan daya pengeluaran di samping menjamin mutu getah keluaran pekebun-pekebun kecil. Kerajaan juga telah menjalankan usaha-usaha bagi memperbaiki pasaran getah asli menerusi misi-misi perdagangan dan ekonomi yang telah dan yang akan dihantar dari masa ke semasa ke luar negeri bagi mengukuhkan pasaran-pasaran tradisional di samping meneroka pasaran-pasaran baru. Kerajaan telah menyemak dan memperbaiki langkah-langkah fiskal bagi meningkatkan insentif dan pulangan kepada pengeluar-pengeluar terutama sekali pekebun-pekebun kecil dan akan terus berbuat demikian dari masa ke semasa. Selain dari itu, Kerajaan sedang membekalkan beberapa kemudahan-kemudahan kepada pekebun-pekebun kecil melalui program-program RISDA.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan yang ada setakat hari ini

supaya Malaysia tidak sahaja menjadi pengeluar bahan mentah seperti getah semata-mata, kerana di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suatu ketika dahulu ada mengatakan bahawa kita seharusnya mengeluarkan barang-barang daripada getah untuk mengstabilkan harga getah. Jadi, apakah langkah Kerajaan yang ada setakat hari ini ataupun tak ada?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan memang mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya bukan hanya kita menjadi pengeluar getah asli dalam bentuk mentah tetapi dalam bentuk barang yang diproses yang dibuat daripada getah. Kita menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat swasta dan juga agensi-agensi Kerajaan supaya menjalankan aktiviti membuat barangan "end product" atau "value added product" daripada getah. Dalam Kementerian saya, MARDEC telah diberi tugas untuk menentukan penglibatan dalam usaha ke arah ini akan diambil dengan giatnya. Misalnya, pada setakat ini MARDEC telah mengadakan joint venture dengan beberapa syarikat yang besar untuk menentukan barang-barang pengeluaran ataupun "end product" yang disebut akan dapat dikeluarkan untuk kegunaan dalam negeri dan juga di luar negeri.

Selain daripada itu, sememangnya sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah berkali-kali menegaskan bahawa tindakan memang diambil untuk menentukan bukan hanya setakat ini 4% daripada keluaran getah kita digunakan dalam negeri untuk mengeluarkan hasil-hasil daripada getah, tetapi akan meningkatkan jumlah peratus itu di tingkat lebih tinggi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi daya-usaha untuk memperbaiki taraf getah pada pekebun-pekebun kecil yang mana kita tahu hari ini taraf getah pekebun kecil ini kebanyakannya selalu mendapat tempat yang ketiga. Jadi kalaulah sudah diperbaiki tarafnya adakah Timbalan Menteri yang

Third World, dengan izin, jadi sebenarnya saya telah sebutkan perkara ini, inilah usaha Kerajaan untuk menentukan pasaran itu akan bertambah.

WANG CAGARAN DIPUNGUT OLEH TELEKOM

4. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa banyakkah jumlah Wang Pertaruhan (Deposit) yang diterima oleh Jabatan Telekom daripada pelanggan-pelanggannya serta berapa banyakkah faedah (Interest) yang diterima hasil daripada simpanan Wang Pertaruhan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang cagaran yang telah dipungut oleh Jabatan Telekom ialah \$104.15 juta hingga bulan Disember, 1981. Wang Cagaran ini adalah disimpan dan dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Amanah Telekom (Telecom Trust Account) dan Jabatan Telekom tidak melaburkan atau mendapat faedah daripadanya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dasar wang pertaruhan ini adalah tujuannya ialah takut pelanggan-pelanggan itu tidak membayar bil-bil telefon. Tetapi apakah pihak Kementerian bercadang jika didapati rekod pembayaran pelanggan-pelanggan itu baik membayar kembali wang cagaran ini kepada pelanggan selepas 6 bulan telefon itu dipasang ke rumahnya supaya wang yang \$104 juta ini faedahnya akan dapat kepada pelanggan.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu oleh kerana mungkin pada awalnya pelanggan-pelanggan itu menempatkan pembayaran bil, tetapi mungkin pada kemudian hari mereka akan berbuat sebaliknya.

UNIT KECEMASAN HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar

bahawa wad kecemasan di semua Hospital Kerajaan seluruh negara tidak dilengkapkan sepenuhnya dengan kemudahan yang cukup untuk menampung semua kes kecemasan; jika sedar, sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk memperbaiki keadaan di semua wad kecemasan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Unit Kecemasan di hospital-hospital Kerajaan tidak dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang secukupnya. Malah suka saya menyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa semua Unit Kecemasan dan Kemalangan di hospital-hospital Kerajaan adalah dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan seperti alat kelengkapan "resuscitative" dan alat-alat keperluan yang lain. Kedudukan kemudahan-kemudahan dan alat-alat kelengkapan sentiasa diawasi dan ditingkatkan apabila perlu supaya doktor-doktor dan kakitangan para-perubatan dapat mengendalikan kes-kes kecemasan selaras dengan rawatan yang diperlukan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi saya tidak menafikan, tetapi satu perkara bila berlaku kecemasan di was kecemasan, semua keluarga orang yang sakit tenat menziarah dengan ramainya dan ini berlaku di Hospital Kangar, kita tidak boleh hendak larang, macam saya kata tadi, kadang-kadang sampai 20-30 orang duduk tidak tahu tempat, berkenaan dengan rawatan orang yang sakit saya tidak nafikan, tetapi tidakkah boleh Kementerian yang berkenaan menyediakan tempat-tempat untuk pelawat khas di dalam wad kecemasan?

Dato' K. Pathmanaban: Jika tidak salah, Tuan Yang di-Pertua, soalan itu jika boleh benarkan pelawat-pelawat di Wad Kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia mahu kemudahan pelawat pula, bukan kelengkapan atau alatan tetapi kemudahan untuk pelawat.

Dato' K. Pathmanaban: Ini bukan mengenai kelengkapan, jadi di luar daripada soalan asal (*Ketawa*).

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, selain daripada alat-alat dan kemudahan yang ada dibekalkan, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada doktor-doktor bertugas selama 24 jam di Wad-wad Kecemasan misalnya di Hospital Besar Kuala Lumpur dan di samping itu adakah kakitangan pra perubatan diberi latihan yang cukup untuk membolehkan mereka berkhidmat di Wad-wad Kecemasan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, di hospital-hospital besar doktor-doktor sentiasa berada di Wad Kecemasan dan saya juga dapat mengatakan bahawa kakitangan pra perubatan juga diberi latihan untuk merawat kes-kes seperti ini. Kita juga sedang mengaturkan beberapa kursus latihan yang lain kepada kakitangan pra perubatan untuk meningkatkan kebolehan mereka dalam kes-kes seperti ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya Wad-wad Kecemasan ini tidak boleh terganggu terutama daripada gangguan elektrik. Jadi setakat ini seluruh hospital menggunakan bekalan elektrik daripada LLN. Apakah pihak hospital mengadakan bekalan elektriknya sendiri bagi menampung ketika berlakunya gangguan elektrik. Kalau tidak ada, apakah bercadang untuk mengadakan bekalan elektriknya sendiri?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, biasanya di hospital-hospital besar kita mempunyai alat-alat "standby generator" untuk membekalkan kuasa elektrik. Itu bukan sahaja untuk Wad Kecemasan tetapi khususnya untuk Operation Theatre dan lain-lain.

AKAUN BANK ORANG YANG DISYAKI PENGEDAR DADAH

6. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada rancangan-rancangan sedang dibuat dengan negara-negara dalam ASEAN, Hong Kong dan Switzerland supaya akaun orang-orang yang disyaki berasuah dan menjalankan pengedaran dadah boleh dapat diperiksa atau disiasat untuk kepentingan bersama.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya bank-bank di seluruh dunia tidak menghendaki penyimpan-penyimpan wang memberitahu mereka akan asal usul wang simpanan mereka, apatah lagi sama ada ianya diperolehi dengan cara yang mengikut atau menyalahi undang-undang. Tambahan pula kebanyakan negara-negara mempunyai undang-undang yang ketat mengenai penyimpanan rahsia yang menegah bank-bank daripada memberikan maklumat dengan bebasnya tentang akaun-akaun simpanan para pelanggan mereka kepada pihak lain termasuklah kepada pihak Kerajaan.

Walau bagaimanapun jika Kerajaan melalui Biro Siasatan Negara atau pihak Polis mengesyaki bahawa wang yang diperolehi oleh orang-orang di Malaysia melalui kegiatan-kegiatan haram telah disimpan di negara-negara lain, maka Kerajaan bolehlah meminta bantuan Kerajaan negara asing yang terlibat dalam penyiasatan ke atas perkara tersebut.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beritahu kepada Menteri yang berkenaan

Tuan Yang di-Pertua: Hendak memberitahukah atau hendak bertanya?

Dr Chen Man Hin: Dan bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak beritahu tidak payah, soalan tambahan sahaja boleh!

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar sungguhpun bank-bank di lain negara ada undang-undang dihadkan membuka akaun untuk menyiasat tetapi Amerika Syarikat dan bank-bank Switzerland ada satu perjanjian (agreement) di mana orang-orang yang disyaki ada mengedar dadah (drug trafficking) akaun-akaun itu boleh dibuka dan disyorkan kepada Amerika Syarikat?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta notis. Kalau boleh sila kemukakan maklumat-maklumat kepada Kerajaan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa kalau perlu Kerajaan kita boleh meminta bantuan Kerajaan lain mengenai siasatan akaun-akaun orang yang disyaki ada terlibat di bawah siasatan BSN atau pihak Polis. Soalan saya ialah dalam 2-3 tahun ini apakah pengalaman pihak Kerajaan mengenai perkara ini apabila meminta bantuan daripada pihak Kerajaan lain untuk mendapati akaun-akaun orang-orang Malaysia yang ada terlibat dalam jenayah-jenayah atau korupsi. Adakah dapat response dan dapat hasil yang memuaskan?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kerajaan belum lagi mengambil tindakan melalui pihak Polis ataupun Biro Siasatan Negara untuk mendapat maklumat-maklumat berkenaan dengan warganegara Malaysia yang mempunyai akaun simpanan di negara asing. Ini adalah kerana masalah ini belum timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah sehingga ke saat ini pihak Kerajaan melalui BSN atau pihak Polis apabila menjalankan tugas-tugas mereka tidak pernah mendapati ada kes-kes di mana ada orang-orang warganegara Malaysia atau orang-orang di Malaysia disyaki ada menyimpan wang yang banyak baikpun di akaun-akaun Switzerland atau lain-lain negara, bahawa masalah itu belum timbul?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi ada bukti untuk siasatan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab sudah tentu ada sesuatu badan antarabangsa yang akan ditugaskan untuk memerangi pengedaran dadah, maka bolehkah pihak Kerajaan kita ketengahkan cadangan yang baik ini sebagai satu usaha antarabangsa untuk memerangi pengedaran dadah?

Dato' Mak Hon Kam: Sila ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Oleh sebab sudah tentu ada sesuatu badan antarabangsa yang bertujuan khas untuk mencegah pengedaran dadah di dalam dunia

ini, jadi bolehkah pihak Kerajaan berusaha untuk ketengahkan cadangan yang baik ini iaitu sebagai suatu usaha khas antarabangsa untuk mencegah pengedaran dadah?

Dato' Mak Hon Kam: Ini soalan lain tetapi walau bagaimanapun boleh ditimbangkan.

PEJABAT PELAJARAN DAERAH

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pembukaan pejabat-pejabat Pelajaran Daerah akan dilakukan serentak atau berperingkat-peringkat di seluruh negara. Apakah asas-asas panduan bagi memilih Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah berkenaan, supaya perlantikan itu selaras dengan kehendak Dasar Pelajaran Negara kita.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, pembukaan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah akan dilakukan secara serentak di seluruh Semenanjung Malaysia. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk mengisi kekosongan jawatan di Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah itu dengan Pegawai-pegawai Pelajaran yang kanan lagi berpengalaman luas dari segi pentadbiran dan penyelenggaraan sekolah. Mereka juga akan dipilih mengikut kekenanan, kesesuaian selaras dengan prinsip kenaikan pangkat di dalam pentadbiran awam.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya ingin mendapat tahu khasnya di negeri saya Perlis; setahu saya boleh jadi Pegawai Pelajaran Daerah ini akan ditempatkan mengikut daerah-daerah dalam negeri, jadi oleh sebab Perlis tidak ada daerah, apakah yang akan dilakukan kepada Perlis mengikut dua kawasan ataupun satu sahaja? Ini saya ingin mendapat tahu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu sudah memberi jawapannya sendiri kerana beliau mengatakan Perlis tidak ada daerah, jadi tidak adalah Pegawai Pelajaran Daerah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jadi teka-teki itu sudah berjawab!

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kriteria-kriteria yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai perlantikan Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah ini, adakah Kementerian juga menimbangkan soal orang-orang tempatan iaitu guru-guru yang ada di tempat itu sendiri yang barangkali lebih mengetahui keadaan tempat-tempat itu, adakah orang-orang ini akan diberi pertimbangan priority dalam soal perlantikan itu nanti?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kriteria kita seperti mana saya sebutkan tadi berasaskan kepada prinsip-prinsip kenaikan pangkat iaitu faktor kecekapan termasuklah juga kelakuan dan penerimaan pegawai tersebut oleh pihak tempatan. Jadi perkara yang disebut oleh Yang Berhormat itu adalah diambil hitungan juga.

PROJEK FEDERAL HIGHWAY TWO-RECONSTRUCTION

8. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan tarikh ditetapkan untuk penyelesaian projek "Federal Highway Two-Reconstruction", tarikh yang dianggarkan ia akan selesai, dan kos projek ini dan juga menyatakan sebabnya mengapa projek ini gagal diselesaikan seperti dijadualkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, tarikh yang ditetapkan dan juga dijangka akan siap projek "Reconstruction of Federal Highway Two" ialah pada akhir tahun 1983 dengan perbelanjaan dalam lingkungan \$100 juta. Soal kegagalan dalam menyiapkan kerja mengikut jadual tidak timbul.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Oleh sebab lebuh raya Utara Selatan termasuk yang dibincangkan ini merupakan satu projek ekonomi yang terbesar sekali sejak negara kita merdeka dan juga akan membawa kesan yang terbanyak sekali dalam memesatkan ekonomi negara, bolehkah pihak Kerajaan memberi keutamaan khas supaya projek ini dapat

diselesaikan mengikut jadual dan bukan akan dilengah-lengahkan seperti kebanyakan projek-projek JKR yang lain.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berkaitan dengan Federal Highway Two, iaitu dari Kuala Lumpur ke Kelang jadi tidak ada kena mengenai dengan North-South Highway.

GURU BAHASA MALAYSIA— KEKURANGAN

9. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kekurangan guru Bahasa Malaysia di Sarawak apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia di Sarawak. Di antaranya ialah mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan kepada guru-guru terlatih yang sedang berkhidmat di Sarawak untuk membolehkan mereka mengejar dalam Bahasa Malaysia dan juga mengajar bahasa itu sebagai satu matapelajaran.

(b) Menambah bilangan pengambilan tahunan guru-guru yang dilatih di Maktab-maktab Perguruan di Semenanjung Malaysia khas untuk mengajar Bahasa Malaysia untuk ditempatkan di Sarawak.

(c) Menambahkan bilangan pengambilan tahunan guru-guru Bahasa Malaysia yang dilatih di ketiga-tiga Maktab Perguruan di Sarawak. Menambahkan bilangan guru-guru Bahasa Malaysia yang ditempatkan dari Semenanjung ke Sarawak bagi tahun 1982 seramai 350 orang guru tambahan yang mengajar Bahasa Malaysia ditempatkan di negeri Sarawak dari Semenanjung.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada beliau sedar guru-guru dari Semenanjung Malaysia dihantar ke negeri Sarawak kebanyakan mereka tidak mahu berkhidmat dalam kawasan luar bandar. Jika ya, apakah tindakan akan diambil.

berkenaan memberi jaminan kalaulah pihak-pihak pembeli getah selalu berbuat macam pembeli-pembeli yang lain, yang mereka ini akan meletakkan gred, walaupun taraf itu baik, tetapi kadang-kadang mereka sendiri menurunkan taraf pekebun-pekebun kecil dengan gred yang rendah lagi, adakah satu jaminan yang baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah satu dahulu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya gred getah yang dikeluarkan oleh Malaysia memanglah gred yang diiktiraf oleh pembeli-pembeli antarabangsa dan memanglah usaha Kerajaan untuk menentukan supaya gred getah yang dikeluarkan terutama sekali oleh pekebun-pekebun kecil akan sentiasa menjadi gred yang tinggi. Kita mempunyai agensi-agensi seperti sebagaimana yang saya sebutkan tadi MARDEC misalnya memang dikhaskan untuk bertugas sebagai pembeli kepada getah-getah seperti getah-getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil dengan gred yang rendah dan dijadikan mutu yang boleh diterima oleh pembeli-pembeli antarabangsa.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila menerangkan berkenaan dengan harga getah, getah ini menyentuh sebahagian besar nadi rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, harga getah telah lama turun, tetapi harga barang-barang yang diperbuat daripada getah satu sen pun tidak turun, jadi dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah sebabnya begitu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah perkara ini selalu dilafaskan oleh sesiapa sahaja yang bekerja di ladang getah kerana didapati kata mereka bahawa sekalipun harga getah turun, tetapi barang-barang yang dikeluarkan daripada getah adalah tinggi dan susah untuk dibeli. Sebenarnya ini ialah berasaskan kepada kos pengeluaran yang perlu dan ditampung menjadi burden oleh pihak pengeluar barang-barang yang dibuat daripada getah ini. Jadi

tidaklah boleh kita memastikan bahawa sekiranya harga getah rendah maka harga-harga barang yang telah dibuat daripada getah juga harus rendah kerana kita harus menimbangankan bukan hanya bahan mentah seperti getah, tetapi kita harus menimbangankan kos pengeluaran termasuk juga harga labour ataupun pekerja-pekerja, kemudian harga untuk menentukan yang di kilang-kilang itu berjalan dan sebagainya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar banyak usaha sudah di buat oleh Kementerian untuk menaikkan harga getah, tetapi harga getah turun juga. Ini menunjukkan ada faktor-faktor yang di luar kawalan kita menyebabkan harga getah turun. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengadakan satu sistem pengeluaran yang terkawal yang bermakna apabila demand menurun, maka pengeluaran kitapun harus diturunkan sesuai dengan demand supaya kita dapat menetapkan harga pada kadar yang ekonomik dan apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi penekanan yang lebih kuat kepada soal mutu, kualiti bukan kuantiti daripada pengeluaran getah negara kita?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang telah saya beri mullama tadi telah disentuh soal meninggikan mutu getah dan setakat ini untuk mengurangkan pengeluaran getah seperti juga diharapkan terhadap bijih timah, terhadap getah saya rasa belum lagi ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan tentang pasaran tradisional, bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan ini apakah sasaran Kementerian beliau terhadap pasaran baru yang beliau sebutkan tadi?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Sebenarnya tentang jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan di Dewan ini beberapa hari yang lepas telah menyentuh tentang soal Kerajaan berusaha untuk mendapat pasaran baru seperti di negeri Sosialis dan di negeri-negeri Timur Tengah dan di negeri-negeri

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang ada di kalangan beberapa orang guru tidak berhajat hendak berkhidmat di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun atas kepentingan perkhidmatan pelajaran, mereka terpaksa berbuat demikian iaitu berkhidmat diluar bandar kalau diperlukan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai guru-guru yang hendak dihantar berkhidmat ke Sarawak bukan sahaja guru-guru ini tidak mahu berkhidmat di luar bandar di Sarawak bahkan kebanyakan guru-guru yang berasal dari Semenanjung tidak mahu pergi berkhidmat ke Sarawak dan oleh kerana keengganan mereka pergi ke Sarawak, adakah pihak Kementerian bercadang hendak mengadakan satu skim perkhidmatan yang khas untuk mereka dengan cara memberi berbagai-bagai insentif supaya lebih ramai daripada Semenanjung ingin berkhidmat di Sabah dan Sarawak?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang ada insentif kita beri kepada mereka yang berkhidmat di Sarawak, di antaranya ialah seperti elaun kesusahan (regional allowance) dan kita mesti ingat bahawa perkhidmatan pelajaran ini merupakan satu perkhidmatan yang menyeluruh. Bermakna pegawai-pegawai atau guru-guru yang berkhidmat di Semenanjung sini bukan terhad untuk berkhidmat di Semenanjung Malaysia sahaja tetapi juga di seluruh Malaysia.

HARGA GETAH KEPADA PEKEBUN KECIL

10. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan harga getah sedang merosot di pasaran dunia, apakah bantuan yang akan diberi oleh Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil yang hanya bergantung kepada memotong getah sebagai sumber mata pencarian mereka.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dengan kesusahan pekebun-pekebun kecil akibat dari kemerosotan harga getah dan Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah jangka panjang dan jangka pendek melalui agensi-agensi seperti RISDA dan MARDEC untuk mengatasi masalah mereka. Antaranya termasuklah rancangan membeli getah terus daripada pekebun-pekebun kecil. Dalam pada itu pula usaha-usaha juga sedang giat dijalankan untuk menambahkan sumber pendapatan pekebun-pekebun kecil seperti memberi subsidi atau kredit untuk tanaman kontan, membanyakkan perusahaan tangan dan lain-lain aktiviti ekonomi di dalam dan di luar kebun. Dalam pada itu pula biasiswa-biasiswa kecil juga diberi kepada anak-anak pekebun-pekebun kecil.

Pekebun-pekebun kecil melalui koperasi mereka telah mula mencebur diri dalam ekonomi. Di antaranya termasuklah kedai-kedai bekalan harian yang dibekalkan kepada mereka dan harganya berpatutan.

Sejak pertengahan tahun yang lepas Kerajaan telah mengadakan elaun sara hidup di bawah skim SEPENTAS untuk pekebun-pekebun kecil yang menanam semula getah mereka. Dengan adanya kemudahan ini maka dapatlah meringankan kedudukan mereka akibat dari kemerosotan harga getah itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini iaitu hingga 15hb Mac, 1982 RISDA telah membeli sebanyak 20,344 metrik ton getah bernilai \$26.5 juta daripada pekebun-pekebun kecil. Memandangkan kedudukan harga getah masih tidak berubah lagi maka rancangan pemberian khas ini akan diteruskan pada masa akan datang sehingga pada satu masa kelak.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, bahawa pokok-pokok getah ini ditanam 6 tahun baru boleh mengeluarkan hasil iaitu susu getah. Soalnya kepada Menteri yang berkenaan, apakah rancangan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini bagi menyediakan tanaman kontan di celah-celah lorong pokok getah itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini merupakan soalan baru. Kalau soalan tambahan kepada soalan asal itu bolehlah. Tidak payah jawab.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah selain daripada rancangan-rancangan yang dibuat rancangan SEPENTAS dan juga subsidi yang diberi oleh Kementerian kepada pekebun-pekebun kecil, apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah satu lagi subsidi iaitu subsidi harga getah sebagaimana yang diberi kepada petani-petani supaya harga getah yang murah itu akan dapat dinikmati yang sewajarnya oleh pekebun-pekebun kecil.

Dato' Seri Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada fikiran itu kerana kita membeli terus getah daripada pekebun-pekebun kecil dan difikirkan harga yang ditetapkan itu memadai untuk waktu ini.

CUTI BAGI AHLI PERSATUAN BELIA

11. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadangkala ahli-ahli Persatuan Belia yang berminat mengikuti aktiviti-aktiviti persatuan mereka dan juga aktiviti anjuran Kementerian terpaksa mengambil cuti rehat oleh kerana mereka tidak dibenarkan mengambil cuti tanpa rekod. Untuk menggalakkan Ahli-ahli Persatuan Belia ini bergerak dengan lebih cergas lagi di masa akan datang apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngien): Tuan Speaker, saya sedar Ahli-ahli Persatuan Belia kadangkala tidak dapat cuti tanpa rekod untuk mengikuti aktiviti-aktiviti persatuan mereka. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1963 dan Bil. 15 tahun 1965 hanya membenarkan mereka mengikuti kursus atau lawatan anjuran Kementerian saya dengan cuti tanpa rekod. Namun demikian apabila sesebuah pertubuhan belia di peringkat kebangsaan atau di peringkat negeri mengadakan sesuatu

aktiviti dengan cara besar-besaran, biasanya Kementerian saya akan menulis surat bagi pihak pertubuhan yang berkenaan kepada Jabatan atau agensi yang berkenaan untuk mendapatkan cuti tanpa rekod bagi ahli-ahli yang terlibat. Adakala cuti mereka diluluskan dan adakala tidak diluluskan. Ini adalah oleh kerana kuasa pemberian cuti itu adalah hak Ketua Jabatan yang berkenaan dan ini juga bergantung kepada kepentingan perkhidmatan yang terdapat di jabatan yang berkenaan. Dalam kata lain Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh merayu dan memohon bagi pihak belia tetapi kelulusannya adalah di bawah budibicara Ketua Jabatan masing-masing.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa pada bulan Disember tahun lalu apabila 4B Malaysia mengadakan mesyuarat agongnya di negeri Perak ramai sekali ahli 4B yang tidak dapat cuti tanpa rekod kerana menghadiri mesyuarat agong ini dan ada juga di antara mereka yang terpaksa dipotong gaji kerana menghadiri mesyuarat ini. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah positif yang boleh diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah mereka yang kena potong gaji ini.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian saya tidak sedar tentang perkara ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh memberi maklumat yang selanjutnya untuk kita mengambil langkah sewajarnya tetapi seperti saya menyatakan sebentar tadi perkara ini kadangkala bergantung kepada perkhidmatan belia itu di jabatan yang berkenaan. Barangkali ahli-ahli belia tidak dapat cuti oleh kerana perkhidmatan mereka itu amatlah penting pada hari itu dan oleh sebab itu kelulusan untuk mendapatkan cuti tidak dapat diluluskan.

PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI BIDANG PETROLEUM

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa sejak minyak petrol menjadi hasil utama

negara berapa ramaikah penuntut-penuntut Malaysia yang dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri sama ada ke Indonesia ataupun ke negara-negara OPEC dalam bidang petroleum. Adakah dibuat rancangan crash programme untuk menghantar seberapa penuntut kita bagi menampung keperluan negara yang kekurangan tenaga pakar dalam bidang petroleum ini supaya Malaysia tidak bergantung kepada jurutera-jurutera luar negeri.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menghantar seramai 51 pelajar untuk mengikuti kursus petroleum di dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, PETRONAS memang mempunyai program latihannya tersendiri dalam menyediakan pakar-pakar terlatih yang berkelayakan dalam bidang petroleum untuk keperluannya di masa akan datang. Kebanyakan penuntut-penuntut PETRONAS di bidang petroleum mengikut kursus di Universiti Teknologi Malaysia.

MESYUARAT PEREKONOMIAN ASEAN MENGENAI EKONOMI ANTARABANGSA

13. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah seruannya baru-baru ini dalam Mesyuarat Perekonomian ASEAN di Kuala Lumpur untuk bersama mendekati kepada perkara ekonomi antarabangsa seperti Multifibre Arrangement (MFA) dan perkara barangan utama dagangan antarabangsa telah berjaya, jika ya, apa tindakan yang akan diambil bersama oleh negara-negara ASEAN dalam menghadapi perkara itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, dalam Mesyuarat Ke Dua Belas Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada dasarnya telah bersetuju supaya pendekatan bersama ASEAN diadakan terhadap isu-isu ekonomi antarabangsa seperti "Multifibre Arrangement" dan masalah-masalah barangan.

Mengenai Multifibre Arrangement, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah berpuashati terhadap pendekatan bersama ASEAN semasa perundingan mengenai pembaharuannya yang telah berhasil dipersetujui di Geneva pada bulan Disember 1981. Dalam hal ini, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju supaya perunding-perunding ASEAN mengadakan mesyuarat bagi membincangkan pendirian bersama ASEAN dalam "perundingan dua hala" yang akan diadakan dengan EEC yang akan datang.

Mengenai masalah barangan pula, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah melahirkan perhatian mereka terhadap kelambatan pelaksanaan "The Integrated Programme for Commodities" yang bertujuan untuk menubuhkan dan mengendalikan Perjanjian-perjanjian Barangan Antarabangsa secara berkesan. Mesyuarat telah menggesa masyarakat antarabangsa terutama negara-negara maju menunjukkan "political will" untuk menentukan perundingan antarabangsa dengan tumpuan kepada isu-isu barangan dimulakan dengan segera.

Mengenai Perjanjian Keenam Timah Antarabangsa Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju supaya negara-negara ASEAN secara bersendirian atau bersama memujuk terutama negara-negara pembeli yang masih belum menandatangani dan mengesahkan Perjanjian tersebut supaya berbuat demikian sebelum 30 April, 1982.

Tentang penjualan bijih timah oleh Amerika Syarikat dari stok penimbal GSanya, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah menggesa negara itu supaya memberhentikan penjualan tersebut. Perkara ini akan dibangkitkan oleh ASEAN melalui saluran-saluran yang berkesan termasuk Dialog ASEAN-Amerika Syarikat.

Dengan bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan ASEAN, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah membuat gesaan supaya negara-negara pengeluar dan pedagang getah asli dalam ASEAN untuk mengambil bahagian sepenuhnya di dalam

Perjanjian Antarabangsa mengenai Getah Asli. Tindakan ini akan membolehkan Pertubuhan Antarabangsa Getah Asli menjalankan secara berkesan usaha-usaha menstabilkan harga getah asli.

Mengenai Tabung Bersama pula, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN berharap agar kesemua negara-negara ASEAN menyertai Tabung tersebut dan bekerjasama bagi menentukan ASEAN diwakili dalam Lembaga Eksekutif Tabung tersebut. Mereka juga telah bersetuju supaya negara-negara ASEAN secara bersendirian atau bersama-sama menggesa negara-negara lain terutama negara-negara membangun menandatangani dan mengesahkan perjanjian bagi menubuhkan Tabung Bersama.

HOSPITAL DAERAH BARU TELUK INTAN

14. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kedudukan terakhir tentang pembinaan Hospital baru bagi Daerah Hilir Perak di Teluk Intan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Hospital Daerah Baru Teluk Intan untuk menggantikan Hospital yang sedia ada, akan dilaksanakan mengikut sistem "turnkey". Cadangan Hospital Daerah baru ini adalah untuk mengandungi lebih kurang 540 katil dengan segala kemudahan rawatan, termasuk klinik-klinik kepakaran, farmasi dan bilik-bilik bedah. Tapak dan design brief untuk hospital baru ini telahpun siap disediakan. Adalah diharapkan bahawa kontrakter firma turnkey akan dapat memulakan kerja pembinaan dalam beberapa bulan sahaja lagi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sungguhpun banyak sangat telahpun diperkatakan mengenai menyudahkan projek secara turnkey ini tetapi pada kesannya nampaknya sama jugalah seperti yang dibuat secara tradisi dulu. Jadi, bolehkah pihak Kementerian memastikan supaya projek-projek yang dijalankan ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin seperti juga dengan

hospital di kawasan saya sendiri iaitu Hospital Besar Kulim yang telahpun diperkatakan selama 12 tahun sudah.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, turnkey baru dua bulan sahaja kita cakapkan, jadi turnkey adalah masalah baru. Tetapi dari segi Kementerian Kesihatan kita dapat memberi keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan termasuk juga Kulim-Bandar Baru bahawa kita akan cuba mempercepatkan usaha untuk pembinaan perojek-perojek ini. Sebenarnya selepas sahaja kontraktor turnkey dinamakan, kerja-kerja untuk menyediakan proposal, evaluation dan negotiation dengan kontraktor-kontraktor itu pun dimulakan oleh pegawai-pegawai Kementerian.

LAWATAN SETIAUSAHA LUAR BRITISH KE MALAYSIA

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Dasar Luar Malaysia telah dibincangkan dengan Setiausaha Luar British, Lord Carrington semasa lawatan beliau ke negara ini baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan lawatan Setiausaha Luar British, Lord Carrington ke sini, beliau telah membuat kunjungan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengadakan rundingan yang ditumpukan kepada kedudukan hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain.

Yang Berhormat Menteri Luar juga telah mengadakan rundingan dengan Lord Carrington berkenaan dengan situasi di Kampuchea dan kedua-dua pemimpin telah bersetuju bahawa usaha-usaha mesti diteruskan untuk mencari penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Di dalam hubungan ini Lord Carrington menyokong penubuhan gabungan ketiga-tiga golongan pemimpin di Kampuchea.

Dalam rundingannya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Lord Carrington ingin mengetahui kesisipan yang

telah berlaku terhadap hubungan antara Britain dengan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa masalah tersebut adalah berkaitan dengan sikap di mana pihak British kurang memahami masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan usaha-usaha yang kita jalankan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau merasa kesal bahawa institusi-institusi British seperti pihak akhbar dan ahli-ahli perniagaannya yang tidak menunjukkan pengertian terhadap Dasar Ekonomi Baru. Kita tidak mengharap pihak British menyelesaikan masalah yang kita hadapi kerana kita sedang menjalankan usaha-usaha untuk menyelesaikannya tetapi sekurang-kurangnya perkara-perkara yang mereka kata dan yang mereka buat janganlah sampai menghalang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menarik perhatian Lord Carrington mengenai arahan Kerajaan terhadap barang-barang British yang mana keputusan tersebut bukanlah suatu keputusan yang mendadak tetapi adalah akibat sikap British yang telah berakar umbi begitu lama. Arahan Kerajaan baharu-baharu ini mengenai pembelian barang-barang British adalah bertujuan untuk mengelakkan pemberian keistimewaan kepada barang-barang British. Perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara akan diteruskan seperti biasa.

Akhirnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia ingin mempunyai hubungan yang lebih erat dengan British tetapi Britain perlu menukar sikapnya. Lord Carrington menghargai penjelasan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kebimbangan yang dirasainya. Beliau menyatakan bahawa Kerajaan British amat faham dan bersimpati terhadap usaha-usaha yang kita jalankan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa masyarakat British juga memahami perkara ini dan telah pun menyesuaikan diri mereka. Beliau memberi jaminan bahawa beliau akan berusaha sedaya upaya supaya pihak British lebih memahami dan menyedari akan masalah dan hasrat kita. Dalam hubungan ini Lord Carrington telah mencadangkan penubuhan

sebuah Suruhanjaya Bersama pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dalam usaha untuk mengatasi masalah yang sedia ada sebelum masalah itu tidak dapat dikawal lagi.

Berkenaan dengan yuran persekolahan bagi pelajar-pelajar pula, beliau memberitahu bahawa Britain mungkin akan menggunakan wang bantuan Kerajaan sebanyak lebih kurang 40 juta pound sterling untuk memberi biasiswa kepada 10,000 hingga 12,000 orang pelajar Malaysia di sana. Bagi cadangan penubuhan Suruhanjaya Bersama kita sedang mengkaji perkara ini dan sekiranya ini dirasakan penting maka Kerajaan dengan mudah boleh menubuhkan kumpulan tersebut dan membiarkannya bergerak bagi memastikan hubungan antara kedua-dua negara tidak merosot. Walaupun demikian, telah ada kemajuan di dalam hubungan kedua-dua negara. Dan Setiausaha Luar British telah menyatakan bahawa mereka akan mengambil langkah-langkah untuk memahami dan menyedari masalah-masalah yang dihadapi serta polisi negara kita.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah saranan yang dibuat oleh Lord Carrington ini merupakan benar hasrat dan tujuan Kerajaan Margaret Thatcher atau hanya diplomasi Inggeris sebagaimana yang kita faham selama ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun saya jelaskan di dalam menjawab soalan asal tadi telah pun dinyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menerangkan secara berterus terang tentang apa yang menjadi kemusykilan kita terhadap sikap British tentang perkara-perkara dan dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini. Dan kita menganggap bahawa pengakuan dan fahaman yang telah pun diberikan oleh Lord Carrington terhadap masalah kita itu adalah suatu perkara yang benar-benar jujur dan ikhlas dan kita berharap dengan sikapnya itu maka pihak British dan juga pedagang-pedagang British

akan dapat menyesuaikan sikap mereka itu selaras dengan apa yang kita tegaskan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Selepas Setiausaha Luar British telah memahami dan bersimpati dengan masalah Malaysia sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka apakah kemajuan telah dicapai oleh Malaysia daripada pihak British untuk mengubah sikap umpamanya dari segi yuran pelajaran, dari segi perdagangan baharu-baharu ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soal yang ditimbulkan ialah soal perubahan sikap dan perubahan sikap ini tidak mungkin dapat dilihat dalam masa yang sekejap sahaja ataupun masa yang sebegitu segera tetapi yang jelas dapat dilihat dari kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh pemimpin Inggeris dan juga pihak-pihak yang ada berkaitan dengan perdagangan dan juga pelajaran negara kita ini telah menjelaskan tentang usaha-usaha lanjut yang ingin mereka jalankan untuk menyesuaikan dengan kehendak dasar kita. Jadi dalam hal yuran peperiksaan umpamanya telah pun disuarakan dengan jelas oleh pihak kita kepada pihak British dan baharu-baharu ini langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak pedagang-pedagang British untuk menubuhkan satu tabung di mana akan digunakan untuk membantu yuran-yuran dan juga biasiswa bagi anak-anak kita, pelajar-pelajar yang belajar di United Kingdom.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Setiausaha Luar British Lord Carrington, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan supaya British mencontohi Jepun. Soalnya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, apakah perkara-perkara yang patut dicontohi oleh British itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang perubahan sikap seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adapun perubahan sikap ini merupakan satu perkara yang tidak dapat dinampak, tidak dapat dilihat dan tidak dapat diquantify jumlahnya. Saya ingin bertanya, sama ada pihak Kerajaan berpuas hati dengan satu dua gesture perubahan sikap dan lalu kita kemudiannya mengubah sikap kita dan melunakkan dasar kita terhadap British. Sama ada kita akan bertugas sampai habis-habisan sehingga pihak British telah sanggup bukan sahaja mengubah sikap tetapi menunjukkan bukti-bukti yang mereka bersikap positif kepada kita maka baharu kita mengubah sikap mereka, melunakkan sikap kita terhadap mereka.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dan sentiasa ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita tidak akan mengubah sikap kita, kerana yang perlu diubah ialah sikap British dan oleh sebab itu kita akan berdiri teguh dengan sikap yang ada dan akan mengambil langkah-langkah yang tegas supaya pihak di sebelah sana atau pihak Britishlah yang perlu menyesuaikan sikapnya itu dengan apa yang kita sebut sebagai dasar kita yang kita mengamalkan di sini. Jadi, oleh yang demikian, yang perlu bagi pihak British ialah menunjukkan kejujuran di atas apa yang telah pun diucapkan dan dikatakan bahawa mereka itu akan dapat menyesuaikan diri mereka dengan dasar kita dan ini kita perlu melihat dan mungkin kita akan tidak boleh memberi masa yang begitu lama. Dan setakat ini walaupun sudah ada bukti-bukti menunjukkan bahawa sudah ada perhubungan yang lebih rapat, pedagang-pedagang British dengan pihak Kerajaan umpamanya untuk mengetahui kedudukan sebenarnya, kita berharap dari penjelasan yang telah pun kita berikan, penerangan yang telah pun kita sampaikan kepada mereka itu, mereka itu akan dapat menjalankan langkah-langkah yang sepatutnya dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).

PELARIAN FILIPINA DI SABAH

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah wang yang diterima oleh Kerajaan setiap tahun dari Pertubuhan Orang-orang Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu untuk menolong orang-orang Pelarian Filipina di Sabah; jumlah bilangan orang-orang pelarian Filipina yang telah menerima faedah ini; sama ada jumlah wang itu mencukupi untuk menampung orang-orang pelarian yang begitu ramai; dan sama ada beliau sedar kehadiran pelarian Filipina dalam negeri Sabah menimbulkan masalah-masalah keselamatan dalam negeri dan apakah tindakan yang diambil untuk membetulkan kedudukan ini.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan memang menerima bantuan dari Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk orang-orang Pelarian atau United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR). Bantuan ini disalurkan melalui "Jabatan Orang Teranjak". Tetapi bantuan ini tidak diberikan pada tiap-tiap tahun. Sejak tahun-tahun 1977-1979, sejumlah 2.87 juta telah dibelanjakan oleh UNHCR untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti perumahan, alat-alat penangkapan ikan, bekalan air, balai raya, membina bilik-bilik darjah dan sebagainya.

Adalah satu perkara yang mustahil untuk Kementerian ini memberi angka-angka yang sebenar/tepat mengenai orang-orang pelarian yang telah menerima faedah dan kemudahan-kemudahan tersebut. Ini ialah kerana sebilangan besar daripada mereka bekerja sebagai buruh-buruh kontrak, membuka gerai-gerai dan sebagainya. Tambahan pula ramai di antara mereka ini yang telah balik dengan sendirinya ke Filipina tetapi jumlah mereka ini tidaklah diketahui.

Masalah sama ada jumlah wang yang diberikan oleh UNHCR itu mencukupi atau tidak adalah tidak timbul kerana ramai daripada mereka lebih suka hidup bersendirian dan mereka tidak berhasrat

untuk menetap secara kekal di negeri Sabah. Kerajaan percaya bahawa ada kemungkinan apabila keadaan di Wilayah-wilayah Selatan Filipina itu telah pulih seperti sediakala, ramai di antara mereka akan memilih untuk pulang ke Tanah Air dan Kerajaan akan memberi segala kemudahan kepada mereka untuk berbuat demikian. Marilah kita berdoa agar satu penyelesaian yang memuaskan semua pihak segera tercapai supaya masalah ini akan selesai.

Kerajaan memang sedar bahawa beberapa masalah telah timbul di negeri Sabah dengan adanya orang-orang pelarian ini. Tetapi setakat ini tidak terdapat sebarang kegiatan yang mengancam keselamatan yang ditimbulkan oleh orang-orang pelarian itu. Malah boleh dikatakan bahawa Sabah adalah sebuah negeri yang paling aman jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Saya memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan akan sentiasa mengawasi keadaan keselamatan dan ketenteraman awam di negara Sabah. Kerajaan negeri dan Kerajaan pusat bersama-sama mengambil langkah-langkah bagi memastikan supaya kedatangan orang-orang pelarian itu tidak mencetuskan masalah-masalah yang serius di negeri Sabah.

RADIO FM STEREO DI IPOH

17. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak membina stesen pemancar Radio FM di Kawasan Ipoh seperti mana yang disediakan kepada penduduk di Kuala Lumpur.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Saya percaya maksud soalan Yang Berhormat itu bukanlah membina stesen pemancar Radio FM tetapi mengadakan siaran FM Stereo bagi penduduk-penduduk di Kawasan Ipoh sepertimana yang sedang dinikmati oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur. Suka saya menyatakan bahawa siaran FM Stereo telah pun dilaksanakan secara perintis di Kawasan Kuala Lumpur dan Kerajaan belum lagi bercadang untuk memperluaskannya ke seluruh negara.

Pada masa ini Kerajaan sedang memberi keutamaan kepada usaha-usaha mengatasi masalah kesesakan (congestion) di dalam rangkaian-rangkaian yang digunakan untuk siaran menerusi gelombang sederhana (Medium Wave). Bagi maksud itu satu kajian telah dijalankan bagi menggunakan siaran FM Mono ke seluruh negara.

Kajian kemungkinan mengenai FM Mono dijalankan dengan kerjasama pihak Japanese International Cooperation Agency (JICA) bagi seluruh semenanjung. Kajian kemungkinan bagi Sabah dan Sarawak sedang dilaksanakan oleh pihak yang sama. Jika hasil kajian itu memuaskan pelaksanaannya akan dimulakan sebelum akhir RME atau pada awal RM Kelima.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL GETAH—SUBSIDI

18. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi kesusahan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah memandangkan harga getah adalah rendah dan bilakah harga getah asli dijangka naik, dan sama ada Kementeriannya ingin memsubsidiikan pekebun-pekebun kecil getah.

Dato' Seri Shariff Ahmad: Nampaknya soalan Yang Berhormat adalah lebih kurang sama dengan soalan Y.B. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim yang telah saya jawab lebih awal. Saya tidak berhajat untuk mengulangi jawapan yang telah saya beri itu. Bagaimanapun berkenaan dengan bilakah harga getah asli dijangka akan naik ini tidak dapat saya memberi jawapan yang tepat oleh kerana sebagaimana kita maklum harga getah asli adalah bergantung kepada pasaran dunia kini di luar kawalan Kerajaan kita.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi kejatuhan harga yang berterusan khususnya harga di peringkat kampung, Kerajaan telah mengarahkan RISDA dan MARDEC melakukan pembelian getah pekebun-pekebun kecil di bawah Skim pembelian Khas.

Setakat 15hb Mac, 1982 RISDA telah membeli sebanyak 20,344.11 metrik tan dengan nilai \$26,438,978.00. Memandangkan kedudukan harga getah masih tidak berubah, maka rancangan pembelian khas ini akan diteruskan.

Getah-getah yang telah dan akan dibeli dalam Skim pembelian khas ini akan disimpan di seluruh negeri.

HARGA KELAPA DAN KOKO

19. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertanian menyatakan apakah ikhtiar yang hendak dijalankan bagi meninggikan harga kelapa dan koko. Adakah Kementerian ini bercadang hendak mengadakan kilang memproses kelapa dan koko sehingga menjadi makanan untuk mendapatkan pasaran yang baik di peringkat antarabangsa.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Saya sedar di atas kemerosotan harga hasil-hasil pertanian seperti kelapa dan koko—yang disebabkan oleh perkembangan-perkembangan di pasaran luar negeri dan kemerosotan ekonomi dunia yang boleh dikatakan di luar kawalan negara kita. Bagi koko dan kelapa, Malaysia merupakan pengeluar yang kecil dimana Malaysia menghasilkan 2%-3% daripada pengeluaran dunia.

Sungguhpun demikian Kementerian saya melalui FAMA sedang menjalankan beberapa usaha untuk memperbaiki pendapatan pekebun-pekebun kecil. FAMA sedang menyertai dalam pembelian koko dan kelapa untuk menentukan bahawa petani-petani di dalam keadaan pasaran yang merosot ini tidak menghadapi masalah memasarkan hasil-hasil mereka dan mendapat harga yang paling tinggi sekali yang dapat diberi dalam keadaan pasaran ini.

FAMA telah membeli sebanyak 1,200 tan biji koko kering dan sebanyak 850 tan biji koko basah dalam tahun 1981. Pembelian biji-biji koko oleh FAMA ini telah membolchkan petani-petani terutama di Hilir Perak dan Sabak Bernam mendapat pasaran yang baik untuk biji koko mereka yang mana mereka dapati sukar untuk menjual kepada pembeli-pembeli swasta oleh kerana keadaan pasaran

yang tidak baik. Pembelian FAMA dalam Rancangan Malaysia Keempat ini akan bertambah apabila FAMA membina 2 buah lagi Pusat Memproses Koko, iaitu di Hilir Perak dan di Batu Pahat.

FAMA juga sedang membeli buah kelapa dan kelapa kering melalui 8 buah Pusat Memproses Kelapanya. Pembelian oleh FAMA ini telah dapat menahankan harga kelapa kering yang bermutu tinggi daripada turun rendah daripada \$35.00 sepikul atau 58 sen satu kilo. Usaha-usaha FAMA dalam bidang ini juga akan dipergiatkan lagi dengan siapnya Kilang Minyak FAMA di Bachok dan di Hilir Perak.

Mengenai bidang pemerosesan tambahan untuk kelapa dan koko adalah didapati bahawa kemudahan yang disediakan oleh pihak swasta adalah mencukupi di negara ini buat masa sekarang dan tidaklah perlu Kerajaan menambakkannya.

ANAK SYARIKAT PKEN YANG DITUTUP

20. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan nama-nama anak syarikat PKEN yang mengalami kerugian dan jumlah kerugian tersebut dan sebab-sebab kerugian tersebut. Untuk menghalang kerugian yang lebih banyak terhadap wang rakyat apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan yang tidak sihat ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Soalan ini telah dijawab secara bertulis pada 12-3-1982 ketika saya menjawab soalan No. 30 oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, soalan No. 32 oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan pada 15-3-1982 soalan No. 39 oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

GURU-GURU UGAMA MENJADI GURU BESAR/PENOLONG KANAN

21. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai guru-guru Ugama yang mempunyai cukup syarat

telah diberi tanggungjawab sebagai Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah Menengah dan Rendah seluruh negara.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga sekarang ini terdapat 6 orang guru Ugama yang telah diberi tanggungjawab sebagai Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Menengah. Sementara di Sekolah-sekolah Rendah pula terdapat seorang Guru Ugama yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan Guru Besar setakat ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa jawatan kenaikan pangkat di Jabatan Pelajaran Negeri dan Maktab-maktab Perguruan yang diisi oleh Guru Ugama dalam Kategori C2 dan D3. Kementerian saya akan mempertimbangkan supaya lebih ramai lagi guru-guru ugama dinaikkan pangkat ke jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan apabila mereka didapati mempunyai cukup syarat di bawah Skim Perkhidmatan dan sesuai mengikut merit.

PEJABAT POS DI PEKAN PENANTI— PEMBINAAN

22. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina sebuah pejabat pos di sekitar pekan Penanti; jika ya, bila, jika tidak mengapa sedangkan penduduk-penduduk sekelilingnya telah bertambah ramai.

Datuk Clarence E. Mansul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tiada mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah pejabat pos di Pekan Penanti. Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan bahawa telah pun ada rancangan untuk mendirikan sebuah pejabat pos di Kubang Semang, yang terletak lebih kurang sebatu sahaja dari Pekan Penanti di mana penduduk-penduduk sekeliling pekan Penanti juga bolehlah mendapat perkhidmatan daripada pejabat pos tersebut apabila siap nanti.

KURSUS INTENSIF BAHASA BAGI PELAJAR KE NEGARA TIMUR

23. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar Kerajaan ingin menghantar pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke negara Timur. Jika sedar adakah Kementerian Pelajaran telah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pelajar-pelajar ke negara yang tersebut. Adakah Kerajaan bercadang akan mengambil pakar-pakar Teknologi dari negara yang berkenaan, sebagai tenaga pengajar.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Benar. Kerajaan sedang mengatur rancangan persediaan bagi pelajar-pelajar seperti mengadakan Kursus Intensif Bahasa yang berkenaan sebelum mereka dihantar ke negara-negara Timur itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekarang ini ada 136 pelajar-pelajar yang dipilih dari Sekolah Vokasional menjalani kursus Bahasa Jepun di Institut Teknologi MARA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga seramai 24 pengajar Teknikal dari Jepun di bawah Rancangan "Japanese Overseas Cooperation Volunteers" sedang mengajar di beberapa buah Sekolah Vokasional, Maktab Perguruan Teknik, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Kuantan di negara ini.

SUAMI/ISTERI ASING—TARAF PENDUDUK TETAP

24. Tuan Haji Ibrahim bin Mohammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai isteri-isteri, suami-suami dari warganegara asing yang mendapat taraf penduduk tetap bagi tahun 1980 dan 1981.

Dato' Musa Hitam: Jumlah permohonan permit masuk oleh suami-suami asing yang telah diluluskan:

1980	39
1981	10

Jumlah permohonan permit masuk oleh isteri-isteri asing yang telah diluluskan:

1980	70
1981	3

PEGAWAI DIPLOMATIK RUSIA— QUOTA PENEMPATAN

25. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya akan mengurangkan bilangan pegawai-pegawai diplomatik Rusia di negeri kita demi keselamatan negara memandangkan Rusia pernah mengintip di negeri kita pada tahun 1981 dan di Indonesia tahun ini dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil supaya keselamatan negara tidak akan dicerobohi oleh Rusia.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kerajaan kita telah bersetuju mengenakan quota tertentu ke atas penempatan pegawai diplomatik Soviet di negara ini yang berjumlah seramai 17 orang.

Setakat ini belum ada cadangan untuk menukar bilangan quota tersebut kerana kita merasakan bahawa bilangan ini adalah berpatutan. Namun demikian, pendirian Kerajaan kita adalah begitu jelas terhadap pegawai-pegawai diplomatik yang telah menyalah-gunakan kuasa diplomatiknya. Kita mempunyai hak untuk mengisytiharkan mereka "persona-non-grata" atau meminta supaya mereka keluar dari negara kita apabila terdapat bukti-bukti yang jelas bahawa mereka menimbulkan masalah-masalah yang akan menjejaskan keselamatan negara. Langkah yang wajar seperti ini telahpun kita ambil pada masa yang lalu.

ETHIKA KERJA CONTOHI JEPUN

26. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pentadbiran baru memilih untuk menasihatkan rakyat Malaysia contohi kecenderongan ethika kerja orang-orang Jepun sedangkan Singapura adalah lebih dekat dengan Malaysia daripada Jepun dan ramai rakyat Malaysia masih belum

lupa penyiksaan yang dilakukan oleh orang-orang Jepun semasa pendudukan Jepun waktu Perang Dunia Kedua.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tujuan utama pentadbiran baru menasihatkan rakyat Malaysia untuk mencontohi ethika kerja di Negeri Jepun dan Korea Selatan ialah untuk memberikan contoh serta semangat baru tentang kemungkinan bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia mencapai tahap kemajuan yang beolah menandingi negara-negara barat. Kedua-dua negara ini telah mengalami proses pembangunan yang lebih rumit dan penuh cabaran, yang telah membawa perubahan masyarakat pertanian kepada masyarakat perusahaan, dan melalui proses pembangunan ekonomi yang bergerak secara beransur-ansur dari "import substitution" kepada "export orientation". Singapura tidak pernah menjalani proses-proses ini dan kerana itu tidaklah dapat dijadikan contoh yang sesuai untuk diikuti rakyat Malaysia walaupun memang ada aspek-aspek kemajuan yang telah dicapai oleh negara itu yang telah dan terus juga dijadikan contoh oleh negara ini.

Berhubung dengan sama ada masyarakat Malaysia masih belum lupa siksaan yang dilakukan oleh askar-askar Jepun semasa Perang Dunia Kedua itu atau tidak, ini adalah perkara sentimen semata-mata dan kemajuan yang pesat tidak boleh dicapai jika sesebuah Kerajaan mengutamakan perkara sentimen dalam urusan pembangunannya. Adalah pendapat Kerajaan sekarang bahawa masyarakat Malaysia umumnya sudah mempunyai pelajaran dan pengetahuan yang tinggi dan sudah dapat membezakan apa yang baik dan apa yang tidak baik demi untuk pembangunan dan Kemajuan negara. Atas keyakinan inilah Kerajaan telah mengesyorkan supaya masyarakat Malaysia menggunakan ethika kerja orang Jepun di samping memandangkan bahawa negara-negara barat sendiri sudah mulai melihat kepada Jepun sebagai satu negara yang paling maju dari segi ciptaan teknologi moden yang telah mengubah corak hidup masyarakat dunia ini seluruhnya.

PERUSAHAAN PERABOT BUMIPUTERA—SYARAT

27. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerangkan adakah beliau tidak bercadang untuk melonggarkan sedikit syarat-syarat yang dikenakan ke atas usahawan-usahawan Bumiputera, khususnya yang terlibat dalam perusahaan perabot, mengenai pinjaman wang dari MARA, lazimnya yang dijamin oleh pihak MARA sekarang, dikenakan syarat-syarat pemohon pinjaman itu mesti terlebih dahulu mengadakan surat kebenaran dari Pegawai Perhutanan Negeri, Pihak Berkuasa Jentera, dan Majlis-majlis Daerah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Satu-satu rancangan untuk membuka kilang membuat Perabot adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu di bawah bidang tugas jabatan-jabatan yang ada kaitannya dengan perusahaan tersebut sama ada di peringkat negeri atau daerah. Sekiranya kilang itu dicadang untuk ditubuhkan dalam kawasan Majlis-majlis Daerah, ianya hendaklah juga mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Majlis berkenaan. Begitu juga pemasangan-pemasangan alat jentera kerja pengeluaran kilang itu diperlukan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan berkenaan dengan alat-alat jentera. Kebenaran Jabatan Perhutanan adalah tidak perlu bagi penubuhan kilang perabot yang menggunakan alat jentera biasa, tetapi jika kilang itu dilengkapi dengan jentera untuk membuat kerja-kerja memproses kayu balak sebagai aktiviti sampingannya, maka kebenaran dari Jabatan berkenaan dikehendaki.

Pihak MARA adalah sentiasa melayani dengan baik permohonan-permohonan pinjaman yang tulin (genuine) tetapi tidaklah berkuasa untuk mengendur atau mengecualikan keperluan-keperluan yang dinyatakan di atas ini oleh sebab ini bukanlah bidang tugasnya. Juga demi untuk menjamin kejayaan bagi satu-satu pinjaman adalah menjadi tugas MARA untuk menentukan iaitu segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan asas yang ditetapkan oleh mana-mana Jabatan atau Agensi-agensi Kerajaan

yang mempunyai kuasa terhadap satu-satu projek yang dikemukakan untuk pertimbangan kemudahan kredit itu ditunaikan terlebih dahulu sebelumnya pertimbangan bagi meluluskan kemudahan dibuat. Syarat-syarat asas ini adalah perlu dituruti untuk menjamin wang pinjaman iaitu wang rakyat digunakan dengan tepatnya, sempurna dan setiap projek mencapai kejayaan yang maksima.

PENYAKIT HAIWAN

28. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah penyelidikan dan kajian yang telah dilakukan dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan penyakit-haiwan dalam negara ini seperti penyakit kuku dan mulut ternakan kerbau lembu, dan penyakit 'hawar' ayam dan itik.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Kerajaan sentiasa menjalankan penyelidikan dan tindakan untuk mengurangkan penyakit-haiwan yang merbahaya yang terjadi di negeri ini termasuk Penyakit Kuku dan Mulut. Di antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan ialah pengawasan penyakit-penyakit itu menerusi aktiviti-aktiviti kerantina, suntikan, rawatan dan penentuan kejadian penyakit itu dengan serta-merta. Kerajaan telah menubuhkan 5 buah makmal daignosa di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk sebuah Institut Penyelidikan Haiwan di Ipoh dan 2 buah lagi sedang dibina. Kerja-kerja makmal ini, antara lain, menjalankan penyelidikan dan penentuan kajian penyakit ternakan. Kerajaan juga mengeluarkan vaksin-vaksin untuk mencegah penyakit-penyakit yang merbahaya. Pada tahun 1980, vaksin yang dikeluarkan ialah 179 juta dos untuk penyakit ternakan ayam, 670 ribu dos untuk penyakit ternakan babi dan 121 ribu dos untuk penyakit ternakan lembu. Bagi penyakit-penyakit ternakan, selain daripada Penyakit Kuku dan Mulut yang terjadi, Kerajaan mempunyai kemampuan dan kemudahan-kemudahan yang cukup untuk mengatasinya. Bagi Penyakit Kuku dan Mulut, pengawalannya adalah bergantung

kepada kegunaan veksin yang diimport; kejadian penyakit ini juga adalah bergantung kepada kawalan di kawasan sempadan Malaysia/Thailand. Walau bagaimanapun, Kerajaan, menerusi usaha kerjasama dua hala Malaysia/Thailand telah menggariskan beberapa panduan tindakan untuk mengatasi dan mengawal kejadian penyakit ini dengan cara—

- (a) menjalankan suntikan di kawasan sempadan Malaysia/Thailand;
- (b) memperketatkan pengurusan pengimportan ternakan dan kerantina;
- (c) memperkukuhkan pengawasan "surveillance" bagi kejadian penyakit;
- (d) pengawalan pemindahan ternakan dan penyembelihan ternakan di abattoir.

PENUNTUT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT—ELAUN BULANAN

29. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Pelajaran menyatakan amaun elaun bulanan diberikan kepada penuntut Malaysia di seberang laut yang pengajian mereka dianjurkan oleh Kerajaan sekarang, bilangan mereka dan amaun yang dibelanjakan untuk mereka setiap bulan dan juga nyatakan tindakan yang diambil terhadap penuntut-penuntut kerana kelemahan dan kurang kehadiran dalam pelajaran mereka.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bilangan penuntut Malaysia di seberang laut yang dianjurkan oleh Kerajaan adalah berjumlah 13,981.

Amaun elaun bulanan sara hidup yang diberikan kepada penuntut-penuntut yang dianjurkan oleh Kerajaan adalah ditentukan oleh kadar-kadar tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kadar-kadar biasiswa ini berbeza antara sebuah negara dengan sebuah negara lain. Penyemakan semula kadar-kadar dilakukan dari masa ke semasa apabila perlu berbuat demikian.

Amaun perbelanjaan setiap bulan bagi penuntut-penuntut ini adalah di antara \$1,000-\$2,700 bergantung kepada, di negeri dan peringkat pengajian mana penuntut berada.

meluaskan lagi pelaksanaan projek-projeknya secara "turnkey". Adalah diharapkan, dengan sistem "turnkey" ini masalah kelambatan melaksanakan projek-projek Telekom akan dapat diatasi.

Pada masa ini Kementerian saya belum lagi bercadang untuk menjadikan perkhidmatan Telekom sebagai badan berkanun.

RADIO/TV TANPA LESEN— JUMLAH TANGKAPAN

33. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah kes tangkapan dalam tahun 1981 atas pengguna-pengguna radio dan televisyen yang tidak mengambil lesen atau tidak membaharui lesennya yang telah lelap.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Jumlah mereka yang diambil tindakan Mahkamah kerana menggunakan radio dan televisyen tanpa lesen pada tahun 1981 ialah 7,470.

SISTEM 3M—GOLONGAN SABOTAJ

34. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah terdapat mana-mana pihak yang tertentu menjalankan kegiatan dan tindakannya bagi menimbulkan keadaan mensabotaj atau memulaukan pelaksanaan sistem 3M di Sekolah-sekolah di negeri ini sekarang, jika ya, apakah tindakan tegas yang akan diambil oleh pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran sendiri.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tidak ada bukti yang nyata tentang adanya pihak-pihak yang menjalankan kegiatan sabotaj terhadap 3M; apa yang nyata ialah seperti Yang Berhormat sendiri maklum, iaitu ada golongan yang tidak puas hati dan mencurigai program dan pelaksanaan 3M ini. Dengan penerangan dan jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, golongan ini telahpun mula memahami dan sedar bahawa program 3M sebenarnya ialah satu program pendidikan yang bertujuan meninggikan mutu pelajaran kanak-kanak kita di sekolah-sekolah rendah khasnya. Adalah diharap mereka ini tidak lagi

mencurigai hasrat baik Kerajaan dan seharusnya memberi sokongan terhadap pelaksanaan program ini.

PENGAJARAN BAHASA CINA/TAMIL DI SEKOLAH MENENGAH

35. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam semua sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia, berapakah darinya yang mengajar matapelajaran bahasa China dan Tamil dan berapa pula sekolah-sekolah berkenaan yang dapat mengajar matapelajaran bahasa ibunda murid-murid mengikut waktu sekolah biasa. Bila terangkan bilangan murid-murid yang ingin belajar bahasa ibunda sendiri tetapi tidak diberi peluang kerana tidak sampai bilangan yang dikehendaki.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran sentiasa melayan permintaan ibubapa bagi mengadakan pengajaran Bahasa China dan Tamil sekiranya bilangan ibubapa yang memohon pengajaran bahasa-bahasa ibunda tersebut itu tidak kurang dari 15 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat sebanyak 482 buah Sekolah Menengah di seluruh Semenanjung Malaysia menjalankan pengajaran bahasa ibunda murid-murid (Bahasa China dan Tamil). Dari jumlah sekolah tersebut, terdapat 3,893 kelas Bahasa China dan 1,417 kelas Bahasa Tamil.

Dukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah tidak menyimpan rekod mengenai jumlah murid yang tidak dapat mengikut kelas bahasa ibunda kerana bilangan permohonan tidak mencukupi bilangan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun kebanyakan sekolah adakan juga kelas-kelas bahasa ibunda (walaupun bilangan permintaan untuk kelas-kelas ini tidak mencukupi 15 orang) secara sukarela. Guru-guru bahasa China atau Tamil menjalankan pengajaran bahasa-bahasa ibunda ini secara sukarela pada hari Sabtu ataupun pada waktu persekolahan biasa sebaik sahaja pengajaran-pengajaran di dalam jadual waktu tamat dijalankan.

Kementerian Pelajaran melalui Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut sentiasa mengawasi kemajuan akademik pelajar-pelajar dari masa ke semasa dan jika terdapat pelajar-pelajar yang lemah serta kurang menunjukkan perhatian terhadap pelajaran mereka, tindakan memberi amaran, menggantung biasiswa dan juga jika gagal dua kali berturut-turut, mereka akan dihantar pulang.

LINTASAN KERETAPI

30. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah lintasan keretapi (Railway level crossing) yang tidak mempunyai get dan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat get di setiap lintasan keretapi.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat 45 buah Lintasan rata Awam Terbuka yang tidak mempunyai get dewasa ini di seluruh rangkaian KTM dan berikutan daripada keputusan Kerajaan baru-baru ini, tindakan telahpun diambil oleh Pentadbiran Keretapi untuk membina get-get di lintasanrata tersebut dan adalah dijangkakan get-get ini akan dapat digunakan sepenuhnya pada bulan Mac ini.

CALUN AHLI PARLIMEN/NEGERI— HAD PERBELANJAAN

31. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan bahawa adakah cadangan hendak menaikkan had perbelanjaan \$20,000 bagi setiap calon Dewan Rakyat dan \$15,000 bagi calon Dewan Undangan Negeri, memandangkan kepada keadaan inflasi.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954 sedang dikaji dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah salah satu perkara yang terlibat. Walau bagaimanapun, tidak dapat ditentukan bilakah kajian ini akan berakhir.

JABATAN TELEKOM— MENINGKATKAN KECEKAPAN

32. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk meningkatkan kecekapan Jabatan Telekom untuk menampung keperluan orang ramai dan sama ada masanya telah tiba untuk menukarkan jabatan itu menjadi sebuah badan berkanun.

Datuk Clarence E. Mansul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa langkah tertentu telah diambil oleh Kementerian saya bagi mempertingkatkan lagi kecekapan Jabatan Telekom. Di antara langkah-langkah itu ialah pelaksanaan penyusunan semula Jabatan Telekom yang telah dimulakan pada penghujung tahun 1979 di mana Jabatan Telekom telah dibahagikan kepada beberapa bahagian dengan diberi kuasa-kuasa tertentu dan dengan cara ini pemusatan kuasa di Ibu Pejabat dapat dihindarkan dan keputusan dapat dibuat dengan lebih cepat. Penyusunan semula ini adalah bertujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran Jabatan Telekom di Ibu Pejabat dan juga di peringkat kawasan.

Perubahan kedua ialah penetapan pencapaian matlamat Jabatan Telekom dalam Rancangan Malaysia Keempat. Berdasarkan keupayaan sumber-sumber pengeluaran yang dimiliki oleh Jabatan Telekom ianya akan berusaha melipat gandakan peratus tawaran perkhidmatan kepada orang ramai.

Dari kedua-dua aspek perubahan tersebut, satu perancangan rangkakerja bagi seluruh negara telah dilakukan. Pelan induk ini akan dikemaskini dari masa ke semasa untuk selama 10-15 tahun.

Jabatan Telekom akan mengawasi dengan rapi, supaya semua projek-projeknya akan berjalan dengan teratur dan satu badan "koordinasi projek" di peringkat Kementerian dan Jabatan akan ditambahkan.

Langkah terakhir adalah mengenai menampung permintaan perkhidmatan telekomunikasi dari orang ramai. Saya telah mengarahkan agar Jabatan Telekom

SISTEM 3M—MENGGANTUNG PELAKSANAAN

37. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pelaksanaan sistem 3M di sekolah-sekolah rendah China dan Tamil akan menukar corak sekolah-sekolah tersebut, sama ada Kementeriannya akan menggantung pelaksanaan sistem 3M dalam bentuknya sekarang sama sekali.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Adalah ditegaskan bahawa pelaksanaan Kurikulum 3M sekolah-sekolah rendah China dan Tamil tidak akan menukar corak sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, Kementerian Pelajaran tidak akan menggantung pelaksanaannya.

PENGAJARAN BAHASA CINA/TAMIL— SYARAT KELULUSAN

38. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang mewajibkan semua murid-murid supaya mempelajari bahasa ibunda sendiri sambil mendapat kelulusan dalam matapelajaran tersebut sepertimana diwajibkan bagi Bahasa Malaysia.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mewajibkan pengajaran Bahasa Ibunda (Bahasa Ketiga) untuk semua murid. Walau bagaimanapun pengajaran bahasa-bahasa ibunda China dan Tamil akan diadakan apabila Kementerian Pelajaran menerima permintaan dari ibubapa yang tidak kurang dari 15 orang untuk pengajaran bahasa-bahasa ibunda tersebut. Kementerian Pelajaran juga tidak bercadang untuk mewajibkan kelulusan bahasa ibunda sepertimana yang diwajibkan bagi Bahasa Malaysia.

KUMPULANWANG SIMPANAN KAKITANGAN PERLOMBONGAN MALAYSIA

39. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa selepas penutupan Kumpulanwang Simpanan Kakitangan Lombong-lombong

Malaysia (Malaysian Mining Staff Provident Fund) pada Julai 1981, semua caruman dalam kumpulanwang itu telah dipindah kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja pada 28hb Disember, 1981, jika ya, apakah sebab faedah ke atas setiap caruman oleh ahli-ahlinya tidak diberi; dan

(b) jumlah keuntungan yang telah diperolehi oleh Kumpulanwang Simpanan Kakitangan Lombong-lombong Malaysia (MMSPF) daripada pelaburan-pelaburan yang telah dibuat olehnya sehingga bulan Julai 1981 dan bilakah ahli-ahlinya boleh mengetahui bahagian keuntungan yang masing-masing akan menerima dan sama ada bahagian keuntungan itu akan diberi secara tunai ataupun akan dimasukkan kira dalam simpanan masing-masing dalam KWSP.

Dato' Mak Hon Kam: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kumpulanwang Simpanan Kakitangan Perlombongan Malaysia telah digulung dalam bulan Julai, 1981. Oleh kerana kredit ahli-ahli hanya dipindahkan kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja dalam bulan Disember 1981, faedah akan diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ke atas kredit pencarum-pencarum yang terlibat, hanya mulai bulan Januari, 1982. Sebarang faedah yang dibayar kepada ahli-ahli sebelum pemindahan kredit di dalam bulan Disember 1981 adalah tanggungjawab Kumpulanwang Simpanan Kakitangan Perlombongan Malaysia tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kumpulan wang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat-maklumat mengenai keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulanwang Simpanan Kakitangan Perlombongan Malaysia daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat olehnya sehingga bulan Julai 1981 hanya boleh didapati daripada pemegang-pemegang amanah kumpulanwang tersebut yang mana Setiausaha-setiausaha dan Bendahari-bendaharinya ialah "Coopers and Lybrand". Pemegang-pemegang Amanah itu

buat masa ini sedang dalam proses menyusun cara-cara untuk membahagi-bahagikan keuntungan di antara ahli-ahli yang ada sekarang dan mereka yang telah meninggalkan perkhidmatan syarikat tersebut. Keuntungan-keuntungan itu akan dimasukkan ke dalam akaun ahli-ahli berkenaan sebagai sebahagian daripada kredit mereka dan tidak akan diberi dalam bentuk wang tunai kepada ahli-ahli. Bilakah masanya ahli-ahli akan dapat mengetahui jumlah yang akan mereka terima adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah Tinggi yang sedang diminta oleh Pemegang-pemegang Amanah Kumpulanwang Simpanan Kakitangan Perlombongan Malaysia.

LAPORAN JAWATANKUASA MENTERI MENGENAI AKTA KAWALAN SEWA

40. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah yang telah jadi kepada Laporan Jawatankuasa Menteri Mengenai Akta Kawalan Sewa dan mengapa Kerajaan lewat mengambil tindakan ke atas Laporan tersebut hampir selama enam tahun.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa Laporan Jawatankuasa bagi Mengkaji Akta Kawalan Sewa, 1966 itu adalah masih di dalam pertimbangan Kerajaan. Oleh sebab laporan ini mempunyai implikasi yang luas, maka pihak Kerajaan terpaksa mengkaji perakuan-perakuannya dengan teliti dan mendalam supaya ianya dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak iaitu pihak yang empunya-rumah dan penghuni-penghuni.

Tugas-tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) menyiasat kesan Akta Kawalan Sewa, 1966 memandang kepada keadaan inflasi sekarang dengan mengambil kira kekurangan rumah yang didiami di beberapa tempat di negara ini dan keperluan mempercepatkan pembangunan perumahan dan pembaharuan perbandaran selaras

dengan dasar Kerajaan menggalakkan penilaian harta sendiri dan menyusun semula masyarakat;

- (ii) membuat cadangan sama ada Kawalan Sewa diteruskan dalam bentuk sekarang atau diubah atau sama ada ia dibatalkan sepenuhnya; dan
- (iii) Jawatankuasa tersebut hendaklah mengemukakan perakuan-perakuannya kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan wilayah Persekutuan dalam masa enam bulan dari tarikh pembentukannya.

Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan yang dahulu pada 18hb November, 1976. Selepas itu, ahli-ahli Jawatankuasa telah mengadakan beberapa mesyuarat dan telah melawat ke semua Ibu-ibu Negeri di Semenanjung Malaysia untuk mendengar ulasan/pandangan orang ramai mengenai Kawalan Sewa. Jawatankuasa juga telah melakukan lawatan ke Singapura dalam bulan Februari 1977 untuk mengkaji sistem dan undang-undang kawalan sewa di negara itu.

Dengan kebenaran Jumaah Menteri di mesyuaratnya pada 30hb Mac, 1977, Pengerusi dan empat orang ahli Jawatankuasa ini telah melakukan lawatan sambil belajar ke Australia dan New Zealand dalam bulan April 1977. Adalah didapati bahawa Australia dan New Zealand menggunakan berbagai-bagai sistem dan undang-undang Kawalan Sewa yang berbeza-beza di antara satu dengan lain dan juga perbezaan didapati di negeri-negeri di Australia sendiri.

Pandangan orang ramai secara umum adalah bahawa tuan-tuan empunya rumah (Landlords) mengesakan dengan kuatnya supaya Akta Kawalan Sewa, 1966 ini dihapuskan manakala penghuni-penghuni (tenants) pula telah merayu supaya Akta Kawalan Sewa ini diteruskan. Jawatankuasa sedar bahawa terdapat masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan bagi menyelesaikan pandangan-pandangan yang telah

dikemukakan oleh kedua-dua pihak itu. Oleh yang demikian, Jawatankuasa perlulah mencari satu jalan supaya satu "compromise solution" yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak dapat diwujudkan seterusnya. Jawatankuasa telah mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan telah membuat perakuan-perakuannya dan perakuan-perakuan ini telah dikemukakan kepada Jumaah Menteri pada 25hb Mac, 1981 untuk dipertimbangkan.

AHLI EXCO NEGERI—LETAK JAWATAN DALAM SYARIKAT SWASTA

41. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semua Ahli Exco Negeri kini sudahpun berkhidmat sepenuh masa dan sama ada beliau sedar terdapat Ahli-ahli EXCO yang diberi "cuti tanpa gaji" oleh syarikat-syarikat di mana mereka menjadi pengarah atau mempunyai kepentingan dan bukanlah amalan ini bertentangan dengan dasar Kerajaan yang berkehendakkan semua Ahli EXCO meletakkan segala jawatan yang dipegang mereka dalam syarikat-syarikat swasta apabila mereka dilantik menjadi Ahli EXCO Negeri.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jawapan kepada soalan ini serta soalan-soalan tambahan yang berkaitan dengannya telahpun saya berikan semasa menjawab soalan No. 2 daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 11-3-1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan berhubung dengan soalan ini.

TUAN TANAH MENGUSIR SETINGGAN

42. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan Persekutuan dalam satu kes baru-baru ini bahawa tuan tanah tidak perlu menunggu hingga mendapat "Court Order" untuk mengusir keluar setingan dari tanahnya, adakah dicadangkan cara lain untuk mengelakkan gangguan kepada ketenteraman awam dan kedamaian.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Terpulanglah kepada budibicara tuan tanah dalam usahanya mengusir setingan-setingan

dari tanahnya asalkan tindakan mengusir itu tidak dibuat dengan kekerasan yang melampau yang akan melibatkan ketenteraman awam.

PENDATANG HARAM INDONESIA

43. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) anggaran jumlah pendatang-pendatang haram Indonesia yang berada di negara ini, bilangan yang ditangkap, ditahan dan dihantarkan balik dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kebanyakan pendatang-pendatang haram tersebut ke dalam negara ini; dan
- (b) sama ada beliau sedar pendatang-pendatang haram Indonesia akan menjadi ancaman kepada negara ini dalam jangka masa panjang jika (i) langkah-langkah tegas tidak diambil untuk mencegah mereka dari memasuki negara ini, (ii) mereka tidak dikesan, ditangkap dan dihantar balik ke Indonesia.

Dato' Musa Hitam: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi semua soalan-soalan yang sama maksudnya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 17-3-1982 (dua soalan), dari Kota Melaka pada 18-3-1982, dari Menglembu pada 18-3-1982 dan dari Kluang pada 18-3-1982.

Adalah satu perkara yang mustahil untuk Kementerian ini memberi angka-angka yang sebenar/tepat mengenai jumlah pendatang-pendatang haram yang berada di negara kita. Ini ialah kerana kalau adapun mereka masuk ke negara ini secara haram. Ini ialah sempadan negara kita dengan negara-negara jiran adalah begitu panjang yang meliputi tanah dataran dan juga lautan yang luas. Walau bagaimanapun, bilangan yang telah ditangkap dan dihantar balik sejak tahun 1978 sehingga sekarang ialah seramai 10,917 orang.

Di dalam usaha untuk mengatasi kemasukan pendatang haram ke negara ini, beberapa langkah telah dan sedang diambil

oleh Kerajaan termasuklah membesarkan lagi Yunit Penguatkuasa Jabatan Imigresen, meningkatkan lagi rondaan oleh tentera laut dan polis marin.

Sikap Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram adalah sama tanpa mengira sama ada mereka itu datang dari negara-negara ASEAN ataupun negara Commonwealth atau mana-mana juga negara di dunia ini.

Adalah tidak dapat dinafikan ada di antara pendatang-pendatang haram yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan jenayah sama sepertimana yang dilakukan oleh orang-orang dari keturunan Cina, India, Melayu dan lain-lain. Masalah jenayah tidaklah dapat dikaitkan pada orang dari satu-satu pihak atau keturunan sahaja kerana jenayah tidak mengenal batasan keturunan. Berdasarkan kepada perangkaan yang ada, jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram hanyalah 1.23% daripada keseluruhan jenayah yang berlaku dalam tahun 1981.

Kementerian ini tidak sedar adanya pihak-pihak tertentu yang mengeluarkan surat mengenai permohonan visa. Walau bagaimanapun, sekiranya ada ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai bukti-bukti sila kemukakan kepada Kementerian saya supaya siasatan mengenainya dapat dijalankan. Pada kebiasaannya permohonan visa hendaklah mempunyai dokumen perjalanan yang sah sebelum pertimbangan dapat dibuat.

Bilangan pendatang haram yang ditangkap kerana berbagai-bagai kesalahan jenayah di antara 1979 dan 1981 adalah seramai 314 orang.

PERMIT KERJA

44. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan permit kerja yang telah dikeluarkan hingga akhir tahun 1981 kepada orang-orang yang berikut di Sabah:

- (a) orang-orang pelarian Filipina;
- (b) pendatang haram Indonesia;
- (c) orang-orang Semenanjung Malaysia;
- (d) orang-orang Sarawak; dan
- (e) lain-lain.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Richard Ho Ung Hun): Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) tiada;
- (b) tiada;
- (c) tiada;
- (d) tiada;
- (e) 2,684.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permit kerja di bawah Akta Sekatan Kerja, 1968, hanya dikeluarkan kepada penduduk-penduduk tetap yang bukan warganegara tetapi memiliki kad pengenalan merah.

Warganegara dari Semenanjung dan Sarawak tidak memerlukan permit kerja untuk bekerja di Sabah. Mereka hanya memerlukan pas-pas kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Sabah.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kelima”. (15hb Mac, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ditangguhkan petang semalam, Yang Berhormat Menteri

Pertanian sedang memberikan jawapan dan sekarang saya jemput Yang Berhormat untuk menyambung jawapan.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah yang diambil oleh FAMA untuk memperbaiki pemasaran koko ialah dengan pengwujudan perdagangan terus oleh FAMA. Dalam tahun 1981 FAMA membeli 1,200 metrik tan biji koko kilang bernilai \$4.7 juta dan 850 metrik tan biji koko basah dentan nilai \$1 juta. Oleh kerana pembelian itu dibuat terus daripada petani-petani FAMA telah berjaya menawarkan harga yang lebih baik kepada petani-petani. Dalam tahun 1982, jumlah koko yang akan dibeli melalui skim ini akan mencapai nilai \$12 juta. Pada ketika ini FAMA membeli biji-biji koko basah melalui 9 pusat-pusat pembelian di Manung, Bagan Datuk, Sabak Bernam, Tanjong Karang, Batu Laut, Sri Gading, Rengit, Jerantut dan Temerloh.

Sebagai satu lagi langkah untuk meningkatkan kualiti biji-biji koko keluaran petani-petani FAMA telah melibatkan diri secara langsung dengan mewujudkan pusat-pusat pemerosesan bagi membolehkan biji-biji koko basah yang dibeli daripada petani diproses sesuai dengan kualiti yang dikehendaki di pasaran antarabangsa. Ketika ini FAMA telah membina pusat memproses koko di Sabak Bernam yang bernilai \$1.6 juta yang mempunyai kemampuan memproses 15 tan koko basah sehari, dua lagi pusat yang serupa ini iaitu di Bagan Datok dan Batu Pahat akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Di samping itu FAMA juga membeli koko basah bagi diproses di pusat-pusat pemerosesan kecil seperti di Tanjong Karang, Batu Laut, Sri Gading, Rengit dan Jerantut. Adalah dianggarkan jumlah biji koko basah yang dibeli dan diproses dalam tahun 1982 akan mencapai 1,500 metrik tan yang bernilai \$1.68 juta. Angka ini akan meningkat dengan pesatnya di tahun 1983 apabila dua pusat pemerosesan tambahan di Bagan Datok dan Batu Pahat disiapkan.

Dalam langkah untuk memperbaiki lagi pengeluaran koko oleh petani-petani, pihak Kementerian telah mengambil tindakan untuk

menjalankan projek printis bagi memulih pekebun-pekebun koko. Buat permulaan 3 kawasan telah dipilih iaitu Hilir Perak, di Jeram, Selangor dan juga di Rengit, Johor. Melalui projek printis permulaan ini maka adalah dijangkakan bahawa pengeluaran hasil koko dapat dipertingkatkan. Di dalam projek ini aspek-aspek pencetasan, percantuman, pembajaan dan pemulihan dari segi lindungan akan juga dijalankan.

Yang Berhormat dari Sarikei telah membangkitkan perkara subsidi kepada penanam lada hitam. Dengan keluasan ladang yang berjumlah 14,711 hektar dan jumlah pengeluaran yang dieksport sebanyak 30,000 metrik tan setahun Malaysia merupakan negara pengeksport lada hitam yang utama. Sungguhpun begitu, perkembangan perusahaan ini mula tergugat apabila harga eksport bahan ini telah jatuh sedangkan kos bahan-bahan input naik dengan pesatnya. Kementerian Pertanian telahpun merangka rancangan-rancangan bagi menggiatkan perusahaan ini dengan tujuan mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport utama bahan ini. Kajian sedang dibuat bagi menentukan jenis bantuan yang paling berkesan kepada penanam-penanam lada hitam ini. Langkah ini adalah perlu kerana lada hitam merupakan aktiviti utama di kalangan penduduk-penduduk desa Sarawak yang menjamin cash income mereka. Kementerian saya melalui MARDI akan memesatkan lagi kegiatan-kegiatan penyelidikan untuk menambah hasil, untuk menentukan pengeluaran dan juga cara menanam dengan tidak menggunakan tiang sokongan.

Di dalam usaha Kerajaan untuk meluaskan pasaran, kerajaan telahpun mengambil langkah untuk mengadakan gred-gred yang tertentu dan menggunakan gred tersebut di pasaran antarabangsa. Di samping itu semua pembeli-pembeli lada hitam di lesen untuk mengurangkan amalan yang tidak adil di pasaran tempatan. Selain daripada itu Kerajaan juga sedang mengambil langkah untuk membeli lada hitam terus daripada petani-petani dan menjualnya terus ke pasaran antarabangsa. Dengan usaha tersebut

adalah diharapkan petani-petani akan mendapat harga yang maksima bagi lada hitam mereka.

Menyentuh pelaksanaan Dasar Pembangunan Pertanian Bersepadu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, sukacita saya maklumkan bahawa dasar ini adalah bertujuan memberikan tumpuan bekalan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan pertanian yang diselaraskan dan dilaksanakan secara berpadu di bawah satu pengurusan. Ini membolehkan komponen agensi-agensi pembangunan seperti Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Pertanian, Bank Pertanian, MARDI, FAMA dan sebagainya melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka dengan lebih berkesan dan dapat diterima oleh kumpulan pasaran mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya telah diberi peruntukan sebanyak lebih kurang \$1,000 juta untuk melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti pertanian secara berpadu mengikut kawasan-kawasan yang sedia ada ataupun insitu area yang telah ditetapkan di seluruh negara. Setakat ini sebanyak 13 buah projek IADP telah dilaksanakan bagi tahun 1981 sahaja. Sebanyak lebih kurang \$160 juta telah dibelanjakan untuk projek-projek berkenaan. Projek-projek ini ialah Projek Pembangunan Pertanian MUDA di Kedah, Projek Pembangunan Kemubu di Kelantan, Projek Pembangunan Pertanian Besut di Terengganu, Projek Pembangunan Kelantan Utara, Projek Pembangunan Johor Barat, Projek Pembangunan Pertanian Barat Laut Selangor, Projek Pembangunan Pertanian Krian-Sungai Manik di Perak, Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur, Projek Pembangunan Endau-Rompin di Pahang, Projek Pembangunan Pertanian Kemasin-Semerak di Kelantan, Projek Seberang Perak di Perak, Projek Pembangunan Pertanian Melaka dan Projek Pembangunan Pertanian Berpadu Lembah Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang telah dilaksanakan sekarang ini telah mula menunjukkan pertanda yang baik dalam mana pendapatan dan hasil pengeluaran telah

bertambah dari \$1,092 dalam tahun 1966 kepada \$4,108 pada tahun 1981 di projek pertanian MADA dan bagi petani-petani di Besut dari \$2,200 dalam tahun 1979 kepada \$4,200 dalam tahun 1981. Sebanyak 2 buah lagi projek dijangka akan mula dilaksanakan dalam tahun 1982 iaitu Projek Pembangunan Pertanian Berpadu di Balik Pulau dan Seberang Perai di Pulau Pinang dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Perlis. Kajian awal menunjukkan bahawa Projek Balik Pulau, Seberang Perai memerlukan perbelanjaan sebanyak \$233 juta dan Projek Perlis sebanyak lebih kurang \$148 juta yang akan memberi faedah kepada 18,800 keluarga tani di Pulau Pinang dan 14,600 keluarga tani di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan sektor ternakan khususnya skim kerbau/lembu pawah dan padang ragut yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit, ingin saya nyatakan bahawa sehingga hari ini lebih kurang 50,000 ternakan kerbau/lembu telah dibahagikan kepada penternak-penternak kecil dan skim ini akan diperluaskan lagi dengan harapan bahawa ia akan dapat menampung sebahagian daripada permintaan daging. Seluas 97,000 ekar padang ragut juga telah disediakan. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Ternakan Negara atau Majuternak menternak secara besar-besaran adalah didapati tidak viable atau menguntungkan dan setelah dikaji adalah didapati dari beberapa segi bahawa ternakan pawah yang dikendalikan oleh penternak-penternak kecil adalah lebih menguntungkan penternak-penternak dan negara jika dikendalikan dengan teratur dan kemas dan ianya juga membuka satu lagi peluang aktiviti ekonomi untuk peladang-peladang kecil kita. Oleh itu usaha Majuternak menternak besar-besaran akan diberhentikan.

Begitu juga di dalam rancangan tenusu yang mana ternakan besar-besaran yang dijalankan oleh Majuternak akan juga diberhentikan.

Semua ladang-ladang yang dipunyai oleh Majuternak akan diserahkan kepada Jabatan Haiwan untuk dijadikan sebagai pusat pembiakan baka-baka ternakan yang bermutu

**KAPAL PENANGKAP IKAN FILIPINA
MASUK TANPA PERMIT—TINDAKAN**

36. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Hal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas kemasukan beberapa buah kapal penangkap ikan Filipina ke perairan Malaysia di kawasan Silam dalam daerah Semporna beberapa bulan yang lalu;
- (b) hasil daripada penyiasatan pihak keselamatan Polis, didapati kapal-kapal tersebut tidak mempunyai keterangan permit masuk untuk menangkap ikan di perairan Malaysia; dan
- (c) pada 31hb Januari, 1982, sebanyak dua buah kapal penangkap ikan Filipina juga telah berada di tempat perairan dan daerah yang sama. Adakah kedua buah kapal tersebut telah mendapat permit kebenaran dari Kerajaan untuk menangkap ikan di perairan Malaysia. Jika ya, adakah beliau sedar perusahaan yang menjadi mata pencarian para nelayan-nelayan tempatan didaerah tersebut akan bertambah sulit kerana kapal-kapal asing itu menggunakan sejenis pukat yang bahaya sehingga anak-anak ikan turut menjadi mangsa pukat mereka (kapal asing). Jika tidak, apakah tindakan diambil ke atas kapal-kapal penangkap ikan asing yang masuk secara haram ke perairan negara kita.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya mengikut undang-undang bagi mengawal kemasukan kapal-kapal penangkap ikan asing ke perairan Malaysia. Kemasukan kapal-kapal itu bukan sahaja sentiasa dikawal dengan perlesenan di bawah undang-undang perikanan, bahkan juga mengenai perkara-perkara imijeresen dan keselamatan. Bagi kapal-kapal tersebut

yang memasuki perairan Malaysia secara haram, tindakan yang sewajarnya menurut undang-undang akan diambil. Undang-undang yang ada pada masa ini adalah telah mencukupi untuk mencegah sebarang pencerobohan dan kemasukan secara haram kapal-kapal penangkap ikan asing. Rondaan-rondaan juga sentiasa diadakan oleh Pasukan Keselamatan di sepanjang perairan Malaysia dengan tujuan untuk mencegah pencerobohan dan kemasukan secara haram kapal-kapal tersebut. Langkah-langkah yang dilaksanakan ini didapati berkesan di seluruh negara, termasuk terhadap kapal-kapal Filipina yang memasuki perairan Malaysia di kawasan Silam, Daerah Semporna, Sabah.

- (b) Hasil siasatan pihak Polis di sepanjang tahun 1980 sehingga ke hari ini menunjukkan hanya satu kejadian kemasukan secara haram 4 buah kapal-kapal penangkap ikan Filipina yang dilaporkan berlaku di perairan Negeri Sabah. Tindakan telah diambil oleh pihak Polis di bawah Seksyen 13 (1), Akta Perikanan 1963 dengan mengenakan kompaun kepada mereka itu dan seterusnya kesemua kapal-kapal itu telah diusir keluar ke perairan antara bangsa.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 31hb Januari, 1982 tidak ada kejadian pencerobohan dan kemasukan secara haram yang dilaporkan mengenai 2 buah kapal penangkap ikan Filipina itu di kawasan Silam, Daerah Semporna, Sabah. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa mengadakan kawalan untuk mencegah sebarang pencerobohan dan kemasukan secara haram kapal-kapal penangkap ikan asing dengan tujuan untuk memelihara kepentingan nelayan-nelayan tempatan. Bagi manamana kapal penangkap ikan asing yang didapati masuk ke perairan Malaysia secara haram, Kerajaan akan mengambil tindakan Undang-undang.

tinggi yang akan disalurkan kepada penternak-penternak kecil di bawah skim pawah untuk daging dan juga tenusu.

Sehubungan dengan ini saya juga suka mengambil kesempatan mengumumkan bahawa fungsi-fungsi lain yang sekarang ini diusahakan oleh Majuternak seperti Pusat Penyembelihan akan diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan melainkan Pusat Penyembelihan di Shah Alam yang akan diambil alih oleh Jabatan Haiwan bukan sahaja untuk diteruskan sebagai Pusat Penyembelihan tetapi juga diguna sebagai satu pusat latihan bagi kakitangan Pusat Penyembelihan Negara dan untuk Kawasan Serantau. Semua kegiatan-kegiatan pasaran ternakan pula akan diambil alih oleh FAMA termasuklah kemudahan-kemudahan serta infrastruktur kenderaan-kenderaan sejuk dan pusat-pusat pemerosesan ayam di Mergong—Kedah dan di Senawang, Negeri Sembilan.

Dengan penyusunan fungsi-fungsi ini maka Majuternak akan memberhentikan organisasinya dan saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua ahli-ahli Lembaga, pegawai dan kakitangan Majuternak yang bertugas dengan jujur dan berdedikasi. Saya suka menegaskan bahawa jasa bakti dan kebolehan tiap-tiap pegawai dan kakitangan masih lagi dihargai dan dengan ini saya memberi jaminan bahawa tiap-tiap pegawai dan kakitangan akan diserapkan ke dalam semua jabatan dan agensi Kerajaan yang berkenaan mengikut fungsi-fungsi yang diambil alih daripada Majuternak dan perjawatan mereka adalah berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pendapat-pendapat mereka terhadap Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah melafazkan syor-syor dan cadangan-cadangan untuk pertimbangan Kementerian saya. Saya tidak berhajat untuk memberi ulasan ke atas semua syor-syor itu memadailah bagi saya menyentuh beberapa daripadanya.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu skim khusus untuk membantu syarikat-syarikat perniagaan dan perdagangan yang lumpuh tetapi mempunyai harapan untuk memulih semula. Dalam hubungan ini sukacita saya mengatakan di Dewan yang mulia ini pada dasarnya cadangan yang dibuat adalah sangat menarik. Kementerian saya akan membuat kajian lanjut terhadap skim yang dicadangkan.

Walau bagaimanapun perlaksanaannya akan melibatkan bukan sahaja punca kewangan yang besar tetapi memerlukan penyelidikan yang rapi dan mendalam terhadap setiap syarikat-syarikat perniagaan yang lumpuh untuk dipertimbangkan bantuan di bawah skim ini.

Syarikat-syarikat yang akan dipertimbangkan di bawah skim ini terpaksa terlebih dahulu disiasat sebab-sebab kegagalan mereka yang meliputi soal-soal seperti pengurusan, kewangan dan juga "corporate policy" syarikat berkenaan. Perkara-perkara di atas akan melibatkan penelitian terhadap soal-soal peribadi pengarah-pengarah dan pengurusan di syarikat yang berkenaan, financial standing dan lain-lain juga.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu skim insentif yang akan membawa kepada semangat persaingan yang tinggi di kalangan syarikat besar mengeluarkan barangan untuk eksport. Sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan telah pun menyediakan berbagai-bagai insentif bagi menggalakkan pekilang-pekilang Malaysia untuk mengeksport barangan keluaran mereka ke luar negeri. Insentif-insentif ini adalah bagi menggalakkan eksport barang-barang perkilangan dan separa-pekilang sahaja.

Secara ringkas insentif-insentif yang telah disediakan adalah seperti berikut:

1. Galakan Eksport di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 seperti elaun eksport, pengurangan cukai kerana perbelanjaan pengalakan barang-barang eksport di luar negeri dan elaun susutan yang dipercepatkan ke atas alat-alat jentera kilang.
2. Galakan Eksport di bawah Akta Kastam dan Eksais, Cukai Jualan.
3. Kemudahan kewangan untuk tujuan eksport dengan dikenakan kadar potongan.
4. Pengecualian dari cukai kastam bagi syarikat-syarikat yang berorientasikan eksport yang hanya bergantung kepada bahan-bahan mentah serta komponen yang diimport.
5. Kemudahan-kemudahan bagi industri yang berorientasikan eksport untuk mendirikan kilang-kilang pembuatan di kawasan Perdagangan Bebas, dan
6. Kemudahan-kemudahan bagi pekilang-pekilang barangan untuk dieksport bawah Bond Kastam.

Selain dari menyediakan insentif-insentif tersebut, Kerajaan juga menyediakan berbagai bantuan dan khidmat nasihat kepada pengeksport-pengeksport melalui Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian saya. Kerajaan telah menubuhkan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) di bawah Kementerian saya untuk memberi kemudahan-kemudahan serta khidmat nasihat kepada pengeksport Malaysia. Antara lain, bantuan yang diberikan oleh MEXPO ialah menyediakan ruang pameran kepada pekilang-pekilang untuk mempamerkan barang-barang keluaran mereka, kepada para pelawat asing yang berkunjung ke MEXPO. MEXPO juga mengumpul dan menyebarkan maklumat-maklumat yang lengkap mengenai sesuatu pasaran di luar negeri serta potensi-potensi sesuatu barangan buatan Malaysia di luar negeri, dan lain-lain. MEXPO juga menganjurkan seminar-seminar dari masa ke semasa untuk pengeksport-pengeksport mengenai aspek-aspek pemasaran di luar negeri, prospek-prospek eksport bagi

barangan pembuatan Malaysia di luar negeri dan sebagainya. Kerajaan juga telah membuka 28 buah pejabat perdagangan di luar negeri dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di semua Pejabat Perdagangan tersebut juga menyediakan berbagai-bagai bantuan dan khidmat nasihat untuk pengeksport-pengeksport Malaysia yang ingin menerokai pasaran-pasaran di mana Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan ditempatkan.

Malaysia juga telah menerima berbagai bantuan dari luar seperti EEC, Kerajaan Belanda, Australia dan lain-lain di dalam usaha pengalakan eksport Malaysia ke luar negeri. Sebagai contoh, setiap tahun EEC memberi sumbangan kewangan untuk membiayai penyertaan pengeksport-pengeksport Malaysia di pameran-pameran perdagangan di luar negeri dan juga di seminar-seminar serta woksyp anjuran EEC serta lain-lain badan seperti CBI, di negeri Belanda.

Kerajaan melalui Bahagian Perdagangan Antarabangsa, di Kementerian saya sentiasa merangka program-program untuk meningkat prestasi eksport Malaysia dari masa ke semasa. Satu projek yang sedang dilaksanakan oleh Bahagian Perdagangan Antarabangsa ialah menyediakan ruang pameran barang-barang pembuatan Malaysia di setiap Pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri. Usaha ini dibuat untuk membantu sektor swasta dalam menggalakkan barang mereka di luar negeri. Pada awal tahun ini pameran tersebut akan dilaksanakan di Pejabat Perdagangan Malaysia di Bangkok dan Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa Kerajaan telah memberi perhatian yang begitu serius di dalam usaha untuk membantu pihak swasta meningkatkan eksport Malaysia. Adalah diharapkan segala usaha dan insentif-insentif yang begitu menarik yang telah disediakan oleh Kerajaan, akan digunakan dengan sepenuh-penuhnya oleh para pengeksport kita.

Ahli Yang Berhormat dari Parti meminta Kerajaan menimbangkan supaya industri-industri yang didirikan hendaklah ditumpukan ke kawasan luar bandar bagi

mengelakkan penduduk-penduduk luar bandar berpindah ke bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan sekarang menggalakkan pertumbuhan industri-industri di kawasan-kawasan kurang maju yang termasuk juga kawasan-kawasan luar bandar. Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk mencapai tujuan ini. Di antaranya ialah:

- (a) Mengkaji semula insentif-insentif bagi kawasan-kawasan kurang maju;
- (b) Memberi keistimewaan kepada projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju untuk mendapatkan insentif-insentif;
- (c) Menubuhkan estet-estet perindustrian dan menyediakan kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan kurang maju. Setakat ini kira-kira 28 buah kawasan perindustrian yang merupakan 2,442 hektar telah dimajukan dalam negeri-negeri yang jatuh di bawah kawasan pembangunan, iaitu Negeri-negeri Kedah, Perlis Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, dari sejumlah 2,555 hektar tanah perindustrian yang akan dimajukan, sebanyak 2,159 hektar atau 84.5% daripadanya akan dimajukan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Mempergiatkan lagi usaha-usaha promosi pejabat-pejabat Wilayah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di Negeri-Negeri yang kurang maju supaya menarik minat pelabur-pelabur di negeri-negeri ini untuk menceburi projek-projek perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mencapai kejayaan dalam usahanya bagi menyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju. Dari peratusan projek-projek yang telah diluluskan bagi kawasan-kawasan kurang maju, yang bertambah dari semasa ke semasa, adalah jelas menunjukkan sikap Kerajaan di dalam menggalakkan pertumbuhan industri di

kawasan-kawasan kurang maju. Misalnya, dalam tahun 1980, dari sejumlah 460 projek-projek perindustrian yang diluluskan, 282 projek atau 61.3% telah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju berbanding dengan dalam tahun 1971 yang mana daripada 304 projek yang diluluskan hanya 131 projek atau 43.1% telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Adalah diharap dengan dasar dan tindakan ini dapat mengurangkan pemindahan penduduk dari luar bandar ke bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah menggesa supaya ditubuhkan Badan Perundingan yang mengkaji jenis-jenis projek yang sesuai berasaskan bahan-bahan mentah untuk industri-industri kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu memanglah menjadi dasar Kerajaan supaya diperbanyakkan industri-industri kecil yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan khususnya industri-industri yang berasaskan pertanian. Dalam hal ini, terdapat beberapa badan-badan atau institusi Kerajaan yang terlibat di dalam mengadakan kajian-kajian ke atas projek-projek yang sesuai seperti Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah, seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah—KEDA, RISDA, MIDA, Bank Pertanian, FAMA, FIMA, MARDI dan sebagainya. Projek-projek yang sesuai hasil daripada kajian-kajian ini telah pun dilaksanakan oleh badan-badan tersebut ataupun oleh usahawan-usahawan sendiri. Dengan tertubuhnya Bahagian Industri Kecil Luar Bandar di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan dengan adanya penyelarasan usaha berbagai agensi yang terlibat seperti yang saya nyatakan tadi adalah menjadi harapan Kerajaan supaya lebih banyak industri-industri kecil yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dapat dikaji kesesuaiannya untuk didirikan di dalam atau di luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah mengesyorkan supaya Kerajaan mempertingkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan. Sukacita saya maklumkan bahawa banyak tindakan-tindakan telah pun diambil oleh Kementerian saya dalam hubungan ini. Kementerian saya

akan terus mengenal pasti peluang perniagaan baru untuk diceburi oleh Bumiputera. Untuk menentukan kaum Bumiputera akan berjaya di bidang perniagaan yang diceburi, program-program latihan dan pembangunan bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan kebolehan mereka terus dirancang dan dilaksanakan oleh badan-badan tertentu misalnya oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, Bank Pembangunan dan lain-lain. Latihan-latihan ini meliputi bidang pengurusan, asas perdagangan, perakaunan, pemasaran dan lain-lain aspek yang berkaitan. Selain daripada itu Kementerian saya juga ada memberikan khidmat nasihat kepada peniaga-peniaga Bumiputera terutamanya di bidang tertentu di mana peniaga-peniaga Bumiputera menghadapi masalah dan ingin mendapatkan pertolongan untuk mengatasinya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah mengesyorkan supaya Kementerian saya mengambil langkah untuk memasarkan barang-barang keluaran negara bukan sahaja kepada negara-negara maju tetapi juga kepada negara-negara yang sedang membangun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memanglah menjadi dasar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mempelbagaikan pasaran eksport negara dengan meneroka pasaran-pasaran bukan traditional di negara-negara membangun termasuk ASEAN, Asia Barat, Afrika dan Amerika Selatan. Di samping itu kita tidak boleh mengabaikan pasaran-pasaran negara-negara maju yang menjadi pasaran utama eksport negara. Oleh yang demikian, strategi eksport Kementerian adalah mempelbagai pasaran eksport serta mengukuhkan kedudukan pasaran yang sedia ada.

Mengenai seruan Ahli Yang Berhormat supaya kita mencari pasaran-pasaran di negara-negara sedang membangun, langkah-langkah telahpun diambil seperti melancarkan rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara Asean, Asia Barat, Amerika Selatan dan juga Afrika. Selain dari menghantar rombongan-rombongan perdagangan, buat masa ini kita mempunyai 11 buah Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan iaitu di Jeddah, Kuwait, Dubai, Seoul, Sao Paulo, Nairobi, Medan, Jakarta, Bangkok,

Manila dan Singapura dengan bertujuan untuk mempertingkatkan lagi eksport negara ke negara-negara tersebut. Juga dimaklumkan selain dari negara-negara sedang membangun, Kementerian saya juga akan cuba meneroka pasaran-pasaran di negara-negara Sosialis. Buat masa ini terdapat 3 buah Pejabat Perdagangan kita iaitu di Belgrade di Yugoslavia, Moscow di Russia dan Vienna di Austria. Pada pertengahan tahun 1982 dua buah lagi Pejabat Perdagangan akan dibuka iaitu di Peking, Republik Rakyat China dan di Bucharest, Rumania.

Selain dari usaha-usaha secara unilateral, usaha mempelbagaikan pasaran eksport juga dijalankan melalui Asean dan "Organization of Islamic Conference".

Menyentuh tentang publisiti barang-barang eksport negara, ianya adalah merupakan tugas utama tiap-tiap Pesuruhjaya Perdagangan sama ada melalui surat-menyurat, telefon, temu-bual ataupun melalui terbitan-terbitan penerangan perdagangan yang dikeluarkan oleh Pejabat-pejabat Perdagangan. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan adalah bertanggungjawab menyebarkan maklumat-maklumat mengenai barang eksport negara kepada para pengimport di negara-negara di mana mereka ditugaskan. Tetapi, untuk berbuat demikian Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan hendaklah mendapat kerjasama yang sewajarnya dari para pengeksport sendiri. Kerjasama yang saya maksudkan ialah pembekalan butiran-butiran penting mengenai barang-barang yang hendak dieksport. Saya ingin menyeru kepada para pengeksport terutama bagi mereka yang tidak mempunyai kemampuan membuat tinjauan pasaran sendiri supaya mengangap Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan sebagai sebahagian dari "salesman team" mereka di luar negeri yang boleh memasarkan barang-barang pengeluaran mereka. Apabila sahaja Pesuruhjaya Perdagangan mendapat maklumat-maklumat tersebut ianya akan disebarkan terus kepada pengimport yang berminat.

Memandangkan bahawa terdapat banyak negara-negara membangun dan juga sosialis yang ingin berdagang dengan Malaysia tetapi

sedang menghadapi imbangan pembayaran yang buruk (chronic balance of payments) serta kekurangan matawang asing bagi membayar import Kerajaan bersedia, jika perlu menimbangkan perdagangan pertukaran barang (barter trade). Kementerian saya sedang mengkaji sistem perdagangan ini dengan teliti dalam usaha mempertingkatkan eksport negara ke negara kurang maju atau sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya terhadap syor-syor dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat; syor-syor dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak sempat saya menyentuh akan juga diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli yang telah memberi syor-syor itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang turut sama memberi perhatian, teguran dan cadangan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah mengesyorkan selain daripada usaha untuk memperbesarkan angkatan tentera kita, kebajikan mereka terutamanya penyediaan tempat tinggal perlu dititikberatkan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan pembesaran istimewa angkatan tentera penambahan telah dibuat bukan sahaja dari kelengkapan-kelengkapan pertahanan tetapi juga dari segi kekuatan anggota-anggotanya. Penambahan ini sudah tentu akan menimbulkan beberapa masalah umpamanya masalah tempat tinggal mereka. Masalah ini memang disedari oleh Kerajaan dan langkah-langkah wajar dan praktikal untuk mengatasi keadaan ini sedang dijalankan sekarang.

Berbagai langkah dan usaha telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah sedaya-upaya berusaha membina lebih banyak lagi rumah-rumah kediaman untuk anggota-anggota tentera dengan secepat mungkin. Di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menampung kekurangan ini ialah melalui penyewaan bangunan-bangunan Kerajaan atau swasta, membeli rumah kelompok dari pihak swasta di merata tempat, juga membina rumah pasang siap. Untuk menampung rumah-rumah di kawasan Selangor ini sahaja, Kementerian telah menyewa flats PKNS di Shah Alam, dan di Taman Sri Ampang di Ampang. Beberapa unit rumah juga disediakan untuk anggota tentera di seluruh negara. Di antaranya ialah Taman Jejawi di Perlis; Taman Cempaka dan Taman Pulau di Ipoh; Taman Pelangi di Johor, Taman Victoria dan Taman Sentosa di Labuan.

Dalam rancangan pembesaran angkatan tentera pada peringkat permulaannya, tumpuan lebih banyak diberikan kepada pembinaan pejabat-pejabat di unit-unit yang baru dibina. Kini peringkat pembinaan rumah-rumah kediaman pula sedang pesat dijalankan untuk menampung keperluan yang kian meningkat sama ada melalui membeli, membina atau menyewa. Buat masa ini Kementerian Pertahanan dengan kerjasama pihak Perbendaharaan dan Bahagian Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri sedang giat melaksanakan projek-projek tersebut. Adalah dijangka masalah kekurangan tempat tinggal ini akan dapat diatasi sepenuhnya apabila rancangan-rancangan pembinaan rumah itu siap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh cadangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut supaya anggota tentera kita diperbesar dan dilengkapi dengan alat-alat dan senjata moden yang sophisticated. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu telahpun dan sedang dilaksanakan sekarang. Rancangan pembesaran anggota tentera sedang pesat berjalan. Beberapa program dan projek Angkatan Tentera telah, sedang dan

akan dilaksanakan dalam rancangan pembesaran istimewa Angkatan Tentera. Dalam perkembangan ini usaha-usaha dibuat bukan sahaja dari segi kelengkapan pertahanan tetapi juga dari segi kekuatan anggota dan peningkatan mutu latihan peperangan. Langkah pembesaran dan perkembangan termasuk pembelian kelengkapan yang lebih moden dan sophisticated untuk ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera. Buat masa ini tentera kita adalah dibekalkan dengan berbagai kelengkapan moden termasuk senjata-senjata dan peralatan-peralatan yang sejajar dengan keperluan negara. Beliau juga menyeru supaya Kerajaan mengisi semua jawatan yang kosong dalam Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi kekuatan dan keupayaan yang secukupnya kepada anggota tentera untuk memikul tanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan dan keselamatan negara dari segala bentuk ancaman sama ada dari luar mahupun dari dalam negeri. Juga menjadi hasrat Kementerian Pertahanan untuk menggembeling tenaga kerja dan sumber-sumber yang ada bagi melaksanakan hasrat tersebut secara bersungguh-sungguh. Strategi-strategi pelaksanaan yang telah digariskan adalah untuk mewujudkan lebih banyak perjawatan baru di berbagai peringkat jawatan dalam ketiga-tiga perkhidmatan tentera iaitu tentera darat, laut dan udara dan seterusnya mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan tersebut, di samping menitik-beratkan penglibatan orang-orang awam dalam tugas menjaga keselamatan negara, terutamanya melalui penubuhan lebih banyak pasukan-pasukan sukarela di serata pelusuk tanah air.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh bahawa Kerajaan Malaysia perlu mewujudkan perusahaan pertahanan kita sendiri tanpa kita tertakluk kepada negeri-negeri lain untuk pembekalan senjata.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat maklum perusahaan pertahanan bukanlah senang diwujudkan oleh kerana industri berat di negara ini belum ada sehingga HICOM mula operasinya. Pelaburan yang

dikehendaki untuk menubuhkan industri pertahanan adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan jumlah kegunaan oleh Angkatan Tentera. Oleh yang demikian sebelum sesuatu projek industri pertahanan diwujudkan, Kementerian Pertahanan perlu mengadakan sikap berhati-hati (conservative).

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian Pertahanan telah menubuhkan satu Jawatankuasa tertinggi pengeluaran pertahanan di mana wakil-wakil dari Kementerian berkaitan seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, EPU turut menyertai dalam Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa tertinggi ini akan menyelaraskan segala kegiatan pengeluaran pertahanan dari segi keperluan negara untuk semua Pasukan Keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menimbulkan peristiwa yang berlaku di Mengkarak pada 26-2-82 lalu di mana beliau mendakwa anggota tentera telah memukul penoreh-penoreh getah termasuk wanita dan seorang budak yang berumur 13 tahun dengan senapang mereka serta menyuruh menanggalkan baju mereka. Peristiwa di Mengkarak yang begitu sengit telah dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan, telah diambil kesempatan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Petaling ini sebagai satu isu politik, sehingga beliau menuduh saya dan Jeneral Tan Sri Zain Hashim, Panglima Tentera Darat telah cuba melindungi atau "cover up" kejadian di Mengkarak itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di sini suka saya jelaskan sedikit tentang latarbelakang peristiwa yang berlaku di Mengkarak itu.

Pada 23-2-1982 pukul 2.00 pagi satu Kompeni Pasukan Keselamatan telah dimasukkan ke kawasan tanggungjawab operasi di kawasan Mengkarak. Tugas Kompeni ini ialah untuk mencari dan memusnah musuh dalam kawasan tanggungjawab yang ditetapkan.

Pada 25-2-1982 lebih kurang pukul 5.05 petang satu kumpulan kecil dari Kompeni tersebut telah ditembak oleh musuh yang

dianggar berkekuatan antara 10 hingga 12 orang. Musuh telah sempat lari dari kem mereka menanggalkan pakaian mereka, makanan, dokumen-dokumen, peluru, ubat-ubat dan French caps dalam kem tersebut. Gerakan menjejak musuh dijalankan petang itu juga tetapi terpaksa dihentikan pada jam 7.30 malam kerana gelap.

Pada pagi 26-2-1982 gerakan menjejak telah diteruskan. Pada lebih kurang jam 8.10 pagi satu kumpulan penjejak telah sampai ke pinggir hutan bersempadan dengan ladang getah jarak lebih kurang 500 meter dari tempat pertempuran pada 25-2-1982 tadi. Kumpulan ini ternampak seorang bangsa Cina, apabila orang ini ternampak anggota tentera dia terus menyembah pokok seolah-olah dia sedang sembahyang. Anggota Pasukan Keselamatan telah menghampiri untuk menyiasat, Anggota Pasukan Keselamatan memerhatikan seluar yang dipakai oleh orang bangsa Cina itu serupa seperti seluar yang dijumpai tertinggal di dalam kem penganas komunis pada 25-2-1982 itu. Baju dan seluar yang dipakai oleh orang ini bersih tidak seperti yang dipakai oleh kebanyakan penoreh getah. Apabila disoal oleh Anggota Pasukan Keselamatan beliau tidak pandai bertutur Bahasa Malaysia, Pasukan Keselamatan mendapati orang ini mempunyai wang tunai \$100 dan beberapa keping roti serupa seperti yang terdapat di dalam kem penganas pada 25-2-1982 itu. Pasukan Keselamatan juga menjumpai 3 tong (drum) 44 gelen berisi air bersih yang layak diminum. Kawasan operasi ini memang mengalami kesulitan air di musim kemarau, sebagai contoh satu kumpulan Anggota Pasukan Keselamatan tidak dapat memasak selama sehari kerana ketiadaan air. Waktu Pasukan Keselamatan menjumpai orang ini didapati hanya dua batang pokok getah sahaja baru ditoreh, sepatutnya sekiranya orang ini benar-benar seorang penoreh getah ia sepatutnya telahpun menoreh lebih banyak lagi pokok getah sewaktu ia dijumpai oleh Pasukan Keselamatan iaitu jam 8.30 pagi. Memandangkan terdapat keadaan yang mencurigakan Anggota Pasukan Keselamatan telah mengarahkan orang lelaki Cina itu menanggalkan seluarnya untuk diperiksa sekiranya ada menyimpan senjata atau hand

grenade dan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda di peha dan kaki orang itu kerana pada pendapat Anggota Pasukan Keselamatan itu penganas komunis yang melarikan diri dengan cepat akan mempunyai tanda-tanda lebam dan calar-calar akibat terlanggar pokok-pokok. Dalam pemeriksaan ini sah terdapat tanda-tanda lebam di lutut orang tersebut. Dalam pemeriksaan Anggota Tentera ke atas orang Cina ini dibuat dengan tidak menendang atau memukul dengan senapang seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu.

Seterusnya lebih kurang jarak 400 meter daripada tempat terjumpa orang bangsa Cina yang pertama tadi Pasukan Keselamatan telah berjumpa seorang lagi lelaki bangsa Cina. Pasukan Keselamatan telah berhenti untuk membuat penyiasatan, apabila disoal didapati orang kedua ini tidak boleh berbahasa Malaysia dan Anggota Pasukan Keselamatan mendapati orang ini mempunyai wang tunai sebanyak \$200 serta pas RELA. Selepas daripada itu Anggota Pasukan Keselamatan telah bertemu lagi dua orang wanita penoreh getah. Anggota Pasukan Keselamatan telah menanyakan kedua wanita, tetapi mereka tidak dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia. Pasukan Keselamatan hanya menyuruh kedua wanita menyelak baju sedikit paras pinggang untuk memastikan kalau-kalau ada terselit senjata atau bom tangan (hand grenade), pemeriksa rapi tidak dibuat terhadap dua orang wanita tersebut.

Lebih kurang jam 10 pagi 26-2-1982 itu terjadi satu lagi pertempuran jarak lebih kurang 500 meter daripada tempat pertempuran pertama pada petang 25-2-1982 yang mana Pasukan Keselamatan telah melepaskan tembakan kepada anggota penganas yang sedang melarikan diri, tetapi tembakan ini tidak terkena musuh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini satu seksyen Pasukan Keselamatan telah dimasukkan lagi ke kawasan kejadian pertempuran selepas kejadian pada 25 dan 26 Februari, 1982 itu iaitu pada 10 Mac, 1982. Pada 11 Mac, 1982 apabila hari hampir gelap Pasukan ini telah terjumpa atau "stumbled on a food dump" dan antara barang-barang yang

terdapat dalam "food dump" ini ialah dua risalah berupa sebuah buku catitan yang seperti ini yang ada di hadapan saya ini.

Di antara kandungan risalah ini ialah rajah-rajah dan pengajaran mengenai membuat jerangkap samar (lessons on booby traps) dan catitan merekodkan kegiatan penoreh-penoreh getah tempatan yang menyokong kumpulan penganas di kawasan Mengkarak yang saya sebutkan tadi pada 26hb Februari, 1982 itu. Buku catitan ini telah juga mendedahkan azam penoreh-penoreh getah tempatan yang mereka akan memberi sokongan kepada pihak komunis sungguhpun ada Pasukan Keselamatan membuat operasi di kawasan tersebut. Juga terdapat lagi alat-alat keperluan wanita, cawat wanita dan coli menguatkan lagi syak ada anggota wanita di dalam kumpulan penganas yang ditembung oleh pasukan keselamatan pada 25hb Februari, 1982 itu. Anggota Pasukan Keselamatan juga telah berjumpa 2 Orang Asli pada pagi 26hb Februari, 1982 yang memberitahu askar-askar kita bahawa mereka telah melihat ramai orang Cina menunggang motosikal dengan lajunya keluar daripada kawasan itu.

Mengikut dakwaan Yang Berhormat dari Petaling, terdapat 14 orang penoreh getah dalam kejadian itu. Pasukan Keselamatan hanya memeriksa 6 orang sahaja. Ke manakah pergi 8 orang penoreh getah yang lain itu? Kumpulan Pasukan Keselamatan ini telah berjumpa 3 orang Cina yang mengaku bahawa mereka adalah anggota RELA, termasuk seorang Ketua RELA berdekatan tempat kejadian pada 26hb Februari, 1982. Pada mulanya Ketua RELA berpura-pura tidak pandai bercakap Bahasa Malaysia tetapi akhirnya ia didapati boleh bercakap Bahasa Malaysia dengan memuaskan. Ini adalah menyedihkan kerana sebagai Ketua RELA beliau seharusnya tampil ke hadapan untuk membantu pasukan keselamatan dalam usaha menghapuskan penganas komunis.

Dengan tulisan dalam risalah itu dan laporan daripada 2 Orang Asli itu tadi, menunjukkan bukti bahawa pihak penoreh getah ini ada membuat perhubungan rapat (in communication) dengan penganas komunis dan pihak penoreh getah itu sedang

mengadakan kelas propaganda (shu seh lessons). Perlu saya ulangi di sini apabila berlakunya sebarang kejadian kemalangan yang mana anggota keselamatan terbunuh atau terputus kaki akibat jerangkap samar (booby-trap) musuh seperti kejadian di Lenggong baru-baru ini tidak ada sebarang kenyataan simpati dari Ahli Yang Berhormat dari Petaling ataupun pucuk pimpinan parti DAP.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dalam satu-satu operasi menjejak musuh apatah lagi dalam kawasan-kawasan yang disyaki adanya musuh-musuh bersembunyi seperti di Mengkarak ini, apa juga tindakan terpaksa dibuat dengan berhati-hati. Tiap-tiap orang yang dijumpai termasuk wanita harus disyaki terutama sekali tempat pertempuran pada petang sebelum itu hanya lebih kurang 500 meter dari tempat-tempat penoreh getah itu. Pemeriksaan ke atas wanita terpaksa dilakukan kerana pasukan tentera ini mengsyaki bahawa dalam gerombolan penganas yang bertempur terdapat juga penganas wanita. Penoreh-penoreh getah yang diperiksa ini berkemungkinan besar penyokong-penyokong penganas. Jadi tidaklah di luar jangkaan bahawa mereka ini mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan agensi-agensi Kerajaan.

Peluang ini telah diambil oleh pihak Ketua Pembangkang untuk dijadikan satu isu politik untuk melemahkan semangat Anggota-anggota Pasukan Keselamatan dalam perjuangan mereka menentang keganasan komunis serta menimbulkan rasa tidak senang orang ramai terhadap tentera. Sekali gus untuk mendapatkan simpati rakyat terdapat perjuangan mereka yang sia-sia.

Tuduhan yang dibuat oleh penoreh getah iaitu satu kumpulan anggota tentera telah menggunakan kekerasan serta menyerang mereka itu dipercayai diarah oleh penganas komunis kerana kehadiran mereka di Mengkarak telah diketahui. Di dalam berita akhbar telah tersiar bahawa 14 orang penoreh getah tempatan yang telah terlibat tetapi di dalam penyiasatan kami hanya 6 orang penoreh getah sahaja yang dijumpai oleh Pasukan Keselamatan:

Kumpulan 6 orang perempuan dan 3 orang ahli RELA dan ketuanya sekali. Apabila ditanya 3 orang ahli RELA ini tidak memberi apa-apa maklumat atau memberi kerjasama kepada Pasukan Keselamatan kita, terutamanya di dalam keadaan-keadaan yang genting itu.

Masa siaran akhbar dibuat didapati di dalam keadaan luar biasa dan menimbulkan syak wasangka. Kejadian yang dituduh itu berlaku pada awal pagi 26hb Februari, 1982 sedangkan siaran akhbar dibuat 3 hari kemudiannya iaitu pada 1hb Mac, 1982 sempena dengan Hari Tentera Darat bagi mendapatkan publisiti seluas-luasnya bersempena Ulangtahun Tentera Darat yang ke 49. Siaran akhbar ini disyaki dibuat dengan tujuan untuk mencemarkan nama baik Tentera Darat di hari yang bersejarah itu khususnya dan Kerajaan amnya. Tempat siaran akhbar dibuat juga luar biasa. Kejadian yang dituduh itu telah diumumkan oleh Yang Berhormat dari Petaling di Petaling Jaya sedangkan kejadian itu berlaku di Mengkarak, Pahang. Oleh yang demikian siaran ini dirancang dengan motif politik yang tertentu.

Sebagai kesimpulan ingin saya tegaskan supaya kita merenung balik perkataan (statement) yang telah dibuat oleh Ketua Pembangkang di dalam akhbar bahawa penduduk-penduduk lebih takut kepada Pasukan Keselamatan daripada pegganas komunis. Di sini benarkan saya bersetuju dengan pendapat Ketua Pembangkang bahawa penduduk-penduduk yang menyokong komunis itulah yang takutkan Pasukan Keselamatan kita (*Tepuk*). Penyokong-penyokong komunis dan elemen anti-nasional inilah yang melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab kepada Pasukan Keselamatan kita yang menjalankan tugas murni mereka untuk mempertahankan sistem demokrasi kita dengan memusnahkan anasir-anasir komunis dalam negara kita ini.

Angkatan Tentera tidak akan menerima tindakan atau kecaman yang dibuat sewenang-wenangnya terutama tindakan yang sengaja dilemparkan bagi memburukkan nama baik Angkatan Tentera Malaysia. Jika

benar sesuatu perbuatan dilakukan melampaui batas, tindakan tata-tertib yang tegas akan diambil terhadap individu atau kumpulan yang terlibat. Para perajurit mesti mematuhi tata-tertib ketenteraan di samping mengikuti rukun kesopanan Angkatan Tentera yang termaktub. Tindakan Ahli Yang Berhormat mengatakan saya dan Panglima Tentera Darat telah cuba melindungi (cover up) kejadian di Mengkarak itu adalah satu tindakan yang tidak berasas.

Ahli Yang Berhormat membuat tindakan-tindakan itu hanya berpandukan maklumat-maklumat di sebelah pihak sahaja tanpa merujuk kepada pihak-pihak yang tertentu yang berkaitan. Walaupun Ahli Yang Berhormat itu ada menyatakan bahawa bukan tugas beliau untuk melemahkan atau menurunkan moral askar-askar tetapi sedarkah Yang Berhormat dengan tindakan yang melulu yang dilemparkan kepada pihak Angkatan Tentera adalah satu perbuatan untuk menurunkan moral askar-askar? Ada terdapat rasa tidak puas hati di kalangan anggota-anggota tentera di Ipoh mengenai dakwaan di akhbar-akhbar semasa lawatan Panglima Tentera Darat ke Ipoh baru-baru ini.

Adalah menjadi tugas saya untuk menjaga moral, imej dan prestasi Angkatan Tentera. Saya berpegang kepada prinsip undang-undang iaitu seseorang tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan ia bersalah. Dengan izin, "The person is presumed innocent until proven guilty". Oleh itu saya menganggap tuduhan yang dibuat oleh penoreh-penoreh getah ke atas kumpulan ini adalah satu tuduhan yang liar. Ini adalah selaras dengan muslihat pegganas komunis yang mana memburukkan agensi-agensi Kerajaan yang mentadbirkan adalah satu punca untuk mendapat sokongan dari kaumnya. Penoreh-penoreh yang membuat tuduhan ini perlu diawasi dan disoal siasat oleh pihak polis. Kes ini telah diserahkan kepada polis dan sekarang dalam penyiasatan rapi. Saya juga telah meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap ketiga-tiga anggota RELA yang terlibat. Saya agak kesal dengan sikap Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu

yang telah membuat tuduhan dan tohmah yang melulu tanpa berasaskan satu pertimbangan yang adil dan tanpa memperhitungkan sama ada isu itu dapat menguntungkan rakyat atau sebaliknya.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling seolah-olah cuba merenggangkan perhubungan baik dan kerjasama yang telah sedia wujud di antara pihak tentera dan rakyat jelata. Saya sangat kesal nampaknya Ketua Pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah dapat diperalatkan dan dipengaruhi oleh penyokong-penyokong komunis yang telah dibuktikan menyamar sebagai penoreh getah untuk mencapai matlamat perjuangan komunis. Saya rasa sekiranya inilah cara tektik DAP untuk memenangi undi dalam pilihanraya akan datang, saya yakin rakyat akan menyedari perkara ini tidak benar dan mereka akan menolak propaganda-propaganda DAP dan seterusnya parti DAP di pilihanraya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tuduhan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di mana Ahli Yang Berhormat tersebut menyatakan bahawa ada kaum penjaja dan Bus Inspector yang telah dipukul oleh ahli pasukan tentera kita. Saya sendiri telah membuat siasatan tentang tuduhan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Dalam penyiasatan saya ini Ketua Polis Melaka telahpun mengesahkan tidak ada sebarang kes yang diterima oleh Polis Melaka seperti mana yang ditonjolkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Laporan tuduhan sebenar yang diterima oleh Polis Melaka ialah seorang konduktor bas, bukan bas inspector yang telah dikatakan dipukul oleh seorang India yang dipercayai ialah anggota Angkatan Tentera. Pihak Polis telah menjalankan penyiasatan terhadap aduan tersebut tetapi malangnya pihak aduan tidak dapat mengecam orang yang memukulnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes yang saya maksudkan tadi seperti yang mana disahkan oleh Ketua Polis Melaka berlaku pada 23-10-81 jam 11.10 malam.

Suka saya menyatakan di sini bahawa saya merasa kesal bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat tuduhan melulu yang tidak tepat itu. Sebagai seorang ahli parti Kerajaan, Yang Berhormat dari Kota Melaka seharusnya membuat laporan kepada pihak yang berkenaan atau kepada saya sendiri supaya perkara ini dapat disiasat dengan lebih berkesan lagi dan bukan dengan cara melaung-laungkan untuk mendapat publisiti murah. Saya telah kerap kali menegaskan bahawa adalah tanggungjawab saya berkehendakkan supaya perkara disiplin akan sentiasa terjalin di dalam Angkatan Tentera kita.

Sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menerima sebarang aduan-aduan seperti mana yang dituduhkan, sebagai seorang ahli Kerajaan, Yang Berhormat itu hendaklah juga bertanggungjawab memberi kerjasama untuk mengatasi perkara tersebut. Seharusnya tuduhan-tuduhan seumpama itu patut dikaji dengan lebih teliti oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka memandangkan bahawa ada orang-orang awam yang mempunyai potongan rambut "crew cut" dan boleh mengelirukan bahawa orang-orang seumpama itu ialah dari golongan Angkatan Tentera. Perkara semacam inilah Yang Berhormat Kota Melaka hendak membuat penelitian sedalam-dalamnya sebelum menonjolkan tuduhan-tuduhan yang bukan-bukan.

Seperkara lagi berhubung dengan tuduhan Yang Berhormat berkenaan kaum penjaja telah dipukul oleh Angkatan Tentera itu tidaklah benar dan saya telahpun mendapat pengesahan dari Ketua Polis Melaka bahawa Polis Melaka tidak menerima sebarang kes seumpama itu. Saya berharap Yang Berhormat dari Kota Melaka ubahlah sikapnya setelah menjadi ahli parti Kerajaan MCA dan hentikanlah mencanangkan lagu dondang sayang DAP seperti mana yang pernah didendangkan oleh Ahli Yang Berhormat ketika dalam parti DAP dahulu. Saya sedia menerima sebarang teguran atau cadangan yang membina oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi tidak sedia menerima apa-apa tuduhan liar yang tidak berasas seperti mana tuduhan Ahli Yang

Berhormat terhadap kejadian askar memukul kaum penjaja yang dibangkitkan itu. Sekiranya peristiwa ini benar-benar berlaku dan yang Berhormat dari Kota Melaka mempunyai maklumat yang lengkap dari segi undang-undang, beliau boleh disalahkan kerana telah menyembunyikan satu kejadian jenayah yang tidak dilaporkan kepada pihak polis.

Angkatan Tentera akan sentiasa berusaha untuk mendampingi rakyat. Rakyat hendaklah mengenangkan korban bakti perwira dan perajurit bagi kepentingan negara dan rakyat. Oleh itu orang awam janganlah hendaknya begitu kejam dan terus mendustakan mereka semua walau sekalipun terdapat sebilangan yang kecil yang melakukan perkara-perkara yang curang. Orang awam hendaklah menyedari bahawa lebih ramai lagi yang tidak berdosa, lebih ramai lagi yang taat setia yang sedia berkorban untuk keselamatan, kesejahteraan dan kepentingan negara juga.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tak beri. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai kerana telah menyokong tindakan Pasukan Keselamatan kita di Mengkarak sebagaimana yang telah saya jelas dengan panjang lebar sebentar tadi. Tindakan yang dilakukan oleh Pasukan Keselamatan kita memang wajar, kerana tindakan tersebut dilakukan adalah semata-mata untuk menentukan supaya tidak ada pengganas komunis yang menyamar sebagai orang awam.

Adalah sudah menjadi tugas pasukan keselamatan kita untuk menjaga keselamatan rakyat dan negara dari ancaman pengganas yang tidak berperikemanusiaan itu. Sebarang tindakan yang mengatakan tindakan anggota keselamatan kita sebagai satu tindakan kasar adalah tidak patut diadakan sama sekali.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

semasa Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong minggu yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Menteri Pelajaran untuk memberi jawapan.

4.40 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara dan masalah yang berkenaan dengan perkembangan pelajaran negara ini waktu mereka membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak daripada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah menumpukan kepada soalan yang lebih kurang sama dan oleh kerana beberapa jawapan telahpun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab soalan-soalan mengenai 3M, saya tidaklah bercadang hendak mengulas satu demi satu perkara yang telah ditimbulkan.

Namun demikian, saya mohon keizinan, Tuan Yang di-Pertua, supaya membenarkan saya merumuskan beberapa perkara yang penting sahaja serta mengulas yang mana saya fikir amat wajar diberikan ulasan dan penerangan dengan lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaannya perlu saya merumuskan bahawa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan isu perlaksanaan konsep 3M yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran di 302 buah sekolah sebagai projek perintis pada tahun 1982 ini. Mengikut fahaman saya ada dua implikasi sebab mengapa seringkali Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan persoalan ini. Implikasi yang pertama adalah tertanya bahawa sebilangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan dari parti Barisan Nasional, khususnya dari DAP sengaja tidak mahu

memahami kehendak dan tujuan baik Kerajaan negara ini terhadap usaha menentukan mutu dan kemajuan pelajaran bagi semua rakyat negara ini sungguhpun penjelasan demi penjelasan telah diberi oleh pihak Kerajaan di samping jaminan-jaminan yang telah diberi dan diulangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Sebab yang kedua ialah mungkin benar bahawa ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat belum begitu memahami apakah tujuan, matlamat dan rasional Kerajaan melancarkan konsep ini di dalam kurikulum baru di sekolah rendah di negara kita ini.

Bagi golongan yang pertama, saya tidak akan membuang masa untuk mengulas serta menjawab tuduhan-tuduhan mereka dengan panjang lebar oleh sebab pada pendapat saya begitulah biasanya bagi golongan yang ketandusan modal dalam arena politik. Apa sahaja isu yang difikirkan boleh dijadikan modal untuk tujuan politik mereka akan menggunakannya walaupun mungkin boleh menggugat keadaan harmoni dan kestabilan negara. Sebaliknya, mungkin dalam hati kecil mereka bahawa mereka sebenarnya menyetujui segala langkah-langkah positif dan dinamis yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan kita. Oleh itu, penjelasan saya yang berikut adalah bertujuan untuk menerangkan suasana keruh supaya mereka yang masih gelap dan belum dapat melihat tujuan murni Kerajaan dalam melaksanakan konsep 3M ini di peringkat sekolah rendah dapat melihatnya dalam keadaan dan suasana yang lebih cerah lagi. Sebenarnya konsep 3M ini yang merupakan aspek yang terpenting dan teras kepada kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) yang akan dilancarkan di semua sekolah rendah di seluruh negara pada tahun 1983 secara berperingkat-peringkat mulai darjah I atau Tahun Satu hingga ke Tahun Keenam bukanlah perkara baru dan dilaksanakan oleh Kerajaan dengan cara tergesa dan mendadak, jauh sekali mempunyai tujuan-tujuan politik yang tersembunyi.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah lebih maklum bahawa pelaksanaan KBSR yang diterangkan kepada konsep 3M adalah satu langkah dalam mana Kerajaan bertindak

untuk melaksanakan apa yang telah diperakukan dalam Perakuan Kedua Laporan Kabinet yang telah diterima oleh seluruh negara pada tahun 1979.

Adalah perlu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini diingatkan bahawa laporan tersebut bukan sahaja telah dilahirkan setelah mengambil jangka masa yang begitu lama kerana mengkaji semua aspek kelemahan pelaksanaan sistem pelajaran yang berasaskan kepada Akta Pelajaran 1961 tetapi juga telah mengambil kira semua rumusan pendapat, pandangan dan gagasan yang merintasi semua golongan masyarakat di negara ini sama ada dari golongan kaum, persatuan, orang persaoangan, kesatuan sekerja, parti-parti politik dalam bentuk 302 buah memorandum yang dikemukakan oleh mereka.

Dalam dua tahun yang lepas pula setelah pengumuman Laporan Kabinet dan setelah pengumuman Kerajaan hendak melaksanakan kurikulum baru yang berteraskan 3M sebahagian besar dari masyarakat di negara ini dan ahli-ahli pendidik melalui persatuan-persatuan mereka pada keseluruhannya menyokong pelaksanaan tindakan Kerajaan dari segi ini. Perlu saya jelaskan bahawa kurikulum lama di sekolah rendah bukan sahaja gagal melahirkan lepasan-lepasan sekolah yang memuaskan pada masa ini tetapi kurikulum baru yang berteraskan kepada konsep 3M ini boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem penyampaian pelajaran di negara ini di peringkat sekolah rendah. Ini adalah kerana menyedari hakikat bahawa kurikulum yang ada jika tidak diperbaiki akan meluaskan lagi jurang perbezaan di antara kanak-kanak yang kurang mencapai disebabkan kelemahan mereka dalam menguasai kemahiran-kemahiran asas dalam bidang 3M dibandingkan dengan golongan kanak-kanak yang mencapai khususnya apabila mereka telah tiba di peringkat atas.

Kementerian Pelajaran menyedari bahawa di samping jumlah peratus murid-murid yang mencapai di peringkat tinggi telah meningkat seperti jumlah yang mendapat 5A di dalam

peperiksaan penilaian telah bertambah, jumlah yang mendapat 8A di peringkat SRP dan SPM telah juga meningkat. Namun demikian, adalah satu hakikat yang benar juga bahawa jumlah peratus yang mempunyai masalah dan kelemahan-kelemahan yang ternyata dari segi membaca, menulis dan mengira ditahap yang memuaskan telah meningkat hingga boleh menimbulkan krisis yang lebih hebat lagi dalam sistem pendidikan kebangsaan di negara ini pada masa hadapan jika keadaan itu tidak dibetulkan.

Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan betapa buruknya keadaan jika jumlah golongan tenaga manusia di negara ini yang telah mengikuti pelajaran sekolah rendah tetapi tidak mempunyai kebolehan yang cekap dalam kemahiran-kemahiran asas meningkat dari setahun kesetahun. Di samping itu KBSR bukan hanya bertujuan untuk melatih kanak-kanak membaca, menulis dan mengira bahkan peranannya adalah lebih berat dari itu, ia bertujuan untuk melahirkan bibit tabii kanak-kanak dari segi perkembangan dan pertumbuhan personaliti mereka supaya segar dan bersedia menghadapi kehendak-kehendak masyarakat yang sentiasa berubah. Oleh itu pelaksanaan dan matlamat konsep 3M dalam kurikulum baru sekolah rendah perlulah dilihat dari 2 sudut penting. Sudut pertama ialah yang bertujuan untuk melahirkan sifat-sifat kebolehan kanak-kanak yang dapat diukur dengan jelas iaitu dari segi kemahiran mereka membaca, menulis dan mengira dalam ertikata yang luas mengikut tahap pencapaian yang ditentukan. Kedua ia bertujuan melahirkan potensi-potensi asas seperti bakat, sifat membina, sentiasa ingin mengetahui, aktif dalam perhubungan mereka dengan persekitaran sosial dan alam keliling di samping menanamkan nilai-nilai dan norma-norma yang positif terhadap keagamaan dan moral mereka supaya mereka boleh hidup dalam masyarakat Malaysia yang mempunyai berbilang kaum, agama dan budaya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pembangunan dan perkembangan kebolehan seseorang kanak-kanak itu pasti bertitik-tolak dari kemahiran-kemahiran asas untuk mereka berkomunikasi dan menyesuaikan diri mereka dengan

persekitaran sosial dan fikiran di keliling mereka. Bermula dengan alam keliling tempatan adalah lebih penting dan utama dari mengetahui fakta-fakta ilmu pengetahuan yang merupakan bahan-bahan pelajaran yang memerlukan kematangan berfikir. Oleh itu mereka perlu diberi peluang membina bakat sahsiah supaya mereka dapat berkomunikasi melalui tiga konsep asas ini.

Semua Ahli Yang Berhormat sedar bahawa telah lama kita dapati kurikulum yang lama telah disesakkan dengan terlalu banyak mata pelajaran di peringkat awal sekolah-sekolah rendah. Oleh itu kurikulum baru ini bertujuan memberikan kembali perhatian yang banyak kepada penguasaan kemahiran-kemahiran penting iaitu membaca, menulis dan mengira yang menjadi asas kepada matapelajaran yang lain. Juga bukan semua murid dalam sesuatu darjah di sekolah rendah mempunyai kecerdasan dan kemampuan yang sama. Oleh itu KBSR dengan berasaskan 3M akan dijalankan dengan cara yang baik supaya peruntukan waktu untuk pengajaran permuliharaan yang lebih akan diberi kepada mereka yang lemah dan proses pengkayaan akan diberi kepada mereka yang lebih cekap, di samping menggalakkan murid-murid membuat kegiatan-kegiatan secara bersendirian dengan panduan-panduan yang rapi dari guru kerana memandangkan bahawa murid-murid mempunyai kecekapan dan kecerdasan yang berbeza. Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kurikulum baru ini akan memberi kesempatan kepada guru untuk menambahkan bahan-bahan pengajaran yang wajar dan menyesuaikan dengan kebolehan murid-murid mereka yang berlainan. Dengan demikian guru-guru berpeluang untuk menggunakan budibicara professional mereka dan murid-murid diberi peluang untuk mengikuti pelajaran mengikut kemampuan mereka masing-masing. Juga peluang dan latihan yang banyak akan diberikan kepada murid-murid untuk menggunakan perpustakaan, sama ada perpustakaan di sekolah mahupun perpustakaan di bilik-bilik darjah dan ini akan mengurangkan pergantungan murid-murid di peringkat awal kepada buku-buku teks yang banyak. Oleh itu konsep 3M yang menjadi teras kepada kurikulum baru adalah

mementingkan falsafah dan ciri-ciri pembelajaran yang boleh disimpulkan sebagai pendekatan pelajaran yang melahirkan kemahiran-kemahiran kepada murid-murid supaya mereka ditunjuk dan diajar "bagaimana hendak belajar" dan bukan hanya "diajar apa yang mesti dipelajari" (dalam bahasa Inggeris "learning how to learn" dan bukan "learning what to learn"). Dari segi inilah konsep KBSR yang berteraskan kepada 3M merupakan satu alat untuk mencapai matlamat sistem pelajaran yang bermutu serta lebih baik daripada yang lepas. Oleh kerana ia merupakan satu perubahan strategi dari segi pendekatan dan pengkaedahan maka timbullah kesalahtanggapan di kalangan sebahagian orang ramai.

Dengan penerangan yang panjang lebar ini saya ingin menegaskan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak ada niat buruk yang tersembunyi di sebalik pelaksanaan konsep ini. Jauh sekali untuk menukarkan karekter sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Tuduhan-tuduhan seperti ini adalah saya anggap sebagai tuduhan-tuduhan yang tidak bermakna kerana mereka hanya cuba memutarbelitkan niat dan tujuan baik Kerajaan untuk dijadikan senjata kempen politik mereka, sedangkan tanggapan mereka adalah tidak berasas sama sekali. Saya ingin menasihatkan mereka supaya fikiran modal-modal lain walaupun saya percaya di bawah pentadbiran 2M sekarang ini sukar sekali untuk mencari modal-modal politik untuk memburuk-burukkan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyokong penuh tindakan Kerajaan untuk melaksanakan konsep 3M kepada teras kurikulum baru sekolah rendah mulai tahun 1983 ini. Saranan dan cadangan yang mereka kemukakan adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan perlu memberikan penerangan-penerangan yang lebih jelas mengenai konsep ini,

- (ii) Kerajaan perlu menyediakan latihan-latihan intensif untuk semua yang terlibat di peringkat sekolah rendah dan Jabatan Pelajaran,
- (iii) Persediaan yang lebih rapi dan tersusun untuk pelajaran 3M pada tahun 1983 ini,
- (iv) Peruntukan peralatan yang lebih untuk peralatan seperti bahan-bahan bacaan tambahan yang banyak bagi menggantikan buku-buku teks yang telah dikurangkan di peringkat awal sekolah rendah,
- (v) Penerbitan buku-buku bacaan tambahan dalam semua bahasa termasuk Bahasa Cina dan Tamil di peringkat ini,
- (vi) Penyerapan aspek-aspek nilai dan norma budaya kaum Cina dan Tamil yang sewajarnya dalam kurikulum tersebut,
- (vii) Tambahan bilangan guru-guru dalam pengajaran Bahasa Cina dan Tamil serta juga pegawai-pegawai yang menguruskannya,
- (viii) Peruntukan yang lebih banyak kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan konsep ini, kesemuanya adalah cadangan dan pandangan yang amat berguna untuk dititikberatkan oleh Kementerian saya. Saya berani menegaskan di sini bahawa saya akan memberikan perhatian terperinci untuk setiap sesuatu cadangan yang baik untuk pertimbangan dan pelaksanaan Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu 3M dan kurikulum baru di sekolah rendah ada juga perkara yang lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan kita menyanjung tinggi sokongan beberapa orang Ahli yang Berhormat terhadap hasrat Kerajaan untuk membangunkan sebuah Universiti Islam di negara ini dengan pembiayaan negara-negara Islam khususnya daripada timur tengah. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat konsep Universiti Islam ini masih lagi di peringkat awal dan belum diputuskan aturcara perlaksanaannya

secara terperinci. Oleh itu soal pengambilan kakitangan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun bagi mentadbirkan Universiti Islam ini masih belum dapat ditentukan lagi. Walau bagaimanapun, Kerajaan negara ini akan memastikan bahawa segala pertimbangan yang hendak dilakukan terhadap penubuhan konsep Universiti Islam ini perlulah terlebih dahulu mengambilkira pertimbangan-pertimbangan dari segi kepentingan negara kita ini.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah mempersoalkan objektif pembinaan sekolah-sekolah asrama penuh dan kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah tersebut khususnya dari segi pencapaian mereka di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Perlu saya tegaskan di sini bahawa dari segi objektifnya sekolah-sekolah berasrama penuh telah menepati kehendak Kerajaan menuju ke arah kehendak Dasar Ekonomi Baru bahawa sebahagian besar daripada murid-muridnya adalah dari sekolah-sekolah luar bandar supaya mereka yang berpotensi tinggi mendapat peluang yang lebih saksama. Oleh itu, walaupun ada pelajar-pelajar yang memasuki sekolah-sekolah tersebut tidak mencapai tahap prestasi seperti 5A mereka datang dari luar bandar dengan tahap pencapaian tinggi telah diberikan keutamaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, juga dari Bandar Sibu telah juga memberi cadangan mengenai program-program latihan maktab-maktab perguruan, khususnya maktab-maktab yang menyediakan bakal-bakal guru yang akan mengajar di peringkat sekolah rendah. Perlu saya jelaskan bahawa dengan pelaksanaan latihan perguruan 3 tahun di maktab-maktab perguruan di negeri ini maka sudah barang tentu kurikulum latihan perguruan bukan sahaja akan didalami oleh bakal guru-guru ini tetapi juga mereka akan lebih berpeluang untuk menguasai semua aspek perguruan peringkat asas, termasuk penguasaan dan latihan yang lebih baik dengan masa yang lebih panjang untuk mempelajari teknik-teknik pengajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Cina mahupun Bahasa Tamil supaya mutu pengajaran kelak akan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai pelajaran. Mungkin saya rasa ada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang tidak saya sentuh secara langsung, walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa saya tidak mengambil berat mengenai pandangan-pandangan mereka, saranan dan teguran mereka. Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil perhatian yang berat kepada segala teguran-teguran yang membina yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput pula Kementerian Luar Negeri untuk menjawab.

5.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, pada pertama kalinya saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terutama sekali mengenai perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan dasar luar negeri kita.

Teguran-teguran yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu akan memberi perangsang kepada Kementerian Luar Negeri dan pegawai-pegawai di Wisma Putra untuk meningkatkan prestasi pelaksanaan dasar luar negeri kita demi menjamin kepentingan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan Baginda telahpun menggariskan prinsip-prinsip dasar luar negeri dan Baginda telah menekankan bahawa diplomasi merupakan benteng pertahanan pertama negara. Seajar dengan prinsip ini tidaklah dapat dinafikan betapa perlunya bagi Malaysia mengambil tindakan-tindakan serta memainkan peranan-peranan tertentu di dalam melaksanakan dasar luarnya.

Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menerangkan dengan ringkasnya bahawa di dalam pelaksanaan prinsip-prinsip dasar luar Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir akan terus memberi perhatian-perhatian utama kepada peranan kita untuk mewujudkan keamanan, keselamatan, kesejahteraan serta kerjasama dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara di rantau ini. Di dalam hal ini Malaysia akan terus memberi perhatian utama dan memainkan peranan yang aktif di dalam usaha mencari penyelesaian politik yang komprehensif mengenai masalah Kampuchea berasaskan kepada deklarasi ICK selaras dengan hasrat menegakkan rantau ini sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali dan kita berharap agar hasrat ketua-ketua puak Kampuchea untuk mewujudkan Kerajaan campuran berjaya dan disokong oleh pihak yang berkenaan yang ingin melihat keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Lawatan-lawatan rasmi yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Indonesia, Thailand dan Singapura mencerminkan hasrat Malaysia untuk memupuk dan memperkukuhkan pertalian persahabatan yang sedia terjalin dengan negara-negara tersebut. Perbincangan-perbincangan dengan Ketua-ketua Kerajaan tersebut baik mengenai kerjasama dua hala ataupun mengenai isu-isu serantau telah memberi faedah bersama dalam usaha mewujudkan persefahaman, keamanan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara ini. Kerjasama ASEAN yang lebih bermakna juga dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum baru-baru ini Perdana Menteri kita telahpun membuat lawatan rasmi ke negara-negara Arab di kawasan Teluk, iaitu ke Bahrain, Emiriah Arab Bersatu dan Oman, di samping itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkesempatan pergi ke Jeddah untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Damai Persidangan Islam mengenai Peperangan Iran-Iraq. Lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara tersebut adalah selaras dengan

emphasis dasar luar kita yang memberi keutamaan kepada ASEAN dan Pertubuhan Islam. Ianya juga merupakan satu langkah ke hadapan dalam usaha mempraktikkan keutamaan dasar luar ini.

Tujuan utama lawatan-lawatan tersebut ialah untuk memperbaharui hubungan rapat yang sedia terjalin serta mewujudkan hubungan peribadi peringkat pemimpin atasan supaya dapat meletakkan hubungan kita dengan negara-negara tersebut pada tahap yang lebih teguh dan bermakna. Di dalam hal ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpeluang membincangkan dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut dengan meluasnya di dalam bidang-bidang perdagangan, pelaburan, ugama dan pelajaran serta soal-soal mempertingkatkan perpaduan dan kerjasama Islam.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum asas hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara tersebut telahpun dapat diterokai oleh Allahyarham Tun Razak semasa lawatan beliau ke negara-negara Teluk pada tahun 1975 di mana perjanjian-perjanjian ekonomi dan teknikal telahpun dimeterikan dengan tiap-tiap negara tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam lawatan baru-baru ini telah mengembangkan lagi hubungan ini dengan mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa bersama untuk mengendalikan kerjasama ekonomi, teknikal dan kebudayaan di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Jawatankuasa tersebut yang akan diadakan di peringkat Menteri Luar akan bersidang tiap-tiap tahun. Persetujuan juga telah dicapai untuk pertukaran-pertukaran guru ugama dan belia. Dalam hal ini Malaysia telah menawarkan kepada Oman keperluan-keperluan latihan di universiti-universiti kita dan juga di dalam bidang latihan ketenteraan dan polis. Sokongan yang penuh dari tiap-tiap negara tersebut telahpun diberi kepada cadangan kita untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia sepertimana yang telahpun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju mengadakan dialog di forum-foram

antarabangsa mengenai isu-isu kepentingan bersama seperti soal Kampuchea, Afghanistan, Palestine dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan yang meluas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bidang perdagangan dan pelaburan juga telah menghasilkan pembuka jalan bagi pelabur-pelabur dan ahli-ahli perniagaan negara-negara tersebut tentang peluang-peluang yang ada di Malaysia. Dalam hal ini satu rombongan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dubai telahpun berada di Malaysia sekarang untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin kita.

Perbincangan Yang Berhormat Menteri Luar sendiri dengan rakan-rakan sejawatnya mengenai isu-isu politik termasuk soal Palestine, Afghanistan dan juga mengenai kerjasama ASEAN dengan Majlis Kerjasama Teluk (Gulf Co-operation Council) telah memberi faedah yang besar. Persefahaman pendapat didapati di dalam perbincangan-perbincangan ini dan usaha-usaha ini akan meningkatkan lagi kerjasama kita dan juga ASEAN dengan negara-negara berkenaan.

Missi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jeddah untuk bersidang di Jawatankuasa Damai mengenai pertikaian Iran dan Iraq anjuran Persidangan Pertubuhan Islam juga telah memberi makna yang penuh terhadap peranan Malaysia bekerjasama dengan negara-negara Islam serta menyumbangkan usaha ke arah penyelesaian pertikaian di antara kedua-dua negara Islam yang kita bersahabat baik itu.

Sukacitalah saya, Tuan Yang di-Pertua, melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa usaha-usaha jawatankuasa ini telah diterima dengan baik oleh kedua-dua Iran dan Iraq. Perbincangan peringkat awal ini sangatlah menggalakkan dan misi damai Pertubuhan Islam akan terus berusaha mencari penyelesaian yang saksama.

Jawatankuasa peringkat Ketua-ketua Negara dan Kerajaan tersebut yang dianggotai oleh kini Pakistan, Bangladesh, Senegal, Gambia, Turki, PLO dan Malaysia dan Setiausaha Agong OIC telah melantik Menteri-menteri Luar masing-masing untuk mengkaji sedalam-dalamnya perkara ini agar

dapat mengemukakan cadangan-cadangan konkrit ke arah penyelesaian pertikaian Iran dan Iraq. Adalah dijangkakan jawatankuasa kecil peringkat Menteri-menteri Luar ini akan mengadakan beberapa persidangan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ke semua interaksi yang rapat di antara pemimpin-pemimpin negara ini dengan negara-negara lain di dunia Islam di Asia Barat dan di negara-negara Teluk jelas membuktikan bahawa dasar luar kita dan peranan kita yang aktif dan progresif di dalam usaha untuk mewujudkan perpaduan di kalangan umat Islam di dunia diterima oleh masyarakat Islam antarabangsa.

Sambutan yang amat menggalakkan adalah jelas menunjukkan pandangan tinggi yang diberikan oleh negara-negara Islam tersebut kepada Malaysia di dalam usaha-usaha bagi meninggikan syiar Islam dan mempereratkan kerjasama ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik demi kebajikan dan kesejahteraan seluruh umat Islam. Peranan aktif yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional di dalam forum-forum antarabangsa negara-negara Islam seperti di Persidangan Pertubuhan Islam dan Jawatankuasa Perdamaian Peperangan Iran dan Iraq tadi adalah suatu manifestasi penerimaan seluruh dunia Islam terhadap sikap Malaysia yang pragmatik dan istimewa di kalangan negara-negara Islam dan hakikat ini tidak lagi diterima oleh pemimpin-pemimpin PAS di dalam negara kita.

Tidakkah anih sekali apabila pihak-pihak tertentu terutama dari kalangan parti Pembangkang khususnya pemimpin-pemimpin PAS yang mengakui kononnya mereka lebih Islam dari Kerajaan dan parti yang memerintah iaitu UMNO dan berani pula mengeluarkan fatwa-fatwa yang mengecap orang-orang lain kafir, sedangkan seluruh dunia Islam telah menerima dan mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam yang hakiki. Siapakah PAS sebenarnya yang berhak memberikan takrif bahawa ia lebih Islam dari orang lain, dari badan-badan Pertubuhan Islam Antarabangsa dan negara-negara Islam yang lain di dunia ini yang telah mengakui Kerajaan Malaysia sebagai Kerajaan dan sebagai sebuah negara Islam.

Apakah juga pemimpin-pemimpin PAS mahu melaung-laungkan kepada dunia bahawa ia lebih Islam dari masyarakat dan pemimpin-pemimpin Islam di negara-negara lain sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

PAS sebenarnya tidak pernah mengemukakan pandangan ataupun pendapat, apa lagi memberikan sedikitpun perhatian terhadap umat Islam sejagat dan perjuangannya untuk memperkukuhkan perpaduan umat Islam keseluruhannya sedangkan penindasan, kemiskinan dan kemunduran masih lagi banyak dihadapi oleh orang-orang Islam di seluruh dunia. Bagi orang-orang dan pemimpin-pemimpin PAS, dunia Islam adalah dunia mereka sahaja dan apakah rakyat jelata mahu dipesongkan dengan perkara-perkara yang mengelirukan sebagaimana yang dilakukan oleh pemimpin PAS sendiri atau PAS sengaja tidak mahu menerima kenyataan-kenyataan dan hanya mahu memperalatkan isu-isu dan kenyataan-kenyataan itu untuk kepentingan politik peribadi dan pemimpin-pemimpin PAS sendiri. Kita berdoa semoga rakyat tidak akan terperangkap dengan dakyah-dakyah yang digunakan oleh PAS itu.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan Malaysia menduduki Jawatankuasa Perdamaian antara kedua-dua negara Islam yang bersengkita Iraq dan Iran jelas membuktikan penerimaan dunia Islam terhadap kewibawaan pemimpin-pemimpin kita di dalam usaha-usaha untuk mencari formula bagi mendamaikan negara-negara Islam yang tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar sendiri telah memainkan peranan yang aktif dan positif di dalam perbincangan-perbincangan yang dijalankan di Jeddah baru-baru ini dan usaha-usaha tersebut akan kita perhebatkan demi untuk menjaga perpaduan dan keutuhan umat Islam seluruhnya.

Pendirian kita yang tegas di dalam perjuangan rakyat Palestine dan usaha kita yang bersungguh-sungguh untuk mencari satu jalan penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea dan sebagainya adalah selaras dengan prinsip dan piagam Bangsa-bangsa Bersatu supaya semua masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara hendaklah

diselesaikan dengan jalan perundingan dan menghindarkan diri dari tindakan-tindakan yang akan menimbulkan sengkita serta hormat menghormati kedaulatan serta keutuhan dan kemerdekaan sesebuah negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, peranan yang aktif mengenai pelaksanaan strategi dasar luar kita akan terus diusaha dan dipertingkatkan. Di dalam hal ini Malaysia akan memperkukuh dan memperluaskan hubungan dengan negara-negara kepulauan di Pasific Selatan khususnya di dalam bidang kerjasama ekonomi.

Sejajar dengan kerjasama ekonomi Selatan, di dalam konteks dialog Utara/Selatan, Malaysia berada di tahap yang boleh memberi bantuan teknik kepada negara-negara tersebut. Pelaksanaan dasar luar negeri kita memerlukan jentera yang berkemampuan dan berdedikasi. Usaha-usaha sedang dibuat untuk memperkembangkan jentera-jentera pelaksanaan dasar luar kita dan selaras dengan hasrat ini Kerajaan telah mengadakan Persidangan Ketua-ketua Perwakilan Malaysia pada bulan Disember tahun lalu di Kuala Lumpur yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan memperkemaskinikan Duta-duta kita dengan perkembangan-perkembangan dan dasar-dasar Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Hasil dari sidang ini beberapa perakuan telah dibuat dan tindakan akan diambil untuk meningkatkan lagi prestasi perwakilan kita termasuk peruntukan kewangan yang lebih lagi untuk mencapai matlamat cemerlang supaya dasar luar negeri sentiasa mencerminkan hasrat Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya inginlah saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa terdapat usaha-usaha dan tindak-tanduk telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Pembangkang dari DAP dan PAS sendiri yang bersungguh-sungguh untuk menjalankan dakyah-dakyah untuk memesongkan dan mempengaruhi fikiran pelajar-pelajar kita di luar negeri terutamanya di United Kingdom. Adalah amat mendukacitakan apabila difahamkan bahawa pemimpin-pemimpin Pembangkang itu telah

cuba meracuni fikiran anak-anak muda kita di institusi pengajian tinggi di luar negeri dengan memberikan penerangan-penerangan yang serung terhadap Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di negara ini.

Sukacitalah dimaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri kita sentiasa memerhatikan dengan sedekat-dekatnya perkembangan-perkembangan yang berlaku dan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin Pembangkang terutama PAS di luar negeri. Namun begitu kita yakin bahawa penuntut-penuntut kita yang di luar negeri tidak akan mudah terpengaruh walau kempen-kempen dan propaganda dan berselindung di bawah naungan seminar-seminar dan ceramah-ceramah agama sebagaimana yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin PAS di luar negeri.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan yang amat berguna berhubung dengan Kementerian Luar Negeri ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam untuk menjawab.

5.20 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun dan berucap dalam masalah perbahasan ini dan juga telah memberi beberapa komen dan pendapat mengenai perkara yang melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Saya tidak akan menjawab kesemua soalan-soalan itu, cuma saya akan menyentuh dua tiga perkara yang dibangkitkan dan lain-lain perkara itu saya akan ambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan beberapa perkara mengenai usaha pembangunan semula bandar oleh UDA.

Saya sedar akan kesusahan yang menimpa penghuni-penghuni/penyewa-penyewa sesuatu kawasan yang diambil alih oleh Kerajaan. Oleh sebab inilah masa yang mencukupi diberi kepada orang-orang yang terlibat. Bagi penghuni atau penyewa di Lorong Sultan misalnya, pihak penyewa telah mengetahui tentang tarikh keluar daripada bangunan tersebut semenjak bulan Jun, 1981, sungguhpun notis rasmi dikeluarkan pada bulan Oktober 1981. Atas asas tolak ansur penangguhan tarikh keluar telahpun dibuat lebih daripada 3 kali sehinggalah tarikh terakhir pada bulan Februari, 1982.

Berkaitan dengan jumlah pampasan pula, bagi penyewa-penyewa rumah kedai di Jalan Silang, UDA telah mendapatkan pandangan dan penilaian daripada penilai-penilai UDA sendiri serta juga pihak Pemungut Hasil Tanah. UDA telah menggunakan peruntukan Akta Kawalan Sewa Tahun 1966 bagi jumlah pampasan sewa dan bagi pembayaran ex-gratia telah meliputi perkara-perkara seperti kehilangan keuntungan, belanja pindah, belanja iklan, upah dan saguhati. Jumlah yang diberi oleh UDA melebihi jumlah yang dicadangkan oleh Pemungut Hasil Tanah.

Mengenai merobohkan Pasar Pusat, ini adalah sebahagian dari program UDA untuk membangunkan semula bandar secara menyeluruh. Ini bermakna kegunaan tanah yang lebih teratur dan lebih berfaedah dari segi ekonomi dan sosial.

Bangunan-bangunan yang didirikan semula akan lebih selesa dan selamat dari segi keluasan dan pencegahan kebakaran. Bangunan-bangunan ini adalah untuk kegunaan orang-orang awam seperti pejabat dan kedai. Peniaga-peniaga kecil akan diberi peluang berniaga di tempat-tempat yang selesa dengan kemudahan-kemudahan baik.

Dari segi lalulintas pula keadaan di kawasan ini menempuh kesesakan yang teruk dan dengan pembangunan semula ini aliran trafik akan lebih teratur dan cepat.

Untuk menggantikan Pasar Besar, UDA sedang menimbangkan kemungkinan mengadakan pasar-pasar di beberapa kawasan tertentu (regional markets). Ada kemungkinan peniaga-peniaga yang

dengan dasar kesihatan, Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa dasar-dasar, projek-projek dan rancangan-rancangan Kementerian dihargai dan diakui pada amnya. Saya merasa berterima kasih diatas keyakinan dan sokongan terhadap rancangan-rancangan ini yang telah dirangka untuk memperbaiki taraf kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pembangunan dan permodenan, kita masih akan mengalami kekurangan kakitangan terlatih dan alat-alat kelengkapan moden yang cukup. Sebilangan dari bangunan-bangunan hospital yang kita warisi tidak dapat memenuhi kehendak zaman moden. Kita adalah di dalam proses membina bangunan-bangunan yang baru bagi menggantikan dan juga mengubahsuaikan institusi-institusi ini dengan sebaik-baik yang mungkin. Hospital Sibu adalah termasuk dalam golongan bangunan-bangunan yang lama ini yang telah dibina pada zaman penjajahan dahulu dan perlu diganti. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibu kerana memperingatkan saya tentang beberapa kelemahan yang terdapat di sana kini.

Kementerian Kesihatan bukanlah tidak sedar tentang kekurangan-kekurangan yang ada di sana sekarang ataupun bersikap acuh tak acuh terhadap keperluan-keperluan Sibu. Tiap-tiap hospital dan klinik di negara ini adalah diawasi untuk maju. Seterusnya Kementerian sedang merancang untuk membina sebuah hospital yang baru untuk Sibu yang serba moden dalam rekabentuk dan alat-alatnya. Dalam pada itu alat-alat yang lama yang masih boleh digunakan akan terus digunakan jua. Alat-alat yang tidak boleh digunakan lagi sudah semestinya akan diganti.

Berhubung dengan doktor-doktor dan pakar-pakar, kita akan terus memperluaskan perkhidmatan kita ini. Dengan itu adalah terlalu optimistik buat masa ini untuk menyatakan bahawa kita akan dapat memenuhi segala keperluan dengan sertamerta dan serentak. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan latihan kita sedikit demi sedikit pasti akan dapat mewujudkan nisbah doktor/penduduk yang lebih baik serta pengagihan doktor-doktor secara lebih baik ke seluruh negara kelak. Masalah pengisian

jawatan pakar bedah di Sibu adalah membayangkan tentang kesulitan-kesulitan kita sekarang. Apabila pakar itu meletakkan jawatan di sana maka kita haruslah mengaturkan supaya tempatnya diisi secara sementara sehingga kita dapat mencari pengganti. Ini sebabnya kita menghantar pengganti sementara sehingga kita dapat mencari penggantinya yang tetap. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Sibu sedia maklum, kedudukan doktor-doktor masih belum stabil. Dengan itu kita harus berupaya mengikut keadaan dalam susunan pentadbiran kita ini demi untuk faedah pesakit-pesakit. Peraturan ini mungkin tidak memuaskan dari beberapa aspek, akan tetapi inilah yang dapat kita lakukan dalam kes-kes yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah pun menyentuh mengenai perlunya diadakan lebih banyak Pusat Penawaran dengan izin, detoxification unit dan katil untuk rawatan penagih-penagih dadah.

Sebagai seorang Ahli dalam Jawatankuasa Kabinet mengenai masalah ini, saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa kita telah pun dapat menentukan beberapa langkah pentadbiran yang perlu bagi mengatasi masalah ini dengan kerjasama lain-lain agensi Kerajaan. Saya telah pun meluluskan misalnya supaya 66 buah Balai Polis di negara ini diwartakan sebagai Pusat-pusat Mengesan bagi menentukan sama ada seseorang itu penagih dadah ataupun tidak. Kuasa ini dibawah Akta Dadah Merbahaya, 1952 telah pun ditandatangani pada 23hb Januari, 1982 dan disiarkan dalam Warta Kerajaan pada bulan Februari tahun ini.

Kita akan terus mengawasi keadaan masalah ini dengan teliti kerana seperti lain-lain agensi, Kementerian Kesihatan turut memandang berat tentang masalah dadah. Saya telah pun mengarahkan Instituit Penyelidikan Perubatan supaya membuat penilaian terhadap cara-cara rawatan perubatan sekarang untuk penagih-penagih dadah serta membuat penyelidikan terhadapnya. Kita harus bersikap saintifik dan sistematik dalam pendekatan kita ke arah usaha-usaha kita bersama untuk mengatasi

masalah ini. Saya sedang berusaha untuk mendapat kerjasama pengamal-pengamal persendirian ataupun dengan izin, Private Medical Practitioners melalui jasabaik Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia bagi memperolehi gambaran yang lebih komprehensif mengenai kedudukan masalah dadah. Saya mengucapkan terima kasih kepada mereka dan Persatuan atas kerjasama mereka dalam hal ini dan lain-lain perkara penting berhubung dengan kesihatan. Kementerian akan memperluaskan lagi kempen-kempen pencegahannya dengan kerjasama orang ramai, berhubung dengan bidang pelajaran kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin mendapatkan kerjasama daripada orang ramai dalam usaha-usaha ini. Terdapat beberapa individu yang membuat aduan secara umum mengenai layanan yang mereka perolehi dari doktor, kakitangan jururawat dan para perubatan kita. Tuduhan secara am seperti ini boleh merendahkan "morale" kakitangan ini. Sebagai kakitangan Kerajaan mereka tidak berupaya untuk mempertahankan diri secara umum dari tuduhan yang kadangkala tidak berasas dan yang diheboh-hebohkan itu. Kementerian Kesihatan dan saya sendiri sentiasa mengalu-alukan kritik-kritik yang membina. Komplek-komplek tertentu mengenai kakitangan ini akan sentiasa disiasat. Walau bagaimanapun, kita tidaklah boleh mencapai matlamat untuk mendapatkan persefahaman yang lebih baik di antara kakitangan kesihatan dengan pesakit sekiranya suatu pihak bebas untuk mengkritik dengan sewenang-wenangnya dan yang satu lagi terpaksa berdiam diri tanpa membela diri. Dengan itu saya berharap untuk mendapat persefahaman yang lebih baik dari orang ramai tentang segala kesulitan dan tekanan yang dihadapi oleh ramai kakitangan profesional dan para perubatan kita dalam pekerjaan mereka. Dengan adanya persefahaman itu maka kita akan dapat meninggikan lagi taraf perkhidmatan kesihatan kita di negara ini untuk faedah semua.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas sokongan mereka dalam usaha ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.35 *ptg.*

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran mengenai berbagai isu dan masalah di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di antara isu-isu dan masalah-masalah yang telah mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah masalah berhubung dengan keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam, masalah dadah dan masalah-masalah yang ada hubungan dengan Jabatan Polis Di Raja Malaysia serta Ikatan Relawan Rakyat Malaysia. Izinkanlah saya, Tuan Yang di-Pertua, membuat beberapa ulasan dan penjelasan ke atas masalah-masalah dan isu-isu yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jasin dan Petaling dalam ucapan masing-masing ada menyentuh tentang tindakan Kerajaan melarang rapat-rapat umum diadakan di negara ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah mengenakan larangan ke atas rapat-rapat umum setelah Kerajaan menimbang dan berpuas hati bahawa keselamatan dan ketenteraman awam pasti akan tergugat sekiranya rapat-rapat umum itu dibenarkan.

Saya bersetuju dengan pandangan wakil dari Jasin bahawa rapat-rapat umum terpaksa diharamkan bagi mengelakkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab termasuklah political opportunists, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dari mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi keadaan untuk mencapai kepentingan-kepentingan politik mereka, walaupun mereka sedari dan menyedari bahawa perbuatan mereka itu akan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman

awam. Kepada pihak-pihak yang melaung-laungkan supaya Kerajaan menarik balik pengharaman ke atas rapat-rapat umum atas nama demokrasi, saya sukalah menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan mengorbankan keselamatan dan ketenteraman awam negara kita ini hanya untuk memenuhi permintaan pihak-pihak yang meletakkan kepentingan politiknya di atas kepentingan masyarakat keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pula telah menyentuh tentang adanya golongan-golongan tertentu yang memutar-belitkan isu-isu sensitif seperti isu 3M dan beliau telah menggesa supaya Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya ke atas orang-orang yang berkenaan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada perkara ini saya mengucapkan syabas.

Berhubung dengan ini saya sukalah untuk menyatakan bahawa Kerajaan sangat memandang berat ke atas sesiapa juga baik orang-orang perseorangan mahupun golongan-golongan tertentu yang memutar-belitkan isu-isu sensitif seperti isu 3M ini oleh kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini sekiranya tidak dicegah sudah tentu akan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam di negara kita yang berbilang kaum ini.

Pihak Kerajaan menyedari bahawa golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan untuk mengeksploitasikan isu-isu sensitif khususnya menjelang pilihanraya umum yang akan datang tidak lama lagi. Kepada pihak-pihak tersebut sukalah saya mengingatkan bahawa Kerajaan tetap akan mengambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap mereka apabila mereka melanggar mana-mana jua undang-undang yang ada di negara ini.

Walaupun tarikh pilihanraya umum belum diumumkan lagi, tetapi sebagai langkah pencegahan Kementerian saya telah pun mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa keselamatan supaya meningkatkan lagi

kewaspadaan mereka terhadap golongan-golongan yang mungkin mengeksploitasikan isu-isu sensitif ini untuk kepentingan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Dungun telah menggesa Kerajaan supaya mengambil tindakan bagi menghapuskan kejadian kafir-mengkafir di kalangan umat Islam di negara ini. Kepada Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan memang menyedari isu kafir-mengkafir ini bukan sahaja membahayakan keselamatan dan ketenteraman awam negara bahkan perbuatan ini sangat-sangat merugikan kita umat Islam sekalian. Kepada mereka yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara, jika didapati bersalah, mereka akan dihukum setimpal dengan peruntukan di dalam undang-undang yang ada di negara ini. Walau bagaimanapun saya sukalah menyatakan bahawa tindakan undang-undang sahaja belum mencukupi untuk membentasi kegiatan memecah-belahkan masyarakat Islam melalui taktik kafir-mengkafir ini.

Saya menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin dan umat Islam di negara ini agar dapat memainkan peranan masing-masing bagi menghapuskan kegiatan ini yang sangat keji di sisi ugama Islam. Pemimpin-pemimpin parti politik hendaklah menyedari hakikat bahawa perbuatan kafir-mengkafir ini akan hanya memecah-belahkan dan merugikan umat Islam di negara ini. Apatah lagi dari persejarahan manusia, banyak bangsa-bangsa di permukaan bumi ini telah hancur dan pupus bukan kerana ancaman dari luar tetapi kerana perbalahan dan perpecahan sesama sendiri di kalangan mereka. Tidakkah ini dapat menjadi pengajaran yang cukup kepada kita? Oleh yang demikian mereka yang terlibat itu digesa dan diseru sekali lagi agar memainkan peranan dan memberi sumbangan yang membina dan ikhlas ke arah menghapuskan masalah ini demi kepentingan perpaduan dan pembangunan ummah Islam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Petaling telah menyentuh tentang adanya aduan mengenai kekasaran pihak Polis terhadap orang ramai dan beliau telah mendakwa bahawa hasil siasatan-siasatan yang telah

dibuat ke atas aduan-aduan itu adalah tidak memuaskan. Beliau juga mencadangkan supaya sebuah badan yang bebas ditubuhkan untuk menyiasat semua aduan-aduan ke atas anggota-anggota Polis. Kepada Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan bahawa dari masa ke semasa Kerajaan memang ada menerima aduan-aduan mengenai kekasaran yang dilakukan oleh sebahagian kecil anggota-anggota Polis. Setiap aduan itu akan disiasat mengikut peraturan, kertas siasatan yang lengkap mengenai tiap-tiap aduan itu diserahkan pula kepada pihak Pendakwa Raya yang kemudiannya menentukan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Sebagai makluman, dalam tahun 1981 sahaja seramai 12 orang anggota Polis telah didakwa di mahkamah atas tindakan melakukan kekasaran terhadap orang ramai. Sementara itu seramai 29 orang lagi anggota Polis telah dikenakan tindakan tata-tertib. Tindakan-tindakan ini menjadi bukti bahawa dakwaan Wakil dari Petaling itu adalah tidak berasas, sebaliknya tindakan-tindakan tersebut membuktikan bahawa Kerajaan tidak melindungi mana-mana juga anggota-anggota Polis yang melanggar undang-undang.

Dalam pada itu sukalah saya menyatakan bahawa daripada pengalaman yang telah dilalui adalah jelas bahawa ada pula banyak aduan-aduan yang telah disiasat, adalah didapati sebanyak 79 aduan yang tidak mempunyai asas atau bukti. Dalam tahun 1982 pula dari 88 aduan yang disiasat sebanyak 47 adalah terdiri dari aduan-aduan yang tidak berasas.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa adalah paling senang untuk membuat tuduhan khasnya oleh orang-orang yang mempunyai kepentingan tertentu. Oleh yang demikian setiap orang perlu berhati-hati apabila mendengar tuduhan-tuduhan seperti itu. Di pihak Kerajaan, sukalah saya memberi jaminan bahawa setiap aduan atau tuduhan akan disiasat dan tindakan-tindakan sewajarnya diambil ke atas mana-mana jua kakitangan Kerajaan yang didapati bersalah. Kerajaan adalah berpuas hati dengan peraturan yang sedang diamalkan sekarang ini

dan pada hemat Kerajaan tidak timbul keperluan untuk mewujudkan sebuah badan lain seperti yang ditajakan oleh Wakil dari Petaling itu. Di samping itu saya suka menasihatkan semua pihak supaya jangan menjadikan anggota-anggota keselamatan dan keamanan kita sebagai sasaran modal politik untuk memancing undi dengan membesar-besarkan isu kecil secara melampau (out of proportion). Rakyat dan negara sentiasa sedar dan menghargai segala sumbangan dan pengorbanan yang telah ditaburkan oleh anggota-anggota keselamatan dan keamanan kita di saat-saat negara dalam kecemasan ataupun dalam era tenteram. Sebaliknya mereka yang lari dari negara ini ketika negara menghadapi ancaman kemudiannya datang semula ke sini untuk mencari kemewahan dan kemakmuran di masa aman sepatutlah menjadi sasaran kecaman dari setiap warganegara yang cinta dan sayangkan Malaysia ini dan menganggap negara ini sebagai tempat di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gesaan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Kerajaan mempercepatkan pembesaran keanggotaan Pasukan Polis Di Raja Malaysia, sukalah saya menjelaskan bahawa perkara tersebut diberi perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan. Mengikut perancangan yang ada sekarang ini, Kerajaan berharap akan mengambil dan melatih seramai 10,000 orang anggota-anggota baru tiap-tiap tahun. Kajian sentiasa diadakan bagi meningkatkan lagi kemampuan ini di masa-masa hadapan bagi memenuhi keperluan Jabatan Polis Di Raja Malaysia.

Dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah dadah dalam ucapan masing-masing. Wakil dari Setapak telah menggesa supaya Kerajaan mengadakan lebih banyak pusat-pusat pemulihan dadah bagi memulih penagih-penagih dadah yang kian bertambah bilangannya. Wakil Kuala Lumpur Bandar pula telah menggesa supaya Kerajaan mewujudkan sebuah Jabatan khas di Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan anti dadah dengan lebih berkesan. Berhubung dengan cadangan Wakil dari Setapak itu, sukalah saya memaklumkan bahawa sekarang ini beberapa

buah pusat pemulihan dadah adalah dalam berbagai peringkat pembinaan. Dua buah pusat pemilihan di Sungai Petani dan Muar dijangka akan siap dan dapat digunakan sedikit masa lagi. Sementara itu sebuah lagi pusat pemulihan sedang didirikan di Jelebu, Negeri Sembilan.

Sebagai makluman Dewan yang mulia ini untuk masa hadapan Kerajaan sedang mengkaji satu konsep baru dalam pembinaan pusat-pusat pemulihan dadah, iaitu pusat pemulihan yang komprehensif, atau dengan izin, "One Stop Agency" di mana keempat-empat peringkat rawatan bagi penagih dadah akan dapat disediakan di dalam sesebuah pusat pemulihan komprehensif ini. Peringkat-peringkat rawatan tersebut adalah pengesanan (detection) rawatan (detoxification) pemulihan (rehabilitation) dan seliaan (after care). Sekarang tiap-tiap peringkat rawatan bagi penagih dadah adalah diuruskan di tempat-tempat yang berasingan.

Berhubung dengan cadangan Wakil dari Kuala Lumpur Bandar supaya sebuah Jabatan Khas diwujudkan bagi menyelaras kegiatan-kegiatan anti dadah, sukaiah saya menyatakan bahawa pada hemat Kerajaan jentera pentadbiran bagi menentang kegiatan penyalahgunaan dadah di negara ini adalah mencukupi. Di peringkat kebangsaan kita mempunyai Jawatankuasa Kabinet mengenai dadah yang bertanggungjawab menggubal dasar negara bagi membenteras kegiatan ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan mempunyai urusetianya di Jabatan Perdana Menteri.

Di peringkat pegawai pula kita mempunyai Unit Penyelaras Anti Dadah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan Kementerian dan Jabatan yang berkaitan dengan masalah dadah. Di samping itu Urusetia Dadah telah diwujudkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyelaraskan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Unit Penyelaras Anti Dadah. Dengan yang demikian adalah jelas bahawa Kerajaan kini

mempunyai jentera pentadbiran yang cukup untuk menentang masalah dadah di negara ini.

Sekarang saya beralih pula kepada gesaan Wakil dari Sungai Besi supaya Kerajaan membebaskan tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Kepada Ahli Yang Berhormat itu sukaiah saya menyatakan sekali lagi bahawa pembebasan seseorang tahanan itu adalah dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan Lembaga Penasihat seperti diperuntukkan oleh Akta berkenaan dan juga setelah Kerajaan berpuas hati bahawa pembebasannya tidak akan membahayakan keselamatan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyentuh pula gesaan Wakil dari Kangar supaya Kerajaan mengkaji elaun-elaun untuk Pegawai-pegawai RELA Daerah dan Penolong Pegawai RELA Daerah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kementerian saya sentiasa memberi perhatian ke atas kebajikan Pegawai-pegawai RELA di semua peringkat. Gaji bagi semua peringkat Pegawai-pegawai RELA termasuk Pegawai-pegawai RELA Daerah dan Penolong Pegawai-pegawai RELA Daerah telah diubahsuai dan dinaikkan mengikut taraf dan kedudukan masing-masing melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980 yang lalu. Di samping itu juga pada tahun 1982 ini Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar-kadar elaun yang layak dibayar kepada Pegawai-pegawai dan ahli-ahli RELA yang dikehendaki menjalani kursus-kursus dan latihan-latihan yang diaturkan oleh pihak Kementerian saya.

Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan pandangan-pandangan mereka; yang mana tidak disentuh, bagi pihak Kementerian saya akan memberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menjawab satu perkara sahaja yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor. Izinkan saya memberi sedikit penerangan mengenai permit-permit kerja. Permit-permit kerja adalah dikeluarkan di bawah Akta Sekatan Kerja 1968 yang telah mula berkuatkuasa di negara ini mulai 1hb Julai, 1969. Permit-permit kerja adalah dikeluarkan kepada pemegang-pemegang kad pengenalan merah iaitu orang-orang yang bertaraf penduduk tetap untuk memberi peluang kepada mereka bekerja di negara ini.

Tujuan-tujuan utama Akta Sekatan Kerja 1968 adalah untuk mempertahankan hak-hak pekerjaan Warganegara dan juga mengadakan pengawalan terhadap pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang sedang bekerja. Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegaranya sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak pula menutup pintu peluang pekerjaan untuk penduduk-penduduk yang bukan warganegara yang memegang kad-kad pengenalan merah. Kerajaan sedang mengalami kekurangan tenaga buruh di beberapa sektor termasuk pekerjaan iktisas dan oleh itu tidak keberatan memberi peluang kepada pemegang-pemegang kad pengenalan merah untuk mengisi jawatan-jawatan kosong itu. Namun demikian, Kerajaan perlu menyimpan rekod-rekod mengenai pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang bekerja dan oleh itu peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertentu hendaklah dipatuhi sebelum permit-permit kerja dapat dikeluarkan.

Sejak berkuatkuasanya Akta Sekatan Kerja 1968 di negara ini Kementerian saya telah dari masa ke semasa mengkaji dan mengubahsuaikan syarat-syarat dan peraturan-peraturan tersebut dengan tujuan menyenangkan dan melonggarkan pengeluaran permit-permit kerja. Bagi tujuan itu perubahan-perubahan telah diadakan dan telah berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1978. Di

antara lain syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah diubah adalah seperti berikut:

- (1) Borang-borang permohonan telah diubahsuaikan dengan tujuan memudahkan pengisiannya;
- (2) Permohonan-permohonan permit kerja baru untuk pekerjaan bukan ikhtisas dari pemohon-pemohon yang layak memohon kerakyataan dengan menggunakan Borang A atau Borang C telah diluluskan tanpa rojokan kepada Pejabat-pejabat Pekerjaan;
- (3) Permohonan untuk pembaharuan permit kerja dari seseorang yang didapati layak memohon kerakyataan dengan menggunakan Borang A atau Borang C tetapi telah memohon kerakyataan dalam Borang G, oleh kerana kurang faham mengenai kelayakan itu telah mendapat pembaharuan permit kerjanya secara automatik dan diberikan pembaharuan secara automatik apabila ia memohon;
- (4) Permohonan untuk pembaharuan permit kerja dari seseorang yang memohon kerakyataan dalam Borang G pada atau sebelum tarikh kuatkuasa Akta Sekatan Kerja 1968 iaitu pada 1hb Julai, 1969 telah mendapat pembaharuan secara automatik meskipun permohonan kerakyatannya itu telah ditolak dengan syarat ia telah membuat rayuan terhadap penolakan itu;
- (5) Semua permit kerja telah dikeluarkan atau dibaharui dengan tempoh dua tahun tiap-tiap satu. Dengan demikian tiada lagi permit kerja yang dikeluarkan atau dibaharui untuk tempoh 6 bulan atau setahun;
- (6) Ketua-ketua Pejabat Buruh Tempatan telah diberi kuasa menggunakan budibicara masing-masing sama ada hendak merojokkan permohonan pembaharuan permit kerja ke Pejabat Pekerjaan Tempatan bagi kes-kes permohonan yang telah diperakukan oleh majikan.

Perubahan-perubahan itu telah dibuat untuk memudahkan permohonan untuk mendapatkan permit-permit kerja. Masa yang diambil untuk pemerosesan dan pengeluaran permit-permit tersebut telah dipendekkan dengan berkesannya. Ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan mengambil berat tentang pemegang-pemegang kad pengenalan merah. Selaras dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan ini pada 9hb Mac mengenai melonggarkan syarat untuk pemegang-pemegang kad pengenalan merah mendapat pekerjaan maka Kementerian saya akan terus berusaha untuk mengkaji syarat-syarat dan peraturan-peraturan bertujuan untuk menyenangkan pengeluaran permit-permit kerja kepada pemegang-pemegang kad pengenalan merah.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.57 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara yang melibatkan Kementerian saya secara langsung atau tidak. Beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai pencemaran air yang telah mengganggu bekalan air pada 21hb Januari, 1982, penyiataan awal menunjukkan bahawa ada kemungkinan besar kilang Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (Malaysian Rubber Development Corporation) atau nama ringkasnya MARDEC di Durian Tunggal ialah yang terlibat dalam pencemaran itu.

Kementerian saya memang memandang berat terhadap kejadian tersebut dan pihak MARDEC telah diberi amaran keras supaya lebih bertanggungjawab di masa hadapan. Sebenarnya pihak pengurusan kilang MARDEC di Durian Tunggal mempunyai sistem kawalan yang tersendiri yang antara lain memerlukan kerjasama rapat dengan pihak Lembaga Air Melaka. Tetapi

malangnya dalam peristiwa ini oleh beberapa sebab pihak kilang MARDEC didapati melepaskan effluen dari kilang tanpa kebenaran dari Lembaga Air Melaka. Semenjak kejadian ini valve yang mengendalikan pelepasan air ke sungai telah ditutup dan dimaterikan atau diséal supaya menghalang pelepasan seperti ini di masa hadapan. Contoh air diambil telah dianalisa oleh Jabatan Kimia. Hasil analisa ini menunjukkan tidak ada terdapat bahan kimia yang boleh mengakibatkan penyakit kanser walaupun dalam tempoh yang agak lama. Sebenarnya effluen dari kilang getah ini mempunyai bahan kimia yang kebanyakannya ammonia dan zinc oxide. Kementerian saya sedang mengawasi dengan rapinya kilang getah MARDEC ini dan juga kilang-kilang getah seumpama ini di seluruh negara demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menekankan hasrat tegas Kerajaan untuk menggunakan hasil penyelidikan sains dan teknologi yang terbaharu bagi mengawal pencemaran alam sekitar dan seterusnya memperbaiki lagi kualiti kehidupan rakyat serta hidupan liar dan alam semula jadi. Kementerian saya sedang giat menyempurnakan projek-projek rancangan-rancangan tertentu dalam satu strategi yang menyeluruh bagi mencapai hasrat murni Kerajaan ini.

Akhir kata, dalam hubungan ini Kementerian saya juga bekerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan badan-badan bukan Kerajaan demi untuk mendekatkan kesedaran rakyat kepada masalah alam sekitar dan alam semula jadi. Kementerian saya juga mengalu-alukan cadangan-cadangan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pihak yang berminat dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput wakil Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

6.03 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan pendapat-pendapat terhadap Kementerian Pengangkutan semasa Perbahasan Titah Ucapan Di Raja di pembukaan rasmi Parlimen. Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan perkara-perkara berbangkit yang menyentuh bidang kuasa Kementerian itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan mengenai peraturan yang telah dikenakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mendapatkan lesen-lesen dan ujian memandu yang terlalu ketat dan menyusahkan orang ramai. Sukacita saya menyatakan bahawa sistem ujian memandu yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang tidak begitu ketat dan menyusahkan orang ramai. Sistem baru ini diperkenalkan pada 22hb Oktober, 1981 di mana sistem ini membenarkan calon-calon yang telah mengambil ujian dan kandas ujian dikehendaki hanya mengulang bahagian yang kandas sahaja. Pada masa ini ujian memandu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu seperti berikut:

Bahagian 1	—	Ujian Undang-undang;
Bahagian 2	—	Ujian meletak kenderaan;
Bahagian 3	—	Ujian di atas jalan raya.

Dengan itu jika seseorang calon itu kandas mana-mana bahagian, calon-calon tersebut hanya dikehendaki mengambil bahagian yang kandas sahaja pada ujian yang berikut.

Sistem ujian memandu pula telah diubahsuai dengan keadaan sekarang di mana keselamatan pengguna-pengguna jalanraya dan mutu memandu masih dikekalkan.

Dari masa ke semasa Jabatan Pengangkutan Jalan akan mencuba memberi keputusan ujian dengan seberapa segera pada

calun-calon dan akan mengeluarkan arahan-arahan baru berhubung dengan sistem ujian memandu supaya tidak menyusahkan orang ramai.

Mengenai bayaran lesen 'L' dan juga bayaran ujian, saya suka menyatakan bahawa perkara ini telah ditetapkan iaitu seseorang calon bagi lesen 'L' dikenakan bayaran sebanyak \$20.00 bagi tempoh masa 3 bulan; dan bagi bayaran ujian sebanyak \$10.00 bagi tiap-tiap kali penetapan ujian bagi seseorang calon. Bayaran-bayaran tersebut adalah berasaskan kepada perbelanjaan-perbelanjaan bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan perkara mengenai adanya lori-lori yang membawa muatan berlebihan dan memandu lebih dari had yang dibenarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa dan dari masa ke semasa mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap lori-lori yang melanggar peraturan. Pemeriksaan mengejut di jalanraya-jalanraya sentiasa diadakan untuk memastikan peraturan-peraturan tersebut dipatuhi.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya memberi kebenaran agar pengusaha-pengusaha bas sekolah membawa penumpang lain pada masa cuti persekolahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan sememangnya telah meluluskan perubahan sementara ke atas lesen perkhidmatan jalan kepada pengusaha-pengusaha bas sekolah semasa cuti sekolah bagi membolehkan mereka membawa penumpang-penumpang untuk tujuan sosial, ugama dan sebagainya dengan syarat mereka memohon terlebih dahulu kepada pejabat Pengangkutan Jalan Negeri.

Sekali lagi bagi pihak Menteri Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan-pandangan mereka yang membina.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am.

6.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah membangkitkan perkara yang menyentuh Kementerian saya semasa beliau membahas Titah Ucapan Di Raja.

Sebagai Kementerian yang bertanggung jawab terhadap pemulihan penagih-penagih dadah, saya suka menyebut seruan Ahli Yang Berhormat supaya dibina lebih banyak Pusat Pemulihan Dadah.

Saya sepenuhnya sedar tentang perlunya lebih banyak Pusat Pemulihan Dadah dan setakat ini sedang mengambil tindakan menambah kemasukan kes-kes ke dalam dua buah pusat di Bukit Mertajam dan Tampoi sebaik sahaja pesakit-pesakit melarat seramai 207 orang dipindahkan ke hospital-hospital. Di samping itu (*Gangguan—Speaker uzur*).

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dijemput teruskan.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diluluskan.

Dato' Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diluluskan.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, di samping

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya baharu dapat berita dan saya diarahkan supaya memberi pertimbangan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Majlis mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Persidangan ditempokkan pada pukul 6.20 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.24 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana perkara yang tidak diduga tadi dalam kecemasan maka saya tadi bercakap menangguhkan mesyuarat, sebenarnya menempokkan mesyuarat buat sementara waktu.

Sekarang ini kita mulakan mesyuarat balik dan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tan Sri Ong Kee Hui tadi ialah untuk mesyuarat diteruskan sampai usul ini diselesaikan malam ini. Jadi sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am menjawab.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahasan disambung semula.

6.25 ptg.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung semula

dikeluarkan dari Pasar Besar itu dipertimbangkan untuk ditempatkan semula di pasar-pasar baru tersebut.

Mengenai dakwaan bahawa pembangunan semula pasar pusat atau central market ini bukan untuk kepentingan awam, Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah (No. 34, 1960) mengatakan bahawa dakwaan itu adalah tidak betul. Kompleks perniagaan yang akan dibina di kawasan tersebut tidak terkeluar daripada Akta berkenaan. Mengikut Seksyen 3 Ceraian (c) Akta tersebut pihak berkuasa tempatan boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan:

- (a) untuk mana-mana tujuan awam;
- (b) oleh mana-mana individu atau perbadanan yang mengusahakan kerja di mana dalam pandangan pihak berkuasa tempatan adalah untuk kegunaan awam; atau
- (c) untuk tujuan perlombongan atau untuk kediaman, pertanian, perniagaan atau tujuan-tujuan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu tidaklah bertujuan untuk menghalang ataupun menyangkal usaha UDA untuk membangunkan semula kawasan-kawasan bandar seperti Wilayah Persekutuan dan saya juga berharap bahawa pihak-pihak tertentu tidak akan mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi keadaan terutamanya untuk tujuan-tujuan tertentu seperti tujuan politik, dengan mengeksploitasi kedudukan dan mengelirukan keadaan sebenarnya dan juga mengeksploitasi emosi pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau pula telah ada membangkitkan masalah mengenai peranan UDA di dalam membanyakkan tempat-tempat perniagaan terutamanya di kawasan seperti Pulau Pinang dan juga beliau ingin tahu apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh UDA berkenaan dengan mewujudkan peniaga-peniaga Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mewujudkan peniaga-peniaga Bumiputera menjalankan perniagaan. UDA telah merangka programnya dalam penyediaan

ruangniaga yang mana program ini bertujuan menempatkan peniaga-peniaga Bumiputera di kawasan-kawasan yang strategik.

Program ini dijalankan dengan beberapa cara iaitu UDA menyediakan ruangniaga secara membeli ruangniaga yang telah siap, menyewa dari pihak swasta dan UDA juga membeli atau membina sendiri ruang-ruangniaga untuk disewakan kepada Bumiputera.

Hingga kini UDA telah mewujudkan sebanyak 1,333 unit ruangniaga untuk menempatkan usahawan Bumiputera iaitu secara sewaan. Jumlah ruangniaga yang telah dijual kepada Bumiputera ialah 440 unit.

Pihak UDA juga memberi bantuan pinjaman kepada Bumiputera untuk tujuan ubahsuai dan membeli alat-alat kelengkapan yang berkaitan dengan perniagaan yang dicadangkan. Dari tahun 1972-1981 sejumlah \$9,108,418 bantuan pinjaman perniagaan telah pun diberikan kepada 350 orang usahawan-usahawan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara itu dan inginlah saya tegaskan bahawa pihak Kementerian adalah sentiasa mengawasi supaya mana-mana agensi yang berfungsi untuk faedah rakyat dan untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru sentiasa bertindak mengikut lunas-lunas yang telah dipertentukan. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab.

5.25 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, hanya beberapa orang sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini yang telah menyentuh perkara-perkara berhubung dengan pentadbiran Kementerian Kesihatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada mereka atas teguran-teguran yang khususnya ditumpukan kepada beberapa aspek pentadbiran hospital. Dengan tidak membangkitkan perkara-perkara berhubung

ucapan saya. Di samping itu dua buah pusat, satu di Kuala Kubu Bahru dan satu lagi di Besut sedang dibesarkan di bawah rancangan pembangunan. Apabila siap tiap-tiap pusat ini akan dapat mengadakan tempat bagi 300 orang penagih dadah. Selain dari itu dua buah pusat baru, satu di Sungai Petani dan satu lagi di Muar akan dibina di bawah rancangan pembangunan sekarang. Tender bagi membina pusat pemulihan di Sungai Petani telah dipanggil dalam bulan Mac tahun ini.

Kita juga mengambil peluang ini untuk menerangkan bahawa pemulihan dalam pusat pemulihan merupakan satu dari dua cara pemulihan penagih-penagih dadah yang digunakan oleh Kementerian saya. Satu cara lain adalah melibatkan penagih-penagih dadah yang tidak perlu masuk ke pusat-pusat pemulihan diletak di bawah seliaan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat. Cara pemulihan ini adalah lebih sesuai dan berkesan bagi mereka yang sedang bersekolah, yang mempunyai pekerjaan tetap dan yang sudah berumah-tangga.

Saya juga suka memaklumkan Dewan ini bahawa keseluruhan dasar Kerajaan tentang pemulihan penagih-penagih dadah sedang dikaji semula oleh Jawatankuasa Anti Dadah Kabinet. Jawatankuasa ini bermesyuarat baru-baru ini telah memutuskan akan mengambil beberapa langkah supaya menambahkan liputan kelompok sasaran dan berkesan perkhidmatan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang disebut di bawah Kementerian saya.

Bagi menjawab teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul dan Sarikei, sukacita saya memberitahu bahawa Kerajaan

telahpun mengadakan sebanyak \$25 juta bagi mencapainya tujuan yang telah disebutkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu.

Bagi menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar, suka saya menyentuh berkenaan dengan pembayaran imbuhan harga yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan yang telah dibuat oleh Perbendaharaan dalam tahun 1980 yang masih lagi belum dilaksanakan di negeri Kedah. Saya telah dimaklumkan bahawa perbelanjaan ini telahpun diselesaikan oleh Jabatan di bawah Kerajaan Pusat tetapi Jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Negeri masih lagi belum selesai pembayarannya dan masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan Negeri Kedah.

Akhirnya suka saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberikan teguran-teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menjawab.

6.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohd): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas cadangan-cadangan serta teguran-teguran Yang Berhormat sekalian berhubung dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan mengapa projek yang sama dengan projek pembangunan bandar di Gua Musang tidak dilaksanakan di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan bandar Gua Musang adalah pembangunan yang dirancangkan di bawah Pembangunan Wilayah. Pembangunan itu dikelolakan oleh sebuah lembaga yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan iaitu Lembaga Kemajuan

Kelantan Selatan. Di Sarawak pembangunan demikian ada dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Bintulu. Perbadanan Kemajuan Bintulu walau bagaimanapun adalah ditubuhkan di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, jika didapati perlu bolehlah ditimbang untuk diadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri supaya diadakan Pembangunan Wilayah di sana.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar berharap supaya penubuhan agensi-agensi Kerajaan seperti KETENGAH dan KESEDAR tidak lari dari tujuan asalnya iaitu untuk pembangunan sosio dan ekonomi rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa pada keseluruhannya ianya tidak lagi dari tujuan asal walaupun dalam proses pelaksanaannya tidak mencapai 100% dan jika didapati apa-apa masalah akan segera diatasi.

Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KETENGAH dan KESEDAR dan lain-lain agensi di bawah Kementerian ini adalah diwujudkan bagi mencapai tujuan untuk membangun ekonomi rakyat dan di samping itu membaiki corak sosialnya supaya seimbang dengan pembangunan yang dihasilkan di bidang ekonomi.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau membangkitkan mengenai pembinaan rumah-rumah kedai di kawasan-kawasan bandar baru di kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah hendaklah ditentukan kadar penyertaan bumiputra sepatutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kadar penyertaan bumiputra di bidang pembinaan rumah di kawasan bandar baru di kawasan Pembangunan Wilayah adalah sentiasa dijaga dan diberi keutamaan. Ini adalah sejajar dengan tujuan strategi Pembangunan Selatan iaitu untuk mengadakan Pembangunan yang seimbang di dalam sesuatu kawasan dan juga untuk menghapuskan ketidak seimbangan dari segi corak penyertaan kaum di bidang-bidang kegiatan-kegiatan ekonomi negara ini.

Juga untuk makluman Yang Berhormat bahawa kadar penyertaan bumiputra di bidang pembinaan rumah-rumah, bangunan-bangunan di kawasan-kawasan bandar baru di wilayah-wilayah telah mencapai 65%.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menjawab.

6.33 ptg.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbincangan mengenai Titah Ucapan Di Raja di Dewan Rakyat daripada 9hb hingga 12hb Mac, 1982 yang lalu beberapa orang Ahli Yang Berhormat secara am telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibangkitkan itu dan Kementerian saya akan memberi perhatian atas perkara-perkara yang tersebut.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyarankan supaya pembangunan luar bandar dapat dijalankan dengan lebih besar lagi di masa hadapan. Di atas saranan itu saya mengucapkan terima kasih dan saya memberi pengakuan di sini bahawa Kementerian saya akan mencuba sedaya-upaya dan pembangunan luar bandar akan berjalan dengan licin, kemas dan teratur demi untuk kebaikan penduduk-penduduk luar bandar kesemuanya.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru telah membangkitkan dalam Dewan ini perkara berhubung dengan pembayaran gantirugi bagi penebangan pokok untuk bekalan elektrik luar bandar.

Saya ingin memaklumkan bahawa bagi bekalan saluran voltan rendah sebagai dasar gantirugi tidaklah dibayar. Gantirugi hanya dibayar jika pembekalan saluran 11 kilowatt ke atas. Ini adalah kerana saluran voltan rendah digunakan untuk bekalan elektrik ke rumah-rumah. Maka ini merupakan satu perkhidmatan kepada penghuni rumah mestilah membuat sedikit pengorbanan demi

untuk bekalan elektrik rumahnya. Walaupun begitu, pihak LLN sejak tahun 1980 telah menggunakan sistem, dengan izin; insulated wiring yang tidak akan mengakibatkan banyak pokok ditebang oleh kerana sistem ini boleh melalui pokok-pokok melainkan pokok-pokok yang mempunyai dedaun yang terlalu lebat sahaja. Walaupun begitu ini akan mengakibatkan pemotongan dahan-dahan sahaja, bukan penebangan pokok-pokok tetapi ada negeri-negeri yang mampu membayar gantirugi bagi penebangan pokok buah-buahan seperti negeri Trengganu tetapi ini adalah dibayar daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan menjadi tanggungjawab negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mengesyorkan supaya ditubuhkan Tadika Kebangsaan.

Berhubung dengan soal penubuhan Tadika Kebangsaan ini adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian ini pada masa sekarang menjalankan kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) untuk menampung murid-murid luar bandar yang ibubapa tidak berkemampuan menghantar anak-anak mereka ke Tadika swasta. Penubuhan Tadika Kebangsaan adalah satu perkara dasar dan selagi Tadika Kebangsaan belum diwujudkan, KEMAS akan terus menjalankan tanggungjawab mengendalikan kelas-kelas Tadika untuk menampung demi keperluan murid-murid pra sekolah di luar-luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh mengenai soal-soal kemajuan industri kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menubuhkan satu bahagian khas bagi mengendalikan urusan-urusan industri kecil ini. Pada masa sekarang Kementerian sedang mengkaji kawasan-kawasan luar bandar yang akan diberi kemudahan industri kecil demi untuk menaikkan taraf ekonomi penduduk-penduduk setempat.

Berhubung dengan perkara ini juga hasil kraftangan tradisional seperti sulam-menyulam, tekat-menekat adalah digalakkan dan dipupuk melalui agensi Karyaneka iaitu

satu agensi yang ditugaskan menunjuk, menggalak dan memajukan asas-asas kraftangan tradisional. Karyaneka bertanggungjawab secara keseluruhannya bermula dari pergerakan sehinggalah kepada pemasaran malahan pada masa ini telah ada satu pusat pameran seperti Kraftangan Tradisional iaitu di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian saya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahasa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima”.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup dan perkara hendak dirundingkan telahpun diselesaikan, maka saya dengan ini menanggungkan mesyuarat pada petang ini hingga esok hari, pukul 2.30 petang bersamaan hari Rabu, 17hb Mac, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.